

**Laporan Persidangan**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEDUABELAS**

---

**Hari** : **21 April 2009 (Selasa)**  
**Tempat** : **(Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)**  
**Jam** : **9.30 Pagi.**

---

**HADIR**

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)

Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri

Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)

Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)

Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof )

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan Ketua Menteri II.

- “ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fook)
- “ Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
- “ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
- “ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
- “ Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
- “ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
- “ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
- “ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
- ” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
- “ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
- “ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
- “ Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
- “ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
- “ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
- “ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)  
“ Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim)  
“ Telok Bahang (Y.B. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)  
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid)  
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad)  
“ Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed)  
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato’ Haji Roslan bin Saidin)  
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)  
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)  
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)  
“ Sungai Aceh (Y.B. Dato’ Mahmud bin Zakaria)  
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

## **TURUT HADIR**

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

***Dewan mula bersidang semula pada jam 9.40 pagi***

**Setiausaha Dewan:**

DOA.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Pengumuman. Pada hari ini juga kita mengalu-alukan, kesempatan pertama kita berikan kepada pelajar-pelajar, pengawas sekolah Al-Mashoor pada hari ini di belakang. Teruskan Ahli Kawasan...

**Setiasusaha:**

7. Usul daripada Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa kami Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenaan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di mesyuarat yang pertama penggal yang kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang kedua belas pada 20 April 2009. Y.B. Tuan Speaker, Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri dan juga Barisan Pimpinan EXCO di atas kejayaan mereka mentadbir dengan jayanya Kerajaan Pulau Pinang sejak satu tahun daripada tahun lalu.

Y.B. Tuan Speaker, satu kejayaan yang begitu membanggakan adalah kita di Pulau Pinang sekarang boleh berkata kita telah berjaya untuk mensifarkan golongan yang kita dahulunya kenal atau panggil sebagai miskin tegar. Walaupun hanya satu tahun kerajaan baru ini ditadbir oleh Ketua Menteri kita dan kerajaan Pakatan Rakyat, kita amat berbangga dalam keadaan ekonomi yang meleset, kegawatan ekonomi yang meleset, kita berjaya memberi sumbangan dan juga bantuan kewangan kepada golongan miskin tegar. Walaupun barisan pembangkang dalam persidangan yang lalu menguar-uarkan menyatakan beberapa perkara yang kononnya telah dicapai oleh kerajaan Barisan Nasional. Sejak 50 tahun yang lalu mentadbir Pulau Pinang dalam kesinambungan ekonomi pada masa tersebut perkara ini langsung tidak dapat ditangani. Itu adalah satu hakikat, hakikat yang kita tidak boleh menafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional yang dahulu hanya pandai cakap sahaja. Cakap sekarang pun boleh tapi cakap tak serupa bikin.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Tuan Speaker, kepada teks ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua di mana beliau juga telah sarankan supaya kita sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bertindak secara bertanggungjawab berbahas secara beradab. Malahan dalam surat khabar THE SUN kelmarin Sultan Azlan Shah juga telah bertitah bahawa kita tidak boleh mengambil undang-undang dalam tangan kita sendiri. Kita harus menghormati keluhuran perlembagaan dan undang-undang tapi saya begitu hairan Y.B. Tuan Speaker, dengan aksi Ketua Pembangkang, dengan Ketua Pembangkang kita daripada Penaga. Kelmarin sewaktu beliau bertanyakan soalan lisan daripada soalan Y.B. Datok Keramat beliau telah menyatakan bahawa kalau perlu beliau telah merujuk kepada Thailand di mana berlaku rusuhan dan pemberontakan dan menyatakan bahawa tidak salah kalau kita berbuat demikian di negara ini. Saya cukup malu.

Ketua pembangkang atau ketua pemberontak. Minta maaf ketua pembangkang....(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker ketua pembangkang telah menyatakan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker, saya minta supaya ayat 'ketua pemberontak' itu ditarik balik. Tarik balik *you* kata 'ketua pemberontak' tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya, saya akan menjelaskan, saya akan menjelaskan kerana, Y.B. Tuan Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tarik balik, tarik balik. Y.B. Tuan Speaker saya minta tarik balik 'ketua pembangkang'.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Sungai Dua, boleh bangkitkan ikut peraturan. Y.B. Seri Delima duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ikut peraturan, saya minta perkataan 'ketua pemberontak' ditarik balik kerana ini tak patut digunakan. Tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Biar saya jelaskan. Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya minta Y.B. Tuan Speaker buat dia tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya jelaskan, biar saya jelaskan dulu.

**Y.B. Tuan Speaker :**

Duduk, dua Yang Berhormat duduk dulu. Seri Delima tolong jelaskan apa yang dimaksudkan 'ketua pemberontak' tadi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ketua Pembangkang telah mengiktiraf tindakan pemuda-pemuda UMNO yang telah masuk ke dalam Parlimen menyebabkan kacau ganggu di Parlimen, menyebabkan seorang Ahli Parlimen Bukit Gelugor menyerbu beliau, mengacau ganggu beliau dan beliau menjustifikasikan tindakan tersebut. Kalau perlu mereka akan mengambil tindakan tersebut. Bukankah itu kenyataan yang mengiktiraf tindakan pemuda UMNO, apa yang telah dilakukan oleh mereka. Bolehkah beliau mengguna ...(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Seri Delima, saya mengakui apa yang berlaku di sana. Tetapi itu apa yang berlaku di Parlimen dan ini Dewan Undangan Negeri, jadi biarlah Parlimen yang menanganinya. Teruskan dengan ucapan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya minta perkataan 'ketua pemberontak' itu ditarik balik. Ketua Pembangkang bukan Ketua Pemberontak.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan, bukan, itu yang dimaksudkan Ketua Pembangkang, saya tidak menyatakan Ketua Pemberontak. Saya kata Ketua Pembangkang.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima telah menyatakan bukan 'Ketua Pemberontak, mungkin ada kesilapan tadi. Dia telah mengakui.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta maaf, kata silap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu bukan silap, saya maksudkan Ketua Pembangkang, bukan Ketua Pemberontak.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dah dijelaskan. Teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Laluan. Sekarang boleh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Cerita semalam, ya yang dijelaskan adalah bagaimana teretusnya akibat daripada kata-kata maki hamun itu. Maka terjadilah peristiwa marahnya Pemuda UMNO. Apakah menggunakan Dewan ini ataupun Dewan di Parlimen, kebebasan itu digunakan untuk maki orang. Kalau maki orang menimbulkan kemarahan orang. 13 Mei pernah berlaku kerana apa, kerana mulut, mencaci menghina, memaki dan sebagainya. Apakah benda-benda begitu kita mau berlaku? Kita sanggup? orang itu, orang ini, maki hamun menyebabkan kemarahan rakyat. Apabila itu berlaku, undang-undang sudah diketepikan. Perasaan marah, dendam, hasrat ingin membunuh dan sebagainya.

Kalau ini diamalkan cara begini berpolitik, rakyat akan hilang pemikiran yang waras. Ada golongan yang akan melakukan tindakan-tindakan yang di luar batasan undang-undang. 13 Mei pernah berlaku. Di Thailand, kita bukan menyokong di Thailand. Saya tidak menyokong, tetapi itu boleh berlaku, itu boleh berlaku. Undang-undang dia tak peduli, dia bunuh orang dan sebagainya. Itu yang kita cuba elakkan. Jangan kerana sedap bercakap kerana kita sedap berhujah kita boleh kata apa saja yang kita mahu. Akibatnya jadi begitu.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, saya kagum dengan apa yang dicakapkan, yang dikatakan Y.B. Penanti bahawa 13 Mei berlaku, Penaga, Penaga. Jadi saya kagum kerana katakana 13 Mei itu berlaku atas maki hamun sahaja. Saya rasa ini *over simplification*. Saya rasa sebagai seorang pemimpin kita harus meneliti sejarah dengan lebih teliti lagi dan 13 Mei berlaku kerana adalah kompleks pelbagai masalah sosial dan sebagainya dan sehinggakan mencetuskan UMNO, Pemuda UMNO memulakan 13 Mei di Kampung Baru, di Kuala Lumpur. Ini sejarah yang perlu dikaji dengan lebih teliti.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Buku 13 Mei ini telah disalah tafsir. Yang ini satu buku dan satu buku benar. Yang ini pun sedang dipertikaikan. Jadi janganlah menyentuh sesuatu yang tidak ada ...saya minta. Nombor 2 Y.B. Speaker, saya tanya usul... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Y.B. Seberang Jaya saya belum bagi laluan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Sila duduk. Silakan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Y.B. Tuan Speaker, kita kena bagi insiden 13 Mei, kita kena bagi sejarawan untuk mentafsirkan dan mencari kisah sebenar apa yang berlaku pada 13 Mei. Masa itu saya belum lahir lagi, saya tahu sekarang mungkin orang-orang yang senior perlulah teliti dan kalau boleh tulis bukulah tentang apa yang berlaku pada pandangan Y.B., Y.B. yang sekalian dan saya juga rasa tidak puas hati kerana kalau seseorang boleh berlaku kacau bilau atau tumbuk orang, gaduh, kerana seseorang lagi yang memaki hamun, dia tidak, tidak mengikut undang-undang. Kalau memaki, kalau orang memaki pergilah buat laporan polis. Ikut lunas undang-undang kita tidak boleh ambil undang-undang atas tangan kita. *We cannot take laws on hand*.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Y.B. Tuan Speaker, minta penjelasan Tuan Y.B. Speaker, saya ingat sebagai orang baru ini dia tak faham. Dia lagu ini, saya difahamkan oleh arwah orang tua saya ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), saya sebagai orang yang buat usul, tidak benarkan, bolehkah saya teruskan, tidak benarkan...(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Kita bagi 1 minit.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Saya difahamkan daripada arwah orang tua saya, kalau seseorang maruah, orang Asia ini, orang Asia tak kira Melayu, Cina, India ini, kalau maruah dia jatuh, sanggup mati oh. *You* tau tak kalau maruah kita tercemar, orang Asia, orang Jepun pun, orang mana pun dia sanggup mati. Yang ini dikatakan oleh Y.B. daripada Penaga. Kadang-kadang bila maruah kita tercemar, orang tak kira apa dah. Dia tak kira siapa dah, dia tak kira apa benda dah. Dia kata maruah *is very important, dignity, pride, integrity, is very important*. Dia tak kira apa benda dah.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya minta Seri Delima teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya benarkan Batu Uban Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramanian):**

Terima kasih Seri Delima. Jika maruah menjadi tanda soal, maruah dalam isu *corruption*, apakah maksud itu yang diungkit? Maruah, tak kah maruah kita jatuh?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :**

(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, saya .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya nak minta penjelasan ini, usul atas peraturan mana, usul apa yang nak dibawa ini.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Usul menyokong titah ucapan Tuan Yang Terutama.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mungkin Y.B. Seberang Jaya masih dok ingat-ingat lagi kempen pilihan raya Permatang Pauh jadi tertinggal beliau tumpukan perhatian. Mungkin dia kena tumpukan perhatian. Seperti yang saya telah kata tadi, kita merujuk balik kepada teks ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua yang meminta supaya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri beradab, bertanggungjawab terhadap kenyataan yang dibuat. Kelmarin Ketua Pembangkang telah menyatakan sekali lagi bahawa beliau mengiktiraf apa yang dilakukan oleh pemuda-pemuda UMNO di Parlimen. *Now...*(dengan izin).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya ingat, saya pesan itu kita dah, kita masuk ke topik lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*Just* penjelasan Y.B. Tuan Speaker, bahawa walaupun beliau menyatakan beliau tidak mahu kejadian itu berlaku dan sebagainya, kenyataan beliau kelmarin adalah seolah-olah mengiktiraf tindakan apa yang dilakukan dan itu adalah hakikat dan telah tercatat dalam hansard. Dan di sini Y.B. Tuan Speaker, tindakan beliau sebenarnya Y.B. Tuan Speaker adalah satu tindakan menghasut dan saya ingin perhatian Y.B. Tuan Speaker kepada peraturan 46. Peraturan 46(17) di mana adalah salah dalam peraturan jikalau digunakan perkataan-perkataan yang menderhaka, perkataan-perkataan yang menghasut supaya memberontak. Itulah perkara pertama yang ingin saya menyatakan di sini. Kedua...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Tuan Speaker, saya nak bangkitkan tentang peraturan 46(13), iaitu seseorang ahli itu mestilah jangan menuduh seorang ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik ataupun mendakwa seseorang ahli ke atas sesuatu perkara yang bersangkutan dengan diri dia sendiri atau mengguna perkataan yang menyakiti hati. Saya ingat itu ada sesuatu tuduhan di buat terhadap Ketua Pembangkang. Jadi perkara yang tidak relevan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya buat tetapan di sini. Kita dah bincang panjang lebar tentang dan menyentuh tentang Parlimen, saya rasa Y.B. Seri Delima teruskan dengan tajuk yang lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, mungkin Y.B. Seberang Jaya ingin berbaik-baik semula dengan Penaga kerana telah di marah kelmarin dalam surat khabar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ini menyentuh peribadi, kita tak ada apa-apa. Itu sebahagian daripada taktikal kami yang dia tak tau rahsia di sebaliknya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Rahsia tak rahsia hakikatnya kena marah juga.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ini masalah dalamanlah, jangan cakaplah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu marah juga. Tak pa, saya akan teruskan Y.B. Tuan Speaker.



**Y.B. Tuan Speaker:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya di sini bukan buang masa, Ketua Pembangkang duduk dengar dulu, ya... dalam kes ini Y.B. Tuan Speaker saya juga mohon menarik perhatian Y.B. Tuan Speaker bahawa kita harus beri perhatian kepada Ketua Pembangkang terutamanya apa yang dihujahkan oleh beliau dan soalan-soalan yang ditanya oleh beliau...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker, adakah ini usul khas untuk Ketua Pembangkang ataupun usul ucapan terima kasih. Saya tak nampak lagi *point* yang dibawa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada TYT. Semua usul daripada tadi pasal Ketua Pembangkang, lebih baik pinda usul ini menjadikan usul kepada Ketua Pembangkang, bukan usul ucapan terima kasih, ini lari daripada tajuk Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), saya akan menggulung dengan ringkas isu ini bukan ucapan saya tapi berkenaan dengan apa yang berlaku di Parlimen sekali lagi. Saya minta maaf. Kita telah lihat dalam *youtube* ...(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima kita dah cukup yang itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Adakah nak sentuh tentang Parlimen atau pun yang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker. *One* isu Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Y.B. Tuan Speaker, minta laluan. Kita masa tak cukup. Nanti perbahasan isu-isu penting, tak cukup masa. Bahas isu Parlimen jadi Ahli Parlimen lah.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya minta Seri Delima bagi, mungkin untuk tutup sahaja. Tetapi untuk Parlimen kita tak usah sentuh lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Apa yang saya ingin nyatakan di sini adalah bahawa Ketua Pembangkang sebenarnya telah mengiktiraf apa yang telah berlaku dan kita telah melihat sendiri dengan *youtube*. Terima kasih Tuan Speaker...(dengan izin), bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang juga telah disabotaj dan kelmarin Yang Berhormat dari Datuk Keramat telah sebenarnya membangkitkan satu isu di mana terdapat satu rencana atau khabar di dalam surat khabar di mana Ketua Menteri juga menyatakan bahawa pelabur-pelabur yang harus datang ke Pulau Pinang sebenarnya telah disabotaj dan kemungkinan besar pelaburan tersebut telah disekat.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa jelas sekali terdapat tindakan-tindakan oleh Kerajaan Persekutuan oleh agensi-agensi tertentu dan juga jabatan-jabatan tertentu yang sentiasa sabotaj.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta penjelasan. Semua perkara-perkara ini perlu diperjelaskan di Parlimen apa yang dibangkitkan oleh Ahli Seri Delima ini hanya mahu populariti tetapi tidak siapa yang boleh membela kita tak boleh bela perkara ini sebab kita tak tahu patut dibangkit dalam Parlimen baru orang-orang agensi kerajaan menteri berkenaan boleh membela tetapi tuduhan begini bukan mencari populariti ke? Jadi saya ingat Tuan Speaker.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Belum habis lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Biar saya jelaskan Y.B. Tuan Speaker mungkin mereka akan takut tentang bukti yang akan dikemukakan, mungkin mereka takut bukti akan dikemukakan saya akan mengemukakan bukti. Semasa Pilihan raya Bukit Gantang saya kemukakan di sini satu buku yang telah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia dan merujuk kepada muka surat 20 menyatakan Edisi Terhad yang telah diserahkan kepada pengundi-pengundi di Bukit Gantang. Di mana dalam buku tersebut terdapat berbagai perkara daripada pandangan saya yang merupakan hasutan umpamanya seperti semasa menjadi Menteri Besar, Nizar membuat banyak keputusan yang tidak adil terutamanya kepada orang Melayu dan India di Perak. Biar saya teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Penjelasan sebelum saya teruskan mohon penjelasan. Adakah isu ini merupakan isu? Saya minta laluan Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tak bagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Adakah isu ini adalah isu Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang atau isu yang berkaitan dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ada berkenaan saya dengan ini ingin mengambil kesempatan Y.B. Tuan Speaker menunjukkan kepada rakyat Pulau Pinang bahawa walaupun Kerajaan Pulau Pinang begitu telus, ikhlas dan nilai murni untuk membangkitkan keadaan rakyat di Pulau Pinang. Terdapat Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang sentiasa cuba sabotaj tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini adalah hakikatnya. Dan tempat ini adalah tempat yang memang tempat yang sesuai untuk perkara ini dibicarakan untuk perkara ini dibahaskan dan saya tidak berbahas kosong.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tak bagi penjelasan. Saya tak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya minta penjelasan macam mana saya nak ber *debate*? Berilah penjelasan saya nak beri penjelasan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima tak bagi. Bagi laluan dan bagi dia habis dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kita tidak berbicara kosong seperti Ketua Pembangkang yang mengatakan boleh memberontak di Thailand, merusuh seperti Thailand dan sebagainya. Bukan bicara kosong seperti Pembangkang. Ini kita ada bukti, bukti yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan dengan jelas menunjukkan sikap Kerajaan Persekutuan yang ingin memecahbelahkan rakyat. Menghasut mengatakan kerajaan di Perak umpamanya. Saya membaca muka surat 20 Perancangan Pemberian Tanah kepada Sekolah Persendirian Cina sebanyak 1000 hektar, mengunci Sekolah Tabika Kemas dan Dewan Serbaguna, dasar parti campuran didalangi oleh DAP oleh MB yang hanya sebagai boneka. Demonstrasi jalanan hanya dilakukan oleh orang-orang Melayu ini bukan budaya rakyat Malaysia dan sebagainya dan dipelopori oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Jadi Seri Delima kita rujuk kepada tajuk yang ini dah jadi lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker saya ingin mengatakan di sini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Tuan Speaker saya mohon penjelasan dia dah jelaskan apa jadi saya berhak untuk bertanya. Baik isu-isu yang ditimbulkan itu adalah merupakan isu-isu yang dibentangkan oleh ataupun buku tersebut diterbitkan oleh Kementerian Penerangan.

Betul? itu Kementerian Penerangan adalah Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat membicarakan tentang dasar tentang dasar yang dibuat oleh Kerajaan Perak saya minta izin sikit sahaja walaupun benda ini adalah berkaitan dengan Negeri Perak. Kerajaan Pusat melalui Kementerian Penerangan berhak untuk menyatakan pandangan dia, tidak puas hati dia atau ketidaksesuaian Kerajaan-kerajaan Negeri, itu hak dia dan dia kemukakan perkara tersebut berdasarkan kepada bukti-buktinya jadi sekarang ini apa yang ditimbulkan oleh Kawasan Seri Delima, apakah yang dikatakan perkara-perkara yang menjadi sabotaj dalam Negeri Pulau Pinang? Kita nak dengar dalam Negeri Pulau Pinang. Bukan Negeri Perak bukan bawa cerita Negeri Perak buang masa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itulah kita kata bila jadi Undangan Negeri kena pandai bercakap dan sabar mendengar kerana saya belum sampai kepada isu dia lagi dan saya akan sampai ke isu sekarang. Kita sekarang sedang membincangkan tentang kenyataan Ketua Menteri menyatakan bahawa terdapat tindakan-tindakan yang cuba sabotaj pelaburan yang akan masuk ke Negeri Pulau Pinang dan juga tindakan-tindakan murni yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan ekonomi rakyat Pulau Pinang.

Ini menunjukkan bukti buku ini menunjukkan bahawa terdapat tindakan itu diambil cuma kita masih menunggu untuk keterangan itu sampai ke tangan kita, tapi ini dengan ini jelas menunjukkan tindakan Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin atau parti komponennya UMNO, MCA, GERAKAN, MIC yang selalu bercakap tentang perpaduan kaum, bercakap tentang masyarakat majmuk *one* Malaysia dan sebagainya sebenarnya menerbitkan buku-buku ini tapi depan ada Edaran Terhad bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat cuba memecahbelahkan orang-orang Melayu, India dan Cina itu tidak betul ini sebenarnya adalah kerja hasutan oleh Jabatan Penerangan Parti Barisan Nasional jelas sekali Y.B. Tuan Speaker. Saya hairan mengapa tindakan sehingga sekarang tidak diambil mungkin selepas ini akan mempertimbangkan buat laporan polis untuk pihak-pihak yang bertanggungjawab ini dibawa kemuka pengadilan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Tuan Speaker saya cadangkan untuk sekali lagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, lantik dia sebagai Ahli Parlimen. Boleh cakap di Parlimenlah.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya nak minta penjelasan Yang Berhormat Seri Delima siapa yang harus bertanggungjawab atas tindakan-tindakan menghasut tersebut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya rasa di Pulau Pinang Ketua Pembangkang yang harus bertanggungjawab. Kerana tuduhan yang saya lemparkan sekarang adalah Ketua Pembangkang mungkin tahu siapa yang sebenarnya yang mendalangi tindakan-tindakan ini. Tapi jelas sekali di Perak, Barisan Nasional telah berjaya merampas kuasa dari Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya percaya semua Ahli-ahli Undangan Negeri Pakatan Rakyat akan bersetuju. Tapi di Pulau Pinang saya bagi amaranlah jangan cuba-cuba di sini. Y.B. Tuan Speaker di sini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker saya pohon penjelasan sikit, saya rasa perkataan daripada wakil Seri Delima mesti ditarik balik apabila menyebut bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya merampas kuasa di Perak. Sebenarnya perkara ini dirujuk kepada bidang kuasa Negeri Perak ini saya rasa tak sesuai kita bincangkan tentang kedudukan kerajaan Negeri Perak dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang biarlah Kerajaan Negeri Perak bincang tetapi sebagai teguran saya minta supaya wakil Seri Delima menarik balik kenyataan dia tadi nyatakan kerajaan Barisan Nasional berjaya merampas kuasa daripada kerajaan Pakatan Rakyat Perak. Kita kena merujuk balik kepada kedudukan perundangan bagaimana keadaan itu berlaku di sesebuah melalui Institusi Kerajaan Negeri Perak sendiri. Jadi kenyataan ini sendiri telah merupakan kenyataan yang menghasut kenyataan yang boleh menyebabkan berulangnya perpecahan di antara kaum dan juga membabitkan isu mempertikaikan kedudukan Sultan Negeri Perak itu sendiri. Sila tarik balik.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Tak payah tarik balik. Saya sokong hujahan Y.B. Seri Delima.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya rujuk kepada Y.B. Seri Delima dan saya nak buat tetapan tadi tidak timbulkan bahawa menyentuh tentang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak sentuh tentang sultan dan sebagainya.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Isu tentang merampas kuasa tetapi cuma saya ingatkan cuba berhati-hati sedikit kerana kita tak mahu apa yang berlaku di Dewan dan luar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker saya akan menerima teguran itu. Tetapi Y.B. Tuan Speaker saya ingin katakan di sini adegan Ahli-ahli Politik Barisan Nasional yang cuba mempolitikkan isu ini sekali lagi dengan menarik masuk Tuanku Sultan. Saya tidak menarik Tuanku Sultan, saya tidak menarik Tuanku Sultan. Saya tidak menyebut Tuanku Sultan pun. Mengapakah mereka cuba sekali lagi memporak-perandakan isu ini seperti Ketua Pihak pembangkang? Saya tak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Kalau dia masih menyebut isu ini saya minta Dewan kedua-dua Ahli Yang Berhormat menyebut perkataan merampas kuasa sudah pasti membabitkan kuasa sultan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, bila Speaker bercakap saya nak rujuk kepada Peraturan 46 bila Speaker bercakap semua ahli-ahli Yang Berhormat duduk. Saya dah kata tadi saya dah buat ketetapan supaya tidak disentuh. Saya tidak buat ketetapan tadi

supaya menyentuh peraturan bahawa apa yang disebut oleh Seri Delima itu tadi telah pun menyentuh peraturan. Sungguh pun hampir. Tapi saya juga tak nak dibangkitkan menyentuh nama-nama sultan negeri lain di Dewan ini jadi berhati-hati dan teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya ingin meneruskan dengan ucapan dengan sekali lagi menyatakan bahawa seperti yang telah dinyatakan tadi memang nilai-nilai ataupun inisiatif-inisiatif diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih sedang cuba disekat oleh Kerajaan Persekutuan dan juga mungkin Ketua Pembangkang sendiri.

Tuan Speaker, saya juga melafazkan di sini bahawa sejak setahun kita menerajui pimpinan kerajaan negeri kita telah berjaya melaksanakan berbagai projek yang secara langsung dan tidak langsung membawa manfaat kepada rakyat di Pulau Pinang dan rakyat tidak kiralah dari kaum mana, fahaman politik dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin di sini mengucapkan syabas kepada Ketua Menteri kerana beliau *walk the top* dengan sistem CAT, memang kelmarin semasa kita memulakan Sidang Undangan Negeri perhatian telah diberi dan memang ditumpukan kepada Penanti. Tetapi saya ingin nyatakan di sini walaupun terdapat desas-desus kita mendengar pelbagai khabar-khabar untuk membersihkan nama beliau, ADUN Penanti telah meletak jawatan. Walaupun tidak ada pertuduhan dibuat, sebarang bukti kukuh dikemukakan, untuk membersihkan nama beliau telah meletak jawatan. Berbanding pula dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional seperti Ahli Undangan Negeri dan Parlimen dari Rembau Khairy Jamaludin dan juga Ketua Menteri Melaka walaupun telah didapati bersalah terlibat diri dalam *money politics* yang boleh kita .... (dengan izin), tafsirkan satu kejadian rasuah memang masih belum.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Perhatian ini kita berbincang tentang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang atau Parlimen.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan Parlimen. Ini menunjukkan sistem CAT ini adalah sistem yang memang diamalkan dan kita memang *walk the top* bukan seperti Barisan Nasional mungkin *top the walk* atau *walk the top* menunjukkan kita Pakatan Rakyat mengamalkan sistem CAT bukan seperti Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Boleh? Terima kasih. Bagus pula. Y.B. Tuan Speaker kalaulah kata Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut meletakkan jawatan kerana dia kata pasal apa dia letak jawatan? Kerana takut timbul kerana tadi kata takut timbul keraguan dan apa semua kalau tak kerana angin tak akan pokok bergoyang? Siapa suruh dia letak jawatan? Adakah dia dipaksa untuk letak jawatan? Kenapa SPRM pergi *check* dia dan kemudian nak kata nak *charge* dia? Adakah ini bukan kata terlibat dengan amalan dan sebagainya? Sila beri penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Dua soalan dikemukakan satu adalah mengapakah...(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima, sila duduk. Saya hendak buat satu penjelasan. Tadi kedua-dua pihak ada menyentuh tentang individu tertentu yang tidak ada dalam Dewan dan sungguh pun tidak ada pendakwaan dan sebagainya dan ada juga individu yang tidak ada di sini. Jadi kita elok jangan sentuh peribadi yang orang itu tidak dapat membela diri. Sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), memandangkan Y.B. Tuan Speaker telah membuat *ruling* tersebut saya tidak akan menjawab tetapi jawapannya memang ada.

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), tapi walau bagaimanapun saya menyatakan tindakan beliau meletakkan jawatan merupakan tindakan yang harus disegani kerana ia adalah tindakan yang ingin bukan dipaksa.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), saya rasa dia tidak mematuhi pandangan Y.B. Tuan Speaker. Kita sudah minta benda ini jangan dicakap. Barisan kami di pihak pembangkang pun tidak pernah menyebut tentang isu ataupun membangkitkan isu Timbalan Ketua Menteri I. Kami menghormati kedudukan diri dia. Jadi tolong. Kalau sudah Y.B. Tuan Speaker minta begitu jangan, bawa isu lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Jangan main politik lagi, duduk. Kita tidak cakap pasal Penanti, cakap pasal Rembau dengan Melaka pula sekarang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker, itu pun tiada kaitan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Sama juga...(gangguan). Patut dia *learn and talk*...(gangguan). Y.B. Tuan Speaker, saya minta dia *learn and talk*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan. *Sit down and listen*.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ini laluan Seri Delima dan beri peluang kepada Seri Delima. Seri Delima hendak sentuh Rembau dan Melaka lagi?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya. Speaker...(dengan izin), saya hendak sentuh kerana ini adalah isu yang penting. Ini menunjukkan kepada rakyat, bukan saja di Pulau Pinang, di Malaysia bahawa ada ahli-ahli wakil rakyat yang walaupun telah didapati melakukan perlakuan rasuah dari Barisan Nasional terutamanya dari UMNO masih lagi menyandang jawatan. Tidak malukah? Letak jawatan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Yang Berhormat Tuan speaker, saya minta laluan. Saya hendak menyentuh, kalau hendak sentuh tentang Khairy Jamaludin dan hendak sentuh tentang Rembau saya hendak sentuh tentang ahli PKR di Perak kenapa tidak letak jawatan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Peraturan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat peraturan telah disentuh. Sila. Seberang Jaya. Sebutkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Peraturan 46 (13) D menyentuh peribadi seseorang. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Jadi, kita tidak usah lagi menyentuh, peraturan telah dibawakan, lebih-lebih lagi apabila nama disebutkan . Jadi, teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sokongan kepada kerajaan negeri Pulau Pinang dan juga inisiatif-inisiatif lain termasuk kepada cadangan Ketua Menteri untuk mengwujudkan satu taman harimau atau *tiger park*. Walaupun kita tahu ketua pembangkang ialah orang yang paling lantang macam harimau. Bukan harimau kucing. Harimau *can be one* harimau, *tiger* Jelutong saja. Ini bukan harimau ini kucing. Harimau satu harimau saja. Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan atau menyatakan di sini bahawa ini inisiatif kerajaan Pulau Pinang di mana cadangan mengwujudkan *tiger park* atau cadangan taman harimau ini akan juga meningkatkan lagi kemasukan dana ke dalam Pulau Pinang dan juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang baik. Di samping itu, saya percaya cadangan ini juga akan meletakkan Pulau Pinang dalam mata dunia. Di mana kita difahamkan pada ketika ini terdapat cuma dua atau tiga destinasi sebegitu sahaja yang wujud di merata dunia.

Y.B. Tuan Speaker, walaupun cadangan ini telah dibantah terutamanya ahli-ahli parti komponen barisan nasional termasuk Ketua Pembangkang, parti gerakan dan sebagainya. Saya ingin menyatakan bahawa tujuan mereka membangkang dan membantah ini adalah tujuan semata-mata untuk membantah dan membangkang sahaja tidak ada apa-apa sebab disebaliknya mungkin juga mereka cemburu bahawa tindakan ini baru diambil setelah Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah di Pulau Pinang. Y.B Tuan Speaker, saya juga ingin menyokong inisiatif-inisiatif yang diambil.



**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bagus. Belajar macam itulah. Pandai bercakap, orang minta laluan bagi Taman Harimau. Hari-hari mahu kerana membela harimau bukan satu projek yang murah. Makanan harimau itu dia hendak makan daging ia satu kos yang tinggi untuk membela harimau. Apatah lagi dengan kos perubatan, penjagaan dan kemudian doktor yang merawat dan sebagainya. Yang hendak lihat harimau ini siapa? Rakyat. Kalau hendak sangat pergi ke Taiping pun ada. Zoo Harimau, boleh tengok harimau. Jadi jangan membazirkan wang dalam keadaan ekonomi global yang gawat ini. Kelmarin kita bercakap banyak tentang masalah pengangguran kita bercakap orang habis kerja, orang yang dibuang kerja dan sebagainya. Ini hendak bela harimau hendak bagi makan harimau. Bagi makan manusia lagi baik sebab itu merata-rata rakyat di bawah sana mengkritik. Jangan membela benda yang bila rakyat menegur kata, tidak betul dan sebagainya. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, kalau kelmarin dia meminta orang memberontak merusuh hari ini dia minta hari ini dia minta bagi harimau makan orang pula. Dia sudah tua mungkin dia sudah tidak tahu apa yang hendak dibahaskan. Fahamkah apa yang hendak dibahaskan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Jangan sebut orang tua-tua saja. Esok satu hari pun Yang Berhormat pun akan jadi tua juga.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat jangan sebut tua. Itu peribadi.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tua lebih berpengalaman dari orang muda. Dia bercakap lebih pengalaman dia tahu lebih banyak daripada orang muda yang baru belajar.. Saya tidak kata bagi makan orang. Harimau ini memerlukan makanan daging. Sudah dia kaitkan pula dengan harimau bela harimau makan orang dan sebagainya. Tunjuk budak-budak, penuntut-penuntut di belakang itu ada kelas berbahas. *Ini live* seluruh Malaysia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), yang tidak ada kelas itu Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang yang tidak ada kelas. Tidak mengapa, saya tidak bagi, duduk dulu. Saya tidak bagi, duduk dulu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

You hentam saya, saya hendak jawab tidak bagi. Pasal apa itu?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak mengapa duduk dulu. Biar saya jelaskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Hari ini berapa kali dia sebut nama Ketua Pembangkang. Itu menunjukkan betapa kelasnya Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ya, penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih. Berkenaan dengan Taman Harimau ini. Tanah tapak yang dicadangkan ialah 40 ekar di kawasan Relau. Tapak tanah yang dicadangkan 40 ekar itu di Taman Relau, yang saya ingat dulu masa zaman Barisan dulu kita ambil tanah itu untuk taman bandar 100 ekar di situ untuk orang ramai bukan untuk harimau. Habis hendak bela harimau sebelah dengan habitat manusia, sebelah dengan flat itu. *It's not the right place*. Harimau kena ada kawasan yang luas dalam hutan dekat dengan hutan baru sempurna sesuai dengan habitat dia. Kalau letak dekat dengan perumahan orang. Apa hendak jadi, kalau terlepas seekor, tangkap pula kena Seri Delima di situ.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, kalau kerajaan Barisan Nasional dulu mereka menjalankan projek ini mungkin perkara-perkara yang telah dinyatakan mungkin berlaku kerana mereka sendiri telah melakukan beberapa perkara yang telah merugikan rakyat dan masyarakat. Kalau kita hendak berikan amanah ini kepada kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan memang gejala rasuah dan suapan mungkin semua harimau pun mungkin akan terlepas tetapi memandangkan ini adalah satu inisiatif oleh kerajaan negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat sememangnya semua *pros and cons...* (dengan izin), semua perkara-perkara akan dipertimbangkan, diperhalusi dan selepas itu tindakan itu akan diambil. Bercakap tentang balik kepada Ketua Pembangkang ini yang selalu suka kacau saya. Yang tidak ada kelas itu Ketua Pembangkang kerana kalau kelmarin beliau menyarankan supaya orang boleh memberontak boleh merusuh hari ini seperti yang beliau tadi telah mengaku mungkin telah lupa dan tidak dengar apa yang dikatakan oleh beliau sendiri. Beliau minta macam mana hendak bagi harimau ini makan, bagi orang makan. Bukan kita hendak bagi dia makan. Memang tidak bagi orang makan, jangan takut Ketua Pembangkang. Kita tidak bagi Ketua Pembangkang makan harimau itu, jangan takut. Bukan pembangkang yang kita hendak bagi. Kita bagi daging, jangan takut bukan Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh minta laluan. Kemana dia merapu ini?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Merapu Ketua Pembangkang saja, yang merapu Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi *you* bagi saya bercakap, sekarang *you* ganggu pula. Duduk. Ini yang dikatakan belajar dulu. Hah, nak bangkit pula. Saya kata membela harimau itu kosnya tinggi kerana perlu makan daging, tidak kira daging apa pun. Saya tidak kata bagi daging manusia. Dia bawa pergi. Saya pun tidak faham. Sudah tidak ada benda hendak cakap *you* berhenti gulung tutup.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ketua Pembangkang terima kasih. Mungkin Ketua Pembangkang kena duduk dengar saya berhujah dulu sebelum berbahas kerana mungkin anda cuba memutar belitkan fakta-fakta yang sebenarnya dinyatakan oleh saya. Bila berbahas ini kita mengambil kesempatan untuk menunjukkan kepada masyarakat apa yang telah dicapai oleh kerajaan baru berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional. Kali pertama, saya berkata dalam 50 tahun Ketua Pembangkang sendiri berada dalam pimpinan kerajaan sebagai EXCO dan sebagainya. Apa yang berjaya dilaksanakan? Miskin tegar tidak dapat dicapai. Perkara itu langsung tidak dilaksanakan. Apa yang berlaku ialah projek-projek yang membebaskan rakyat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Datp' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Datp' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tidak bagikah?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi. Duduk, cukup.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Datp' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Pasal apa tidak bagi?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi. Duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Sikit saja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak boleh. Duduk. Apa yang kita tahu semasa Ketua Pembangkang sendiri di dalam EXCO cuma projek-projek yang memihak kepada gergasi-gergasi, koperasi yang mempunyai orang-orang proksi seperti dalam UMNO, Gerakan, kunci-kunci Barisan Nasional hanya diberikan manfaat. Tidak ada apa-apa dibuat untuk rakyat Pulau Pinang yang miskin tapi cakap pandai. Cakap pandai, cakap di sini wayang-wayang kulit hendak tunjuk budak-budak datang ke sekolah dan sebagainya apa yang dicapai? 50 tahun, yang ada *corruption*, penyelewengan, projek-projek yang hanya diberikan kepada orang-orang UMNO, MCA, Gerakan, MIC.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi. Duduk Tidak bagi. Duduk.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Pandai buat tuduhan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi. Duduk. Tidak boleh.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi cakap jangan main-main politik di sini. Duduk tidak bagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ketua Pembangkang bagi kepada saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak boleh. Duduk. Okey Encik Hilmi bagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Telok Bahang saya bagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

*Thank you*, terima kasih ahli Seri Delima. Kita kena lihat sejarah Y.B. Tuan Speaker. Sejarah kita dulu tahun 70-an masa pertanian semasa ekonomi kita berasaskan pertanian kemiskinan 50% tetapi apabila Barisan Nasional memerintah ini mentadbir Negeri Pulau Pinang bertukar ekonomi kepada perindustrian. Hari ini selepas 50 tahun kemudian kita telah mencapai tahun lepas *point three* peratus kemiskinan. Adakah itu bukan pencapaian yang hebat? Kalau kita bandingkan dengan purata Malaysia 50 peratus. Ada negeri yang 23 peratus masih lagi miskin. Kita *point three* peratus itu pencapaian yang hebat yang kerajaan PKR buat dalam masa lapan bulan sembilan bulan ini yang ia Kerajaan Pusat ini dalam pelbagai agensi yang bantu orang miskin ini akhirnya apa yang kerajaan PKR buat dia tambah sikit saja. Dia *write on...* (dengan izin), *write on* apa yang kerajaan kita buat. Itu saja. Bukan apa bunyi bukan main seluruh dengar kata Pulau Pinang sudah kurang kemiskinan tegar, usaha itu telah dibuat lama. Ini yang kerajaan PKR kena pegang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu satu kenyataan yang saya...(dengan izin), minta untuk tidak bersetuju Y.B. Tuan Speaker. Yang main toi ini sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional. Toi itu berlaku di Perak tetapi kita tidak mahu cakap tentang Perak. Kita cakap tentang Pulau Pinang kerana Perak itu memang perkara lain, tapi kita teruskan balik kepada isu ini, isu yang sedang berbahas sekarang. Kalau bukan tidak ada yang hendak dibahaskan Y.B. Tuan Speaker, perbahasan sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang berpengalaman. Saya percaya Ketua Pembangkang faham bahawa kita boleh di sini membahaskan isu-isu perkara-perkara yang ditonjolkan kepada rakyat tentang pencapaian-pencapaian kerajaan Pakatan Rakyat. Pencapaian ini dibuat dalam masa satu tahun, pencapaian yang dibuat walaupun terdapat kemelesetan dan kegawatan ekonomi. Berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional yang selalu melakukan, melaksanakan projek yang hanya merugikan masyarakat walaupun perkara itu telah dibahaskan dalam persidangan dahulu. Perkara dengan isi nelayan-nelayan di kawasan saya di Seri Delima ingin saya bawa kepada perhatian Y.B. Tuan Speaker. Dalam kawasan saya terdapat segolongan rakyat yang miskin terdiri dari orang melayu semuanya yang sekarang seolah-olah telah dipaksa dipinggirkan untuk meninggalkan kawasan di mana mereka menceburi kegiatan nelayan mereka sejak turun temurun. Ini berlaku semasa kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional ketika saya percaya EXCO yang bertanggungjawab ialah Ketua Pembangkang sendiri. Ketika itu projek The Light pangsapuri mewah telah pun diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Lebih kurang 100 orang nelayan melayu yang berada di kawasan saya di Seri Delima periuk nasi mereka tidak diambil kira. Masalah yang dihadapi oleh mereka tidak diambil kira. Masalah-masalah mereka untuk pindah ke jeti baru tidak di ambil kira, tapi projek ini telah dilaksanakan, mujurlah dengan kemenangan tahun lalu nasib masyarakat 100 orang nelayan ini terjamin sekarang. Di mana kerajaan baru telah pun mengamalkan, melaksanakan projek-projek, beberapa inisiatif untuk terus membenarkan mereka berkecimpung dalam kegiatan mereka dalam kawasan yang sama malahan membina jeti yang baru di tempat tersebut dengan berbelanja wang kerajaan negeri. Jadi Y.B. Tuan Speaker, apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang bahawa kalau tiada isu yang hendak dibahaskan kita kena duduk, saya rasa minta maaf jangan main politik di sini. Apa yang perlu kita ambil perhatian adalah perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang harus ditonjolkan. Dalam Dewan ini tempat yang sesuai untuk dibahaskan perkara ini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, baguslah dia belajar cepat. Buat tuduhan kepada orang kena bagi laluan. Dinyatakan tentang Batu Uban, Seri Delima mengenai nelayan sepatutnya EXCO jawab, bukan saya tapi dia kata pistol, senapang tuju Ketua Pembangkang, tidak apa. Pernahkah tanya kepada nelayan-nelayan itu berapa pampasan yang mereka dapat, kita hendak ubah pergi ke jeti yang baru. Apakah tujuan yang kita buat, semua itu adalah untuk kesejahteraan hidup para nelayan, itu tujuan kita buat, kita akan bagi keistimewaan dapat rumah dan sebagainya macam yang kita buat di Kuala Muda, Penaga, pergi tengok itu Kerajaan Barisan Nasional buat. Begitu juga rumah-rumah nelayan di situ tetapi dia tidak cerita tentang itu, dia cerita rumah dibuat itu adalah seperti hendak halau nelayan. Saya tahu bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak peduli pasal nelayan tetapi biar nelayan duduk di pondok buruk juga jangan bawa kemajuan, jangan ubah nasib mereka itu yang hendak disampaikan. Bila Kerajaan Barisan Nasional hendak buat perubahan, hendak membangunkan kawasan itu, hendak bagi nelayan selesa dia bantah pula. Tidak betul itu, perancangan harus teliti, tujuannya kena tahu, jangan main tuduh sahaja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, walaupun beliau pandai berceramah, perkara yang saya nyatakan itu tidak dipertimbangkan, saya ingin tanya di sini, memang diakui sekarang beliau EXCO yang bertanggungjawab, itu adalah pengakuan yang jelas daripada jawapan beliau. Adakah nelayan-nelayan ini dipanggil untuk bermesyuarat? adakah nelayan ini untuk ditanya masalah yang dihadapi oleh mereka? Kerajaan Barisan Nasional kalau ingin menjamin nasib orang melayu sendiri, Kerajaan Barisan Nasional tidak menjamin nasib orang melayu Dato' Azhar Y.B. Penaga menyatakan beliau adalah *champion of UMNO* dan sebagainya, tidak, tidak memberi apa-apa jaminan, mereka tidak dipanggil, tidak bagi duduk dahulu, duduk dulu, bagi habis dulu.

Tetapi sekarang masa kita memerintah, EXCO sekarang Y.B. Batu Maung telah turun ke padang lebih kurang 2, 3 kali, bukan panggil pergi ke pejabat sahaja dia pergi jumpa dengan mereka, pernah perkara ini dilakukan, tidak hanya duduk dalam KOMTAR, *office* sejuk, bawa kereta Mercedes Ben, masa itu mana tahu, biar saja nelayan, cakap pandai, duduk dulu tidak bagi cakap pandai, duduk dulu, cakap tidak serupa buat, duduk dulu, tidak bagi.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Malu kepada budak-budak.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak bagi, duduk dahulu. Dulu masa di KOMTAR ada *office* besar, ada drebar Mercedes Ben, mana kita hairan tidak tengok nasib nelayan, tidak kira siapa mereka, tidak panggil mereka bermesyuarat tetapi sekarang cakap pandai. Tidak boleh, duduk dahulu. Tidak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya menyentuh kepada Peraturan Perkara 46 (13) seorang ahli itu mestilah jangan menuduh seorang ahli yang lain yang mempunyai niat yang tidak baik dan mendakwa seorang ahli yang lain yang tidak bersangkutan dengan dirinya sendiri. Jadi saya minta perkara ini dipertimbangkan oleh Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Peraturan telah dibangkitkan, saya nampak ada perkara-perkara peribadi disentuh, Mercedes Ben dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, apa yang saya maksudkan ialah ketika, tidak bagi laluan cukup, ketika kita memerintah pada ketika itu kita tidak pedulikan nasib rakyat, apa yang saya cuma bezakan, biarlah budak-budak, murid-murid sekolah lihat perbezaan di antara Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Pakatan Rakyat. Berbezaan di antara EXCO sekarang dan EXCO dahulu, dan EXCO dahulu tidak pernah menjemput mereka bermesyuarat, tidak pergi berjumpa dengan mereka, tapi EXCO sekarang ahli dari Batu Maung, bukan sahaja untuk menunjuk-nunjuk, telah pergi ke tempat itu, berjumpa dengan mereka dengan cara berbincang masalah mereka, saya sendiri hadir dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sistem CAT yang diamalkan kita selepas menang Pilihan Raya, bukan lupakan masyarakat, kita memberi kepentingan kepada kebajikan mereka. Tidak bagi, duduk dulu, saya tidak bagi laluan, tidak bagi, Y.B. Tuan Speaker sekarang Ketua Pembangkang kata Y.B. Lim Guan Eng *not working on top*, masa 50 tahun atau lebih kurang 10 tahun beliau dalam EXCO apa yang dilakukan, nasib nelayan telah dipinggirkan mereka tidak dipedulikan. Syarikat gergasi hendak mendirikan pangsapuri mewah dibenarkan mendirikan pangsapuri di situ, dan mereka telah tidak dibenarkan nelayan untuk membuat jeti atas alasan bahawa kalau ada jeti di situ nilai pangsapuri akan turun.

Ini adalah syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, peduli kepada nelayan, biarlah gergasi syarikat koperasi ini mendirikan pangsapuri mewah, buatlah jutaan wang dan mengambil *profit* ....(dengan izin), apa peduli dengan nelayan dihadapan murid-murid kita, dia buat wayang, dia main politik dia kata kita tidak ada isu mungkin kerana dia minta duduk diam kerana dia hendak menutupkan mulut saya, tapi saya tidak akan biarkan. Perkara ini kita ketengahkan di sini di Dewan Undangan Negeri, biar masyarakat Pulau Pinang dan seluruh Malaysia lihat dalam tayangan langsung apa perbezaan di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Seperti yang saya katakan tadi Y.B. Tuan Speaker, perkara ini penting kerana sekarang menjelang pilihan raya Penanti walaupun Barisan Nasional kata tidak mahu bertanding Samy Vellu kata kena bertanding, mungkin Samy Vellu akan bertanding ...(ketawa) biarlah Samy Vellu bertanding atau Mahathir kata dia hendak bertanding, mari bertanding, tiada masalah, bertanding pun tidak bermasalah, tidak bertanding pun tidak bermasalah, kita mahu rakyat Penanti juga lihat bahawa Pakatan Rakyat *work the top* melaksanakan apa yang dijanjikan. Dan kawasan saya sendiri di mana kebanyakan penduduknya adalah masyarakat majmuk terutama daripada golongan melayu sekarang mempercayai kepimpinan Ketua Menteri kita, tidak bagi, tidak bagi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Dia sentuh pasal Penanti, banyak benda yang tidak selesai.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau lompat boleh. Sekarang tidak mahu lompat tidak mahu bagi. Y.B. Tuan Speaker, ini adalah penting, kita harus lihat, murid-murid harus lihat, mereka harus lihat bahawa Barisan Nasional yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari parti UMNO cuba pandai main wayang kulit, sandiwara, Ketua Pembangkang itu *first, first class* sandiwara, *you are the first class* sandiwara, *thank you very much*. Main wayang kulit,

kritik pandai, tapi bila melaksanakan 50 tahun yang lalu apa yang terjadi kepada nasib nelayan tidak tahu lah. Tidak apa kita akan bagi jawab nanti. Menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi yang selalu kacau saya, jeti baru yang akan didirikan ini memang selesa dan ia akan didirikan di kawasan yang sama pihak pemaju itu yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah memberi jaminan kepada mereka, jangan bimbang tentang nelayan ini kita akan benarkan akan terus dengan kemajuan dan nelayan-nelayan tersebut akan dibenarkan dengan jeti baru di kawasan itu kerana didirikan jeti baru hanya pangsapuri tersebut akan meleset. Ini adalah yang telah dibincangkan, memang diakui oleh pemaju sendiri, menunjukkan sikap rakus Barisan Nasional, Ketua Pembangkang yang ketika itu adalah Ahli EXCO.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bila saya hendak jawab tidak bagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak boleh duduk, yang tidak mempedulikan nasib masyarakat, mujurlah sekarang, kita ada kerajaan baru dipimpin oleh Y.B. Batu Maung, bukan saya puji-puji seronok sahaja tapi ini adalah hakikat yang telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan nelayan-nelayan ini, yang mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk memperhaluskan, memperinci yang dihadapi oleh mereka.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan di sini apa yang penting ialah janganlah rakyat Pulau Pinang *influence*, dipengaruhi oleh propaganda oleh Barisan Nasional, wayang kulit yang dimainkan, sandiwara yang dimainkan oleh mereka sehingga hari ini biarlah mereka dari MIC yang tidak guna, GERAKAN, UMNO dan sebagainya rakyat Pulau Pinang memang tidak dipedulikan, apa yang dipedulikan hanya kepentingan diri sendiri sahaja. Tetapi Pakatan Rakyat bukan begitu, Pakatan Rakyat membela nasib rakyat. Terdapat perkara-perkara yang didengar bahawa kita telah melakukan kesalahan dan sebagainya, kita meletak jawatan untuk bersihkan nama sendiri, bukan seperti Rembau dan Melaka.

Y.B. Tuan Speaker....(dengan izin), saya dengan ini mengambil kesempatan untuk menyokong penuh dan mencadangkan bahawa kami Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kedua Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas, sekian, terima kasih.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong, ini adalah cadangan ialah usul cadangan terima kasih, ucapan TYT daripada Ahli Kawasan Seri Delima. Jadi saya minta ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong. Saya akan berucap di masa lain, bagi peluang kepada orang kita dahulu.

**Y.B. Tuan Speaker:**



Ahli-ahli Yang Berhormat kita dalam sesi perbahasan sekarang. Usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana perkenan melafazkan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua belas, pada 20 April, 2009. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang mengambil bahagian dahulu. Silakan Ahli Kawasan Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin turut serta dalam perbahasan ucapan terima kasih ucapan T.Y.T. yang telah dibentangkan kelmarin. Terutama sekali saya bagi pihak seluruh Ahli-ahli Wakil Rakyat Barisan Nasional ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Tuan Yang Terutama kerana telah dilantik untuk menyambung perkhidmatan beliau. Moga-moga di bawah payung kebesaran dan naungan Tuan Yang Terutama Tun, Negeri Pulau Pinang akan kembali kepada kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan, terima kasih.

Hari ini Y.B. Tuan Speaker, saya rasa sungguh hebat, nama saya berkali-kali disebut oleh Seri Delima, tidak pernah lagi dalam sejarah duduk dalam Dewan ini, sering dirujuk-rujuk Ketua Pembangkang-Ketua Pembangkang, ADUN Penaga, baru saya sedar rupanya bila saya dok kritik kerajaan hari ini, rupanya mereka rasa pedih dan betul, sebab itu datang ke Dewan, geram, hentam betul-betul Ketua Pembangkang. Saya pun jadi kecut, saya pun tahu kaki pukul, kaki *attack* saya ni, Seri Delima satu lagi Datuk Keramat daripada dulu, sikit-sikit bercakap, Ketua Pembangkang-Ketua Pembangkang, *whatever it is*. Ertinya peranan Ketua Pembangkang itu berkesan, memberi kesedaran kepada rakyat tentang kepincangan, kelemahan, segala omong-omong kosong yang telah dibangkitkan oleh kerajaan negeri. Kita tengok sajalah hari ini, tuduhan kata sabotaj dan sebagainya, saya dok tunggu, tau-tau dia cerita pasal Perak, apa yang sabotaj di Penang. Kelmarin saya dengar sabotaj, hari ini lagi dengan sabotaj, apa dia sabotaj. Cuma dok baca Kementerian, Kementerian, Kementerian, kesian Pegawai-pegawai Kementerian, Pegawai *State* dan Pegawai-pegawai Kementerian Persekutuan yang tidak ada di sini ramailah. Kalaulah Pegawai Kementerian boikot kerajaan negeri bagaimana? Depa dok tuduh Kementerian sabotaj, kalau Kementerian, pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan Kementerian tidak mempedulikan kepada kerajaan negeri, tidak menerima arahan kerajaan negeri, apa yang kerajaan negeri boleh buat, hendak ambil tindakan, boleh dapat, boleh ambil tindakan, tindakan disiplin tahi minyak apa pun tidak boleh buat.

Begitu juga pegawai-pegawai negeri jangan cuba membubuh *element of fear* kepada mereka, kerana kalau mereka juga tidak memberi kerjasama kepada kerajaan negeri, kerajaan negeri tidak boleh buat apa-apa kerana pertukaran mereka semuanya adalah di bawah JPA, itu mesti ada hormat menghormati tentang sama ada mereka pegawai di peringkat *federal* atau peringkat *state*. Saya bukan suruh mereka boikot tetapi kalau itu tuduhan yang dibuat kepada pegawai-pegawai federal dan juga kepada pegawai-pegawai state akhirnya itu akan berlaku, takut esok ini pentadbiran negeri ini akan pincang, hati-hati sifat manusia. Dan hari ini saya tengok kerajaan negeri ialah, tengok bangku ada, tetapi label nama tiada, pasal apa, tidak pernah dalam sejarah saya tengok masuk dalam Dewan ini, kalau dia tidak datang sakit, cuti, saya faham, bangku ada, okey. Tetapi nama pun tidak ada, seronok, letak jawatan. Hari itu sekali dah kita ada dah pilihan raya Parlimen Permatang Pauh, pilihan raya umum, lepas itu pilihan raya Permatang Pauh, kali ini pilihan raya kecil Penanti. Ini apa ni, setahun tiga kali

pilihan raya, pilihan raya umum satu, pilihan raya kecil satu, seronok pula tu. Katalah MIC hendak bertanding siapa pun kita tidak pedulilah. Seri Delima, saya pun nak angkat juga, bagi dia terkenal juga, hari ini dia angkat saya bagi terkenal satu Malaysia. Saya pula Seri Delima, pelakon yang hebat. Apakah kerajaan membazirkan wang, masa dan tenaga? Itu tidak apa lagilah ini yang rakyat terpaksa pergi bersusah payah, bukan sahaja di kawasan rumah mereka, poster itu, ini, dalam masa setahun tiga kali. Saya ingat tidak ada dalam sejarah lagi kot, mungkin inilah pertama kali, mungkinlah, kita tidak tahulah, setahun tiga kali pilihan raya. Dan kawan kita dulu pun letak jawatan, dia letak jawatan kesian juga, saya dok harap kot Batu Maung hendak pergi duduk tempat itu, dak juga ataupun Sungai Bakap, dak juga, tiba-tiba depa kata Pilihan raya Kecil depa nak boh orang lain, kesianlah, awatlah depa buat macam itu.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Yang Berhormat Penaga sila duduk saya hendak buat sedikit pengumuman. Ahli Yang Berhormat Penanti telah meletakkan jawatan jadi kerusi itu telah kosong seterusnya benda ini di bawah Suruhanjaya Pilihan raya akan menetapkan tarikh. Jadi terdapat unsur-unsur sindiran tentang Ahli Penanti seperti yang telah dinyatakan tadi. Jadi saya minta supaya dielakkan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, saya tidak menyindir, nanti saya kata tempat itu untuk diisi oleh salah seorang daripada wakil rakyat kita, saya tidak kata pun Penanti apa-apa. Kosong-kosonglah. Cakap pot pet-pot pet, diamlah, dia tidak tahu apa pun. Saya baca surat kabar...(minta izin), "*Fairus tell PKR to clear his name or else*" unsur ugutan, ini menunjukkan yang tadi di gembargemburkan oleh .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan-Peraturan Y.B. Tuan Speaker. Kita sudah bagi dia *chance*, tidak mahu diam, kita kacau lah apa hendak buat. Kalau sudah jadi ADUN empat kali. Tunggu dulu .... (gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Teruskan dengan peraturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan 46(13) "seseorang ahli itu mestilah jangan menyentuh peribadi seseorang", jangan sebut tentang Fairus, dia tidak ada di sini. Kalau seorang yang memang berwibawalah seperti yang diuar-uarkan, dia kena tahu peraturannya. Saya bantah. Menyindir.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya baca.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ketua Pembangkang, baca ini dulu. Duduk, duduk, peraturan, kamu duduk dulu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tengok bahasa dia pakai "kamu".

**Y.B. Tuan Speaker:**

Penaga teruskan, jangan ada unsur sindiran tentang orang yang tidak ada di sini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya baca Y.B. Tuan Speaker, ini ialah keluaran *paper Star* 17 April 2009 bukan saya menyindir berkata apa. Seluruh rakyat tahu. Dia mengatakan kalau nama dia tidak dibersihkan dalam 2 minggu, dia akan .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya terpaksa minta. Peraturan Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Sila duduk. Jangan sentuh lagi tentang *statement* itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bagus, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi dia kata tentang hebatnya Barisan Nasional, bila saya hendak buka balik dia kata peraturan, peraturan, inilah wakil rakyat peraturan. Cuba tanya semua orang semua boleh tahu saya boleh hadiah satu lagi buku.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker....(dengan izin), peraturan Y.B. Tuan Speaker, duduk dulu. Peraturan yang sama peribadi, yang lain-lain menyentuh peribadi seseorang. Saya tidak bercakap macam perempuan, macam Y.B. Pembangkang. Saya bercakap macam orang lelaki, saya tidak bercakap macam perempuan, cukuplah. Jangan buat sandiwara macam perempuan, orang tidak mahu dengar suara itu, jangan bercakap macam perempuan. Jangan menyindir seseorang.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Kena ada *give and take*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya minta Y.B. Tuan Speaker, kalau perkara itu berlanjutan. Saya tidak bercakap macam perempuan. Y.B. Pembangkang yang bercakap macam perempuan. Kalau hendak adegan macam perempuan pergi luar buat aksi.

**Y.B. Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Minta laluan Y.B. Tuan Speaker, saya ingat bagi adillah. Kalau tadi Seri Delima sedap sahaja sebut pasal Kerajaan Barisan Nasional, kita boleh tengok petik balik hansard tadi apa yang dia kata tentang Kerajaan Barisan Nasional. Tidak pakai peraturan pula, boleh pula. Sekarang ini bila Y.B. Ketua Pembangkang cuba hendak menjelaskan dari segi masalah pengurusan pentadbiran negeri, masalah pilihan raya, masalah peletakan jawatan, kebetulan kita bincang ialah masalah peletakan jawatan, bukan kita bincang berkenaan dengan isu peribadi orang yang berkenaan tetapi ialah jawatan berkenaan. Itu pun sudah jadi masalah, sepatutnya, duduk dahulu ini laluan saya. Dengar sini, duduk .... (gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima duduk dahulu.

**Y.B. Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Saya rasa semua orang faham tentang isu ini. Y.B. Speaker terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Boleh perjelaskan, boleh gunalah suara dia sendiri, jangan guna macam perempuan. Kalau dia hendak adegan macam perempuan pergi buat adegan di luarlah. Orang tidak mahu tengok drama dia di sini. Tidak sedap pun suara dia.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Teruskan Y.B. Ahli Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sudah habis dah. Selama pengalaman saya dalam Dewan selalunya bila berbahas, kita minta laluan, kita bagi, kadang-kadang terlalu banyak sangat kita tidak bagilah kalau kita hendak jelaskan. Ahli Yang Berhormat daripada Seri Delima daripada sidang pertama dahulu pegang buku ini, peraturan, peraturan. Minta pun orang boleh bagi. Tidak perlu menjerit 46(3),46(13) apa ini. Belajarlah sedikit, ertilah sedikit.

Tadi dia kata tuduh saya tentang jaga nelayan, bila saya bangkit berulang kali tidak boleh duduk, duduk, jangan buat tuduhan pada orang kalau tidak bagi, jangan tuduh orang kalau tidak bagi orang bagi penjelasan. Tidak pula diceritakan nelayan itu dapat berapa belas ribu wang tunai, dia tidak cerita, mengapa mereka disuruh pindah, belasan ribu, tiap-tiap orang yang dapat, itu tidak disebut. Begitu juga...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, kes tadi saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak Ketua Pembangkang. Apa sebab-sebab yang sebenarnya yang Timbalan Ketua Menteri 1 letak jawatan, dan bila dia sebut mana tadi ...*Fairus tells PKR to clear his name*, apa maksudnya ini. Adakah benda-benda yang tersembunyi yang tidak *transparence* yang tidak diberitahu kepada kita semua. Ada benda-benda yang hendak disembunyi. Kerajaan ini tidak *transparence*. Hendak tahu daripada Ketua Pembangkang, sila jelaskan kepada saya.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya baca *paper*.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya telah sebut tadi. Jadi tidak payah sebutkan lagi. Teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Cuma sedikit sahaja Y.B. Tuan Speaker, dia akan bentangkan segala kepincangan kerajaan negeri. Ini semua orang baca, dia akan bentangkan kepincangan Parti PKR dan juga pentadbiran kerajaan negeri dalam masa 2 minggu. Rakyat tunggulah, okey. Kepincangan macam ini dalam keadaan diugut oleh orang itu, di ugut, di bahas dan rakyat menanti-nanti, itu tidak mahu sebutlah pasal kuari, itu kemudianlah, mungkin Dato' Hilmi kot. Macam Y.B. Batu Maung boleh kata Barisan Nasional hendak tumpang tui Kerajaan Pakatan Rakyat, kita tengok pun dok kelam kabut. Kelam kabut, hari ini kita tengok dalam *paper* pagi tadi, seorang pemimpin PKR pula hentam Ketua Menteri kerana membentangkan segala kes peletakan jawatan itu. Dalam akbar mengapa tidak bincang dan sebagainya, terbuka dalam akbar semua orang baca. Maafiah Barisan Nasional kami 11 orang tidak berharap untuk tumpang tui, kerajaan Barisan Nasional perintah 50 tahun pelbagai jasa yang dibuat dalam negeri ini, PKR baru memerintah setahun. Jangan cerita banyaklah, esok kalau rakyat pilih perintah lama dan *you* tunjuk kepada rakyat, biar semua rakyat buat penilaian. Setahun belum ada apa-apa lagi, hanya baru cakap-cakap.

Y.B. Tuan Speaker, 3 minggu sudah Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 letak jawatan, tetapi masih belum ada lagi penggantinya. Kita semua tahu bahawa ini adalah hak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk melantik Timbalan Ketua Menteri. Tetapi pasal apa tidak lantik, dia kata hendak tunggu Anwar, apa Ketua Menteri kata kat Anwar kah? Dulu masa Kerajaan Pakatan Rakyat di pihak pembangkang selalu kata, "Wah Ketua Menteri Pulau Pinang di kala itu Tan Sri Koh Tsu Koon *kautaw* kepada Dato' Seri Abdullah Badawi". Semua kata kepada UMNO tetapi tiba-tiba sekarang apa jadi. Apa yang dia kata itu jatuh ke muka sendiri, inilah, janganlah kata kepada orang satu hari kita buat benda yang sama juga dan menuduh orang itu dan ini.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Dewan akan berhenti rehat selama 30 minit dan Ahli Yang Berhormat Penaga diberi peluang untuk menyambung perbahasan ini selepas pukul 11.35 nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.***

***Dewan disambung semula pada jam 12.00 tengah hari.***

**Y.B. Tuan Speaker :**

Dewan bersidang semula dengan sambungan ucapan daripada Y.B. Penaga.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, perkara seterusnya yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai dengan soalan lisan saya. Soalan lisan saya berbunyi, mengapakah program beli roket bantu miskin tegar setelah dilancarkan pada 06 Mac 2009, kemudiannya dimansuhkan atau dibatalkan satu hari kemudian. Soalannya, dia menjawab di sini soalan yang ditanya tidak ada berkaitan dengan Y.A.B. Ketua Menteri. Saya dimaklumkan bahawa program ini menjual Akhbar Roket harga RM2.00, seringgit dipulangkan sebagai modal kepada DAP, seringgit lagi diperuntukkan kepada yang jualnya itu iaitu rakyat miskin tegar. Ini keluar dan soalan saya macam sama dipetik macam Berita Harian ini, beli roket untuk miskin tegar tetapi saya berasa aneh mengapa dikatakan bahawa tidak kena mengena dengan Ketua Menteri. Benar, bukan Ketua Menteri yang lancar tetapi yang lancarnya ialah ADUN Komtar, Setiausaha Politik Ketua Menteri. Apakah bila ADUN Komtar melancarnya itu, program itu Ketua Menteri tidak bertanggungjawab, dia kata ini bukan tanggungjawab dia. Apakah itu maksudnya?

**Ahli kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Nak buat penjelasan.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sila.

**Ahli kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang, memanglah ini program dan inisiatif parti yang telah dibincangkan dalam parti tapi program ini diadakan tiada kena mengena dengan pihak kerajaan dan ini bukan inisiatif kerajaan negeri dan tidak haruslah dibincangkan dalam Dewan ini. Sekian.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Senanglah ini parti punya tak kena mengena dengan kerajaan negeri yang melancarkan tu bukan Setiausaha Politik Ketua Menteri? Mesti. Kita tak boleh pisahkan...(gangguan).

**Ahli kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Tapi ini atas kapasiti saya sebagai saya Setiausaha Publisiti DAP Pulau Pinang.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kapasiti *you* sebagai ahli DAP tetapi dia kata di sini bantu, beli roket bantu miskin tegar sebagai satu program untuk membantu menyelesaikan masalah miskin tegar yang terdapat di Pulau Pinang. Yang saya ingin tanyakan, apakah program ini tak difikirkan sedalam-dalamnya tak diperincikan akibatnya. Apakah program ini untuk memperhambakan program ini untuk memperlakukan golongan miskin tegar untuk menabung nak menambah tabung DAP?

**Y.B. Tuan Speaker :**

Y.B. Penaga, sila duduk.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, saya duduk.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Kita telah menolak soalan itu di bawah peraturan 24 kerana soalan-soalan yang boleh ditunjukkan di bawah sama ada perkara 24(a) dan 24(b) perkara-perkara yang ditunjukkan kepada Ketua Menteri dan bila kita buat tapisan jadi program tersebut kita seperti adalah program parti so jadi bukanlah inisiatif Ketua Menteri, jadi kita dah tolak soalan tu jadi soalan tu tak sepatutnya dibahaskan dalam Dewan ni.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, Y.B. Tuan Speaker, nampaknya kerajaan hari ni memisahkan parti DAP dengan kerajaan yang tadi Seri Delima hentam UMNO dengan kerajaan Barisan Nasional tu bum..bum..bum, tak berhenti-henti dia tak pisahkan pula, bila saya bangkitkan ini, oo.. pisahkan ini DAP, ini Pakatan Rakyat lain tadi Seri Delima hentam segala rembau, mambau semua itu parti dan kemudian dia kata Barisan Nasional inilah tapi itulah hakikatnya...(gangguan), Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Boleh tolong bagi laluan.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh, saya akan bagi.

**Ahli kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Saya, saya sakit telinga dengar apa...(ketawa)...(tepuhan), saya rasa Ketua Pembangkang dia memang orang tua tapi dia apa dia tak tau beza mana yang apa parti mana yang kerajaan punya hal. Saya rasa Ketua Pembangkang dia kena belajar juga la, kita tak semestinya menepati tiap-tiap kerajaan kena ikut itu Barisan Nasional punya *style*. Jadi memandangkan hal ini, saya harap Ketua Pembangkang kena berfikir sebelum bercakap jangan cakap kosong saja. Itu saja.

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Alahai kesianla Jawi. Dia tak ikut *argument* kita, perbahasan kita, bangkit-bangkit bercakap tak tau apa yg betul belajar banyak lagi la. Apa yang kita *argue* tadi sebab tu semua diam apa yang dia kata tu. Ini tiba-tiba Jawi bangkit cakap saya bagi laluan tapi alamak kesian Jawi. Okeylah seperti Y.B. Tuan Speaker katakan buat *ruling* tadi saya terimalah tapi pokoknya itu saya nak sampaikan, baik. Y.B. Tuan Speaker, perkara yang banyak diperkatakan hari ini, kelmarin ialah miskin tegar. Tadi Seri Delima, kita memerintah setahun kita dah menghapuskan miskin tegar kita berasa bangga kejayaan bum...bum...bum kelmarin Y.B. jawab juga dia kata ada 328 KIR (Ketua Isi Rumah) ketua keluargalah, 728 keluarga miskin tegar. Hari itu dibanci oleh Jabatan Perdana Menteri, 494 nama-nama itu ada di semua Pejabat Daerah biar pi lah 494 ke 728 ka tak pedulilah pokoknya ada.

Pada bulan Mac, bulan Februari, CM kata dia tak mampu untuk menghapuskan miskin tegar kerana dia tak boleh buka akaun amanah tak apalah kita terimalah. Kemudian, bulan Mac pula dia kata oo.. kita sudah selesai masalah miskin tegar, saya kata macam *magic* sekejap ada sekejap tidak ada, sekejap ada sekejap tidak ada. Dalam masa beberapa hari, beberapa minggu 2,3 minggu dah selesai, hebat betul. Saya pun jadi hairan besar dan terperanjat, orang kata terperanjat badak orang kampung saya kata. Terkejut daripada tak boleh selesai tapi boleh selesai kemudian dia kata *reporter* kata wah!, Kita tak *top up* untuk RM500.00, saya pun kata bagus lah. Saya pun pergi kawasan saya yang saya kenal pasti miskin-miskin tegar itu. Saya pergi *check* satu persatu semua ada lebih kurang 26 orang. Jap tengok balik, jap lagi kata salah pula, Ya dalam ADUN Penaga, 26 orang yang ditakrifkan sebagai miskin tegar yang mendapat pendapatan ikut Jabatan Perdana Menteri ialah RM430.00 sebulan sekeluarga. Yang ini RM500.00 kalau tambah RM50.000 pasti lebih lagi. Saya *check* satu persatu nama pun ada kepada saya, Rosli bin Osman 624, Pengkalan Bongor, No. K/P: 650510075147 Kepala Batas. Salehudin bin Said, Pengkalan Bongor, Mat Nazri dan sebagainya.

Yang saya nak tanya sangat ni macam mana banciaan itu dibuat dan kepada siapakah yang diberikan bantuan itu sehingga menjadi RM500.00 yang wakil rakyat pun tak tau sapa, tak tau tiba-tiba heboh satu negeri bebas daripada miskin tegar. Kitalah negeri yang pertama tanyalah kawan-kawan, senarai ni, saya cakap tentang Penaga saja. Saya akan bagi kepada Y.B. Sungai Puyu ...(gangguan), sat-sat saya akan beri senarai ini. Senarai lengkap dengan no. ic, dengan alamat, umur semuanya kepada Y.B. Sungai Puyu sebabnya kerana Y.A.B. Ketua Menteri kata kelmarin. Sila.

**Ahli kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, nombor satu bilakah Ahli Y.B. daripada Penaga turun padang untuk menyelesaikan semak tentang senarai itu bilakah kajian dibuat? Nanti-nanti, bolehkah, baik, bolehkah diedarkan senarai supaya saya minta pegawai-pegawai kebajikan termasuk Pejabat Daerah supaya turun padang untuk disiasat. Bolehkah bagi, bilakah ini senarai dan juga saya ingin nak tau adakah tidak ada bahawanya projek ini telah diumumkan 1 tahun yang dahulu iaitu kata kehendak untuk ni membasmi miskin tegar. Adakah telah dimaklumkan secara dalam dewan ini secara dalam surat khabar? Ada atau tidak ada?

**Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Senarai ini adalah hari Jumaat sudah. Dipanggil satu persatu ke pusat khidmat, saya tanya tidak ada bantuan apa pun yang diperoleh. Satu hari, Ahad sudah, hari Ahad, dua hari, lalu miskin tegar daripada Seberang Perai ditanya juga senarai yang ambil daripada e-Kasih ini, senarai yang ada di Pejabat Daerah semua pergi *check* ada tak senarai tu. Masa PERDA bagi bantuan barangan-barangan seperti mesin jahit, seperti macam dapur gas, mesin potong rumput untuk mereka bekerja. Sapa yang dapat? sorang pun tak dapat. *You* balik *you* semak e-Kasih punya senarai yang ada di Pejabat-Pejabat Daerah dan juga pelbagai agensi kerajaan. okey, beri *top up* RM500.00. *You* nak cakap, sila.

**Ahli kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Soalan saya belum dijawab Y.B. Tuan Speaker, bahawa ada atau takda kesedaran telah dibagi kepada semua pihak melalui media melalui dalam Dewan yang mulia ini bahawa nombor satu apabila kita membasmi miskin tegar, kita semua harus



tidak mengambil kira bangsa, agama dan kefahaman politik iaitu kata semua orang mesti ambil bahagian, ambil bahagian yang itu kata mestilah baik pun dari NGO baik pun dari parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat harus turun padang dengan apa-apa maklumat mesti dipanjangkan. Jika hal ini tidak tahu macam mana sistemnya untuk mendaftar. Saya rasa amat kesian kepada Ahli Y.B. daripada Penaga, satu. Keduanya, apabila pada mulanya saya juga telah menjemput parti pembangkang daripada UMNO supaya menjadi Ahli MMK supaya semua kerja-kerja amal ini khasnya untuk membasmi miskin tegar ini dapat dipanjangkan kepada semua orang dan mereka dapat membuat satu keputusan. Saya selalu merayu bahawa marilah kita bersama-sama memegang tangan dengan kecintaan daripada hati ke hati supaya dapat mengenal pasti semua orang miskin supaya dapat tolong menolong tepikan perbezaan politik. Mengapa kehendak tunggu sehingga bahawa amanat ini baru hendak turun padang ada atau tidak ada *you* dapat ini. Adakah atau tidak ada bahawanya Y.B. dari Penaga seorang yang begitu berpengalaman sejak 1990 sudah menjadi seorang ADUN ada biasa menjadi seorang YDP, ada juga biasa jadi EXCO juga biasa bertugas untuk mencegah miskin tegar di hari ini tidak tahu sistem yang sedia ada. Sistem yang sedia ada tidak diubah saya kata saya mewariskan SOP tersebut di mana pegawai daerah melalui penghulunya, melalui JKM, melalui UPEN turun padang dan juga ada berhubung dengan urus zakat untuk semak semua kongsi maklumat adakah Ahli Yang Berhormat daripada Penaga sebagai seorang Ketua Pembangkang sebagai seorang yang begitu berpengalaman menyoalkan kebendaan atau kecekapan pegawai-pegawai kerajaan adakah kata hanya daripada Kerajaan Pusat senarai itu betul sahaja dan kata apa dalam senarai oleh kerajaan negeri itu langsung tidak betul, jikanya tidak tahu macam mana agihkan bantuan kepada mereka ini memang satu bukti yang kukuh bahawa pembangkang masih tertidur, masih berlena faham tak,

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan, penjelasan

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Azhar bin Ibrahim):**

Bila saya bagi, dia hendak bagi ceramah, ini yang meluat dengan Y.B. Sungai Puyu ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Penaga, kita, bila kita kata miskin tegar kita sudah ada senarai miskin tegar itu sejak daripada dahulu, sebab itu senarai itu daripada dahulu berkurangan-berkurangan hingga akhirnya tinggal 300 lebih yang ada dalam senarai yang perlu diselesaikan, tetapi oleh sebab kerajaan negeri kata dia buat kerja tambahan dia dapat lagi 728, okey, tetapi 320 lebih itu dulu tidak diselesaikan kerana mengikut kata itu banyak lagi di kawasan saya yang ada dalam senarai e-kasih tidak dapat bantuan tetapi orang yang tidak ada pula diberi bantuan, ini yang ditimbulkan oleh Y.B. daripada Penaga kerana mengapa senarai 300 tidak diselesaikan, yang diselesaikan ialah tambah yang lain pula orang yang tidak ada kaitan, orang yang ada kereta, ada motor yang diberi pada bantuan, saya belum habis tidak apa, sekian.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat sila duduk, Kawasan Sungai Jawi Y.B. Tuan Tan Beng Huat

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya minta izin daripada, inilah sikap kerana kehendak dia keseronokan bahawa minta sama dia, dia baru puas hati, tidak mengapa saya boleh membuat dia puas hati.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Minta izin daripada speaker, lepas itu saya minta laluan daripada Y.B. Penaga.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Bukan, saya telah minta izin Y.B Tuan Speaker, saya sudah berdiri speaker sudah beri kebenaran tetapi dia ingin saya minta lagi sama dia, dan dia ingin beri dia peluang kerana jarang-jarang dia ada satu peluang untuk memperbesarkan diri sendiri sampai macam dia punya badan. Y.B. Tuan Speaker, ini adalah satu bukti yang kukuh bahawanya Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua walaupun sudah empat penggal jadi seorang ADUN, daripada Sungai Dua langsung tidak fahamkan ini semua kerana tidak biasa ambil sedikit masa supaya faham sistem perkhidmatan awam langsung tidak tahu, apakah yang dia buat selama empat penggal ini, saya rasa amat dukacita oleh demikian apabila dapat semakan senarai kebanyakan orang miskin tegar datangnya daripada SPU khasnya daripada kawasan-kawasan mana yang dipengaruhi oleh UMNO itu saya rasa dukacita, akan tetapi di sini masuk dalam Dewan yang mulia Negeri Pulau Pinang dia kata yang pusat dan di sini kalau katanya masih dalam kawasan Sungai Dua dan kawasan Penaga masih ada begitu banyak orang miskin tegar, soalan pokok saya *what have you been doing?* Apakah sedang dibuat semasa kerajaan ini seorang yang lima penggal dan seorang yang empat penggal, apakah yang sedang dibuat dalam kawasan dan juga jikanya senarai 324 ini tambahannya, ini bukan soalan lisan, saya kata minta jalan dia jangan anggap dia sendiri masih lagi seorang EXCO bila saya kata apa, soalan apa, soalan apa saya tidak perlu tanya soalan kepada awak kerana tidak jawab langsung kerana hari ini saya minta jalan supaya bagi penjelasan, ini penjelasan jikalau tidak terima tak payah terimalah, saya hormat hak asasi Ahli Yang Berhormat daripada Penaga, kalau hak hendak tidur, tidurlah kerana hendak lena, lenalah kerana masa yang akan datang akan ada satu perubahan kata *bye-bye* tidak nampak Penaga di dalam Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Inilah Y.B Tuan Speaker, bila minta penjelasan, dia bukan beri penjelasan dia berceramah sebab itu dia cakap dahulu enam jam kalau saya sudah tidak beri laluan jangan marah ok, kita bagi seinci, dia ambil sedepa, bila sedepa dia ambil sepaha lepas sepaha dia ambil satu kepala, dia hendak ambil inilah perangai, yang kita bangkitkan pendaftaran yang dia buat saya tidak tahu macam mana melalui jawatankuasa saya tidak tahu, adakah JKKM yang dok pergi cari orang kampung atau dia ambil di mana nama-nama senarai itu dan kita tidak tahu pun siapa-siapa yang dapat tetapi nama yang berdaftar dengan e-kasih yang ada di Pejabat Daerah dia tidak sentuh, duduk, duduk, saya bukan takut, duduk tidak usah beri ceramah, diam, duduk, tidak mahu dengar dah suara *you*

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, saya hendak minta laluan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Beri laluan, tidak bagi

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Tidak bagi, dia takut kerana saya akan beri masalah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Siapa takut dekat *you*, dulu, bila kita cakap pada penggal itu, *you* duduk, *you* duduk, kita semua keluar, apakah sudah lupa, siapa yang hendak tunjuk *big bos* di sini semua habis, semua keluar.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, dahulu 38 orang saya tidak takut sekarang dia seorang apa yang saya hendak takut apa, apa ini?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak kata takut, siapa yang takut dekat *you*, ah, Yang Berhormat tiada apa pun *service*, *you* mengarut tipu masyarakat ini dok mengaku kata seluruh negeri bebas daripada miskin tegar bohong kepada rakyat, bohong kepada negara, bohong satu dunia mengatakan sudah selesai masalah miskin tegar, saya *proof* ini 26 orang ini habuk pun tidak dapat macam mana boleh *claim* macam itu saya cabar pergi turun, kalau dok kata turun padang, turun padang ini kawasan saya cuba tanya semua itu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Ketua Pembangkang Y.B. ADUN Penaga, adakah ADUN Penaga bersetuju bahawa bila kita katakan penyelesaian miskin tegar ini hanya cukup dengan kita memberikan RM500.00 ringgit dan adakah penyelesaian miskin tegar ini hanya dengan cara memberikan sumber kewangan tersebut tetapi tidak melibatkan atau tidak melihat kepada isu-isu seperti menyediakan tempat tinggal, menyediakan kualiti kesihatan dan juga pendidikan, jadi dengan hanya RM500.00 sahaja, saya hendak tanya pandangan daripada Ahli Penaga, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Terima kasih kerana membangkitkan soalan tersebut, memang hendak bangkitkan soalan ini sampai ke situ bukan bererti kita beri *top up* RM150.00 kah, RM200.00 kah menjadi RM500.00 selesai masalah miskin tegar, tahukah Yang Berhormat kawasan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Tolong beri laluan, minta laluan

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Nanti dahulu, *you* tidak tahu apa-apa duduk dulu nanti saya bagi, tidak sempat kita tengah hayati dia potong sebab itu kata *you* tidak tahu tengah bercakap. Bila kita ambil perangkaan RM500.00 itu sebagai pendapatan dia kalau *you top up* bagi jadi RM500.00 tetapi *quality of life* nilai hidup dia rumahnya bocor, dinding nak tercabut, anak dia pergi sekolah, tidak berpakaian atau compang-camping maksudnya ialah tidak beruniform sekolah itu semua diambil kira, ini sekarang musim hujan ini berapa buah rumah yang bumbung mereka bocor, sebab itulah maka agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti PERDA, TEKUN semua ini bantu dan juga Majlis Agama Islam, Pusat Urus Zakat, bukan kita bagi-bagi tambah RM100.00, ah, selesai hujung tahun budak-budak hendak sekolah makan di rumah pun tidak cukup. PERDA bagi satu bakul yang bernilai RM100.00 makanan pada tiap-tiap rumah miskin tegar ini. Silakan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Terima kasih Ketua Pembangkang, terima kasih Y.B. Tuan Speaker, mengenai masalah miskin tegar yang telah diceramahkan oleh Ketua Pembangkang kita, saya rasa Ketua Pembangkang kita dia sedang tidur mungkin dia tidak tahu, dia tengah tidur dekat rumah atau di mana sebab apa yang saya tahu masalah berkenaan miskin tegar ini telah pun diagihkan kepada setiap ADUN untuk mengesan mereka sebelum ini, tetapi saya tidak faham mereka pada awal tidak memberikan kerjasama yang rapat kepada kita mereka ini tolak itu, tolak ini sekarang baru cakap ini, cakap itu ini munasabah, saya rasa Ketua Pembangkang ceritanya pun macam tampar mulut sendiri ini masalah yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional dahulu, jadi kerajaan sekarang hendak berusaha untuk membasmi kemiskinan, seharusnya pihak pembangkang kena hargai jasa kerajaan baru, baru betul bukan hendak hargai apa, kerana orang tidak mengundi dia. Penjelasan apa, oh, yang Barisan kata rakyat tidak hargai jasa apa, dalam TV ada cakap.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Dia fahamkah apa yang dia cakap, siapa yang tidur ini, dia bercakap sahaja malulah kepada pelajar-pelajar itu. Barisan Nasional tidak buat apa yang jumlahnya semakin hari semakin kurang tiba-tiba kerajaan negeri kata kami selesai sudah berselerak, itulah saya tidak tahu cara operasi yang macam mana adakah kawasan-kawasan dari pembangkang ini namanya diberi melalui JKKM kah atau Yang Berhormat masuk kampung sendiri cari saya tidak tahu, tiba-tiba dengar selesai, wah, macam *magic*, oklah.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

Y.B. Tuan Speaker, dan Yang Berhormat daripada Penaga bagi kawasan kami dari Permatang Pasir kita ikuti apa yang senarai yang telah dibentangkan oleh Pejabat Daerah. Jadi saya hairanlah macam mana benda ini boleh terlepas, saya pun tidak tahu adakah itu yang ada dekat Yang Berhormat tetapi kita di Seberang Perai Tengah kita mengikuti apa yang telah pun dibuat oleh Tuan Haji Abdullah kalau dibuat oleh Tuan Haji Abdullah itu mengambil kira apa Yang Berhormat kata itu tadi iaitu daripada Jabatan Perdana Menteri juga cumanya daerah kami Pegawai Daerah ini bekerjasama dengan kita dengan baik sebab itu dia tanya *list* yang dia beri, yang sudah keluar, jadi macam mana Y.B. Penaga kata tadi di mana kita ambil ini tidak timbul masalah di kawasan sayalah, saya ingat di kawasan-kawasan lain begitu juga, macam mana terjadi di Penaga saya pun hairan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Senarai yang saya diberi ini pun dari Pejabat Daerahlah, senarai yang dipanggil e-kasih. Mungkin sebab Yang Berhormat sokong PAS, sokong kerajaan Pakatan Rakyat, mereka bagi semua. Bila kami kawasan UMNO, mereka tak bagi, macam mana kata macam tu, katanya semua sudah selesai. Ini bukan soal politik, saya cabar pergi *check* senarai ini, dalam Dewan yang mulia ini, ambil senarai ini, *check* dengan e-kasih, dengan Encik Mokhtar, DO Pejabat Daerah ada di belakang ini, pergi tengok dan pergi Tanya.

**Ahli Kawasan Jawi ( Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Penjelasan, bagi laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* tak tahu apa, duduk dulu. Cakap pun orang tak tahu, orang pun tak faham apa *you* cakap.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta izin.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan senarai kerana telah ada satu cabaran di sini dan satu tuduhan bahawa seolah-olah Pegawai Daerah SPU telah cuai dan tidak berusaha.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, bagi laluan kepada Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak beri, saya sudah kata saya akan beri senarai

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Sungai Puyu sudah minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak benarkan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Bila satu cabaran dibuat di dalam Dewan ini

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya sudah kata awal-awal tadi, saya akan beri senarai ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya minta supaya Y.B. Tuan Speaker boleh beri kepada saya kerana saya telah menerima cabaran ini. *I accept your challenge.*

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Pergi buat kerja, nak jadi *hero* pula. Saya tidak bagi dia bercakap, saya tidak beri dia laluan, kenapa dia hendak bercakap.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Duduk dulu Y.B. Penaga. Y.B. Sungai Puyu menyahut cabaran dan meminta Y.B. Penaga serahkan, itu sahaja dia minta. Kalau tidak dibenarkan laluan itu hak Y.B. Penaga, yang disuruh saya meminta dipertimbangkan ialah sama ada hendak serah senarai itu kepada Y.B. Sungai Puyu. Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak bagi dia bercakap, saya punya *floor* sekarang, itu hak saya sekarang. Tahu tak undang-undang? Kalau tidak tahu, duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau seseorang berani mencabar dan saya tidak terima cabaran, mesti serah senarai itu kepada Y.B. Tuan Speaker supaya ....(ganggguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Bagi saya bercakap.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Inilah perangai yang ditunjuk daripada dahulu, orang tidak bagi laluan, bangkit bercakap, sila duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau berani cabar.....(gangguan, bergaduh).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak usah cakap tinggilah, poorahh. Tidak malu orang tidak bagi bercakap.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Apa poorah. Y.B. Tuan Speaker, minta dia bercakap sopan di Dewan ini.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Peraturan 48. Bila Speaker bercakap, sila duduk. Kedua Ahli Yang Berhormat, saya akan buat ketetapan sekarang. Saya akan guna Peraturan 48 sekarang, adakah Yang Berhormat akan terus membuat gangguan atau saya terpaksa menggunakan kuasa saya 51 (5). Saya sudah buat ketetapan tadi, Y.B. Sungai Puyu hanya meminta supaya ...(gangguan).

Speaker belum habis bercakap, ada yang hendak bercakap. Y.B. Sungai Puyu meminta supaya Y.B. Penaga memberikan, boleh diberikan, dan menyahut cabaran untuk diberikan senarai itu kepada Y.B. Sungai Puyu, habis setakat itu. Cuma Y.B. Penaga sekarang hanya sama ada hendak menyerahkan sekarang ataupun kemudian, itu terpulang kepada Y.B. Penaga. Jadi saya minta Y.B. Penaga untuk sambung.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, saya hendak minta .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya ada berikah?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Duduk dulu. Saya minta kepada Y.B. Tuan Speaker, kalau seorang mencabar orang lain dalam Dewan yang mulia ini, haruslah bukti itu ditunjuk dan diserahkan kepada Y.B. Tuan Speaker untuk diserahkan kepada saya.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Sungai Puyu, sila duduk, saya sudah faham. Itulah yang disebut oleh Y.B. Sungai Puyu dan saya serah balik kepada Y.B. Penaga untuk menjawab. Teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Dari awal-awal tadi saya telah katakan saya akan serahkan senarai ini, dia lena dan tidur. Kemudian cabar pula, tak payah cabarlah, memang daripada awal lagi, pergi semak hansard, bahawa di borang ini terkandung senarai nama yang telah saya baca tadi, saya akan serahkan selepas ini, saya fotostat satu *copy* dan saya akan bagi. Kenapa hendak minta sekarang? *You* diam, saya punya suka saya hendak bagi atau tidak, saya punya. Alah, orang bagi seinci *you* cakap banyak, main wayang. Kadang-kadang naik *fed up* layan macam ini, cakap berbelit-belit, bohong sana, sini. Kalau tidak percaya boleh semak dengan Pejabat Daerah SPU, kalau tidak betul senarai ini, jangan sedap-sedap *declare* bahawa kita sudah selesai dalam masa setahun. Cerita kepada orang yang tidak tahu, cerita kepada orang yang baca *paper*, mereka mengganggu betul, tetapi kita yang di *ground* ini tahu apa yang berlaku. Semua pembohong, cerita lalu melilau dengan kereta lepas itu beritahu selesai semua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Pantai Jerejak minta laluan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Ketua Pembangkang dan terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa Dewan ini Dewan yang mulia, janganlah kita *argue* tentang senarai lengkap atau tidak lengkap kerana yang penting ini kita adalah wakil rakyat yang ingin membantu rakyat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan tegar. Kita bercakap-cakap dan bergaduh di sini tetapi yang merana itu 26 orang yang dalam senarai itu. Jadi baiklah, saya menyeru kepada Ketua Pembangkang, janganlah kita mainkan politik keadaan ini dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Main politik apa? 26 nama yang dalam senarai ini memang dibantu oleh Kerajaan Pusat, memang diberi bantuan. PERDA, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan TEKUN pun bagi, kerajaan negeri sekupang pun tidak bagi tetapi mereka yang *claim*. Tetapi mengaku selesai.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak payahlah, *you* cakap sehala sahaja.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Sedikit sahaja. Saya ingin bagi penjelasan sedikit sahaja. Saya ingat Ketua Pembangkang tertidur. Saya ingin tegaskan dia memang tertidur, mungkin Pegawai Kebajikan sudah pergi *check*, dia sudah dapat maklumat bahawa Kerajaan Persekutuan bagi bantuan ini, Zakat bagi bantuan ini, jadi memanglah mereka ini tidak dapat bantuan, jadi janganlah panjangkan cerita lagi. Kita kena fikir dahulu sebelum bercakap, jangan cakap sembarangan, cakap memang tidak payah pakai modal tetapi biarlah logik.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sekali lagi, tengok. Y.B. Dato' Jasmin geleng kepala, apa dia cakap pun tidak tahu. *You* faham apa yang *you* cakap kah? Kadang-kadang buang masa bercakap, dia bercakap hendak *argue*, tuduh orang tidur sekarang ini dia bercakap macam orang pejam mata, *you* cakap saya faham, anak murid yang ada di belakang lagi tidak faham apa *you* cakap.

Y.B Tuan Speaker, *style* Kerajaan Pakatan Rakyat, belum buat sesuatu, cakap dahulu, ini *style* mereka. Mereka bagi publisiti berleluasa, cerita hendak buat macam-macam, bila kita tunggu sebulan, tidak ada apa, tunggu, 2 bulan, 6 bulan tidak ada apa-apa, akhirnya kadang-kadang tidak ada apa-apa terus sampai setahun. Tak payah unkitlah tentang janji pilihan raya, sudah muak cerita tentang tol, cerita hendak bagi RM6,000 kepada keluarga berpendapatan rendah, tak usah unkitlah tentang itu, memang itu semua orang tahu tidak pernah tertunai. Sekarang saya hendak, mungkin saya tidak tahu, tetapi hari itu semasa Y.A.B. Ketua Menteri pergi ke Korea dan balik bercerita bahawa sebuah syarikat Korea akan melabur RM300 juta dan membina



padang golf di Batu Kawan, lepas itu senyap, diam tak berbunyi langsung. Korea kah, mana kah, saya tidak tahu itu, mungkin ada, saya tidak tahu tetapi tidak dapat maklumat kepada saya, dulu riuh kata hendak datang melabur tetapi tiba-tiba dengan air itu senyap sepi, tidak berbunyi. Tolong bagi tahu kepada kita.

Yang kedua, mengenai suka berjanji. Warga tua umur 60 tahun ke atas akan diberi penghargaan, saya pun teringin untuk berdaftar, Y.B. Bagan Jermal pun boleh daftar juga, *you* pun warga tua, entah-entah dia pun lebih tua dari saya. Tetapi saya hairan juga, kata hendak bagi RM2,500, tak tahulah, ini cakap di pasar kah atau apa, tak tahu, tetapi dalam *paper*, orang-orang ini pergi hendak minta RM2,500.00. Ini *paper* Cina, kawan saya cerita pada saya, lepas itu dia kata minta sama Guan Meng, surat khabar itu. Tak tahulah, ini ditulis di sini, orang-orang ini pergi minta bantuan RM2,500.00. Saya tidak tahu, saya tidak tahu Bahasa Cina tetapi kawan cerita pada saya. Saya pun bangkitkan di sini, kalau salah tolong betulkan, tapi janji katanya hendak bagi RM2,500.00 keluar dalam surat khabar, kalau tidak betul, tolong betulkan. Kalau saya bawa Utusan Malaysia boleh kata itu tidak betul, itu tipu tetapi ini surat khabar Cina.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* tak payahlah. Sila duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, dia kata kalau tidak betul ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, saya tidak bagi, sila duduk. Kenapa dia ni, saya tidak suka dia. Bila saya bagi, dia bukan tanya soalan atau minta penjelasan. Saya tidak bagi.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Penaga tak bagi laluan, saya minta maaf.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tan Sri, minta maaf, Y.B. Tuan Speaker. Dia tahu tak undang-undang Dewan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Sungai Puyu, ini laluan Y.B. Penaga. Sila hormat dia, nanti ada peluang untuk penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kalau berbahas secara *gentleman*, secara bersopan, *okay*. Ini kita bagi sedikit dia cakap banyak, tak payah, terima kasih. Sudah bagi tadi.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* minta laluan, silakan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Azhar. Y.B. Tuan Speaker, seperti Ketua Pembangkang sedia maklum, surat khabar itu berdasarkan *hearsay*, Y.A.B. Ketua Menteri tidak umumkan apa-apa lagi, sila sabar dulu, tunggu Ketua Menteri umumkan dulu. Janganlah terlanjur dahulu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak tahu itu *hearsay* atau tidak, sebab itu saya minta penjelasan. Surat khabar yang tulis ini, mereka kata *you all* tulis *hearsay*, tidak berdasarkan fakta. Saya pun tidak tahu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan sedikit. Saya pun hairan, memang surat khabar Cina pun tulis dan muka Y.B. Sungai Puyu pun ada. Saya tidak tahulah, kawan saya kata ADUN Sungai Puyu kata...(gangguan). Saya sedang bercakap, ini *floor* saya dan saya sedang bercakap.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, ini adalah satu tuduhan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, kena *point of order*.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Saya sedang memberi penjelasan. Saya minta penjelasan, kalau kata ini bukan kenyataan, kenapa Ketua Menteri tidak menafikan kenyataan akhbar. Sepatutnya bila kenyataan dikeluarkan sebegini, Ketua Menteri kena menafikan. Mungkin ada tetapi saya tidak dapat mungkin kawan saya tidak beri kepada saya, kawan saya bagi kenyataan yang janji sahaja tapi muka Y.B. Sungai Puyu ada, segak. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tidak mahu panjangkan isu lagi, mungkin kawan ini hatinya tidak berapa baik, dia cuma berikan satu hari kenyataan dan kenyataan di lain hari tidak beri kerana saya memang telah menafikan kenyataan ini sebagai satu laporan yang palsu. Saya harap janganlah kita terus membuang masa tentang satu perkara yang tidak berasas langsung. Sekian.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak tahu sama ada Ketua Menteri menafikan perkara ini dalam surat khabar tetapi oleh kerana tidak menafikan di dalam surat khabar cerita ini menjadi buah mulut. Satu lagi janji ialah ladang herba yang hendak ditanam dengan herba-herba, hendak memproses herba-herba itu, hendak buat *packing* herba dan jual terus untuk membantu rakyat miskin. Ini sudah cakap tetapi hendak buat di mana, tanah yang hendak di tanam pun tidak tahu di mana, tetapi cerita dahulu, telah cerita satu dunia, inilah dia, tetapi kita tunggu, kita tunggu hendak tengok ladang herba hendak membuat minyak angin ke, hendak membuat minyak harimau ke. Kita tunggu dan lihat, tetapi saya cuma ambil ini sebagai ingatan saya dan saya sebutkan di sini jangan cakap tetapi tidak buat benda-benda yang sebegini. Begitu juga dengan Taman Harimau yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi, Seri Delima tidak tahulah hendak membuat *show* ke, *tiger show* ke tidak tahulah yang itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, saya tidak mahu laluan tadi. Kelmarin Ketua Pembangkang minta kita memberontak. Tadi pagi beliau berkata.....(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Apa yang hendak dibangkitkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kita tidak minta apa-apa kegiatan tidak bermoral dibuat seperti yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang, *tiger show* kalau dia faham maksudnya, orang menari telanjang, dia faham ke benda itu *tiger show*?

**Y.B. Tuan Speaker:**

*Tiger park*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*Tiger show* kalau dia faham, itu yang dikatakan, *tiger show* itu maksudnya, tarian telanjang yang akan ditayangkan di Thailand, mungkin itu yang dimaksudkan, bukan itu *tiger show*, bukan itu, maksudnya Taman Harimau. Jadi tolong faham, apa yang dibahaskan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. saya berkata itu tadi tidak mempunyai niat lucah atau apa-apa. Dia pertunjukan harimau lompat dalam gelang ke, harimau panjat belakang orang ke, macam pertunjukan gajah di Bangkok. *Tiger* buat *show*, yang selalunya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak mengapa, minta jalan sekejap. Saya hendak betulkan bahasa supaya kita pun tidak memanjangkan perkara ini, kerana ada budak-budak sekolah yang dan kita lebih bersopan. Saya rasa kalau kita bercakap dalam fahaman Y.B. Ketua Pembangkang mungkin hendak bercakap seperti itu ialah *performance by tiger*, tetapi *tiger show* biasanya kalau kita lihat bahasa biasa dikaitkan apa yang berlaku di Thailand dan ini tidak sihat, so saya harap kita betulkan bahasa, jangan kita panjangkan perkara ini. Ini adalah kerana ada budak-budak sekolah, dan ini kita teruskan dengan perkara-perkara yang penting.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, saya sebentar tadi menggunakan Bahasa English, *tiger show*, tetapi saya tersilap di sini, saya tidak menggunakan istilah Bahasa Melayu pertunjukan harimau, itu sahaja. Jadi jangan cepat disalah ertikan, ini berniat lucu dan sebagainya.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Takut tersurat dan tersirat, macam mana?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tersurat ke tersirat, pertunjukan *preferment* seperti Y.A.B. Ketua Menteri katakan sebentar tadi. Okey *Barter Trade*, riu-riuh, *Barter Trade* dikatakan dari Myanmar, Thailand, dan Indonesia. Saya hendak tahu dalam dewan ini, banyak mana dari segi nilai yang telah berlaku pertukaran *barter trade* atau rakyat dengan negara-negara yang mengambil bahagian *barter trade* ini. Apakah masalahnya dari segi *Immigration* dan imigresen, adalah berlaku sebarang penyeludupan misalnya dadah, apa-apa benda yang sebegitu, yang ke empat adakah soal kesihatan kuarantin barangan ini diambil kira dan sebagainya dan banyak manakah rakyat kita yang terlibat, di mana dibuat dan akhir sekali katanya di Jeti Perai. Satu lagi saya lihat, janji-janji ialah hapuskan *parking* atau pun peletak kereta di pinggir jalan. *Parking* di pinggir jalan hendak dihapuskan, bagus, saya sokong, supaya jalan kenderaan berjalan lancar, tetapi saya tidak nampak pula projek-projek baru untuk membuat tempat *parking*, tempat meletak kereta di mana, *You* tidak berikan orang *parking* di pinggir jalan, kemudian orang hendak *parking* di mana, mesti ada penambahan *parking-parking lot* atau bangunan-bangunan untuk *parking*. Jadi kalau kita tidak mempunyai perancangan yang sebegitu saya rasa janji tinggal janji sahaja. Itu yang kita tidak mahu.

Perkara seterusnya ialah kebebasan akhbar. Ini harus dibangkitkan kerana kita tahu pekerjaan PKR ini memusuhi dan boikot Utusan Malaysia, marah kepada Utusan Malaysia, kerana Utusan Malaysia kononnya tidak menceritakan perkara sebenarnya, sekali dua saya pernah dengar juga perkataan Utusan Malaysia tidak boleh dipercayai bohong dan sebagainya. Tidak mengapalah saya senyap juga, selepas itu New Street Times pula, tidak menceritakan perkara sebenarnya, maka New Street Times tidak dibenarkan membuat laporan dalam sidang media Ketua Menteri atau Ahli-ahli EXCO, Saya takut Kuang Meng kena sebab cerita sebegitu sebentar tadi. Jadi kalau kita mengamalkan kebebasan, kalau kita mengamalkan kebebasan bersuara, kebebasan berakhbar dahulu yang dilaung-laungkan DAP semasa mereka menjadi Parti Pembangkang, sekarang mereka pula yang menyekat akhbar-akhbar ini.

Kalau sebagai CAT, kalau Y.A.B. melaung-laungkan pentadbiran CAT, akauntabiliti, telus, cekap dan apa-apa lagi, segala kelemahan kita, kalau dikeluarkan dalam akhbar mengapa kita rasa tersinggung, bukankah itu sebagai usaha mengkritik ke arah kebaikan, mengapa perlu kita hendak menghukum mereka. Ini adalah satu yang tidak adil, kita cakap lain, kita buat lain, itu saya rasa adalah tidak wajar, maka kedua-dua akhbar ini dihukum kerana tidak menceritakan segala-galanya baik belaka tentang kerajaan hari ini. Saya pun membaca surat-surat khabar saya membaca macam-macam, tetapi saya berlanggan satu dua tiga sahaja, saya tidak berlanggan sampai semua, saya tidak mampu, dia cerita apa pun saya tidak tahu sesetengahnya. Tetapi kadang-kadang kata kepada saya pun, saya senyap sahaja, saya rasa ada masa saya hendak menjawab, saya jawab. Jadi kalau kita kena kritik pada dahulu Barisan Nasional kena kritik telah banyak, sampai tumbang kerajaan Barisan Nasional, tidak pula diambil tindakan sebegitu, tetapi pada hari ini lain pula ceritanya. Ya.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri.**

Terima kasih. Y.B. Ketua Pembangkang, saya hanya hendak sebutkan satu sahaja, iaitu Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang tidak takut atau tidak menghalang mana-mana surat khabar untuk membuat kritikan dan ini memang berlaku tetapi seperti yang disebutkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang tadi bahawa kalau ada sebarang kritikan ke atas Y.B. Ketua Pembangkang, beri masa dan tunggu masa yang sesuai untuk menjawab balik, betul tak?, tetapi di sini bila kita hendak menjawab balik, kita tidak diberikan ruang oleh New Street Times, itu yang menjadi masalah, malah dalam satu dua perkara, satu yang melibatkan saya, dan satu yang melibatkan Y.B. daripada Batu Maung, di mana laporan yang palsu dan tidak berasas oleh New Street Times yang kita hanya hendak minta ianya dibetulkan termasuk menulis surat tetapi New Street Time ingat menyiarkan jawapan kita, so aspek kalau kita lihat dari segi kebebasan akhbar salah satu ciri yang amat penting ialah *a right of reply* iaitu hak untuk menjawab, untuk menjelaskan laporan yang tidak betul, tetapi apabila ianya dengan sengaja tidak mahu diberikan saya rasa mana kita ada pilihan, kita hanya boleh buat *defences action, at of seven depend* supaya kita dapat mempertahankan diri, kerana memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat tidak mampu untuk melawan dengan New Street Times, sebab surat khabar yang begitu besar milikan UMNO besar, susah kita hendak melawan, sebab itu kerana mereka tidak memberikan kita ruang untuk jawab, terpaksa, terdesaklah kita untuk meminta dan kalau seperti ini tidak perlulah membuat liputan supaya tidak ada masalah-masalah yang akan timbul lagi dan saya rasa sekiranya New Street Times bersedia untuk memberikan ruangan *right of reply* saya rasa sebarang tindakan tidak akan dikenakan lagi sebaik, dia berikan, dia hormati prinsip kebebasan akhbar iaitu *right of reply* maka hubungan akan dipulihkan seperti sedia kala

#### **Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Okey, dua perkara, satu Y.B. kata tadi merujuk balik apa yang saya katakan tadi bila akhbar menulis kadang-kadangnya saya tidak menjawab, kadang-kadang bila ada masa saya menjawab. Itu dia cerita benda yang tidak benar atau apa-apa pun, tetapi saya tidak peduli itu, kerana ceritanya akhirnya rakyat tahu. Saya jawab lambat ke, saya tidak jawab terus ke saya tidak kisah, yang ke dua Y.B. katakan *the right to reply* itu, itu antara Y.A.B. dengan akhbar dan saya jadi orang tengah atau saya ini pegang saham The New Street Times harus saya berikan jawapan itu. Itu terpulanglah ye, terpulang kepada Y.A.B. dengan akhbar yang berkenaan.

Jadi kesimpulan yang saya katakan ini adalah tidak wajar, akhbar diambil tindakan yang sebegitu. Okey, kadar jenayah di Pulau Pinang tidak dapat dinafikan meningkat. Kalau kita lihat saban waktu kes-kes ragut, pecah rumah, curi kenderaan, bunuh, memproses dadah semakin hari semakin meningkat. Kadang-kadang saya tertanya juga apakah ini akibat daripada ramai orang telah dibuang kerja? Adakah polis tidak efisien tidak tahu jawapannya? Yang saya ingin tahu apakah peranan kerajaan negeri dalam membantu menyelesaikan masalah jenayah yang semakin meningkat? Saya khuatir, takut Pulau Pinang ini bila sampai ke pengetahuan orang asing atau orang luar, akan takut datang ke Pulau Pinang. Saya berikan contoh, dan saya sentuhan semula apa yang dijawab oleh soalan bertulis Y.B. Batu Lancang kelmarin. Mengisytiharkan bahawa Pulau Pinang pada tahun 2008, 6 juta lebih yang datang ke Pulau Pinang. 6 juta lebih itu adalah akibat daripada berlaku rusuhan di Bangkok, rampasan lapangan terbang di Bangkok, maka orang yang membuat tempahan datang ke Pulau Pinang. Itu yang meningkatkan dan orang tidak berani pergi ke Thailand, itu contohnya bila ada sesuatu yang dilihat tidak meyakinkan dari segi keselamatan orang tidak akan datang.

Sehubungan dengan itu Pulau Pinang ini ialah satu buah negeri yang terkenal dengan pelancongan khususnya pelancongan perubatan yang ini tidak boleh dinafikan. Ini ialah kumpulan yang benar-benar bawa duit ke Pulau Pinang dan majoritinya ialah daripada Indonesia yang datang satu hari, tiga, empat buah kapal terbang penuh dengan penumpang. Merekalah the *big spender* yang membelanjakan urusan tentang perubatan sama ada di hospital swasta yang besar-besaran atau yang kecil-kecil. Contoh Mount Meriam tempat pusat perubatan kanser, Island Hospital, Lam Wah Ee, Gland Eagle, pergi tengok sana petugas-petugas sana pun kalau berbicara dah jadi loghat Indonesia. Itu betapa ramainya yang datang mendapat rawatan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Penaga. Saya cuma minta penjelasan daripada Ketua Pembangkang, saya rasa tidak wajar kita menuduh pihak polis tidak efisien, kenyataan oleh Ketua Pembangkang tadi seolah-olah menuduh polis di Pulau Pinang tidak efisien. Sebenarnya itu adalah satu kenyataan yang tidak wajar dibuat kalau tanya soalan pun cara bercakap tadi adakah polis tidak efisien, tidak wajar dibuat pertuduhan tersebut. Sebenarnya sekali lagi Ketua Pembangkang harus sekali lagi diperingatkan untuk bertanggungjawab membuat kenyataan. Memang satu pencapaian di mana jenayah telah dibanteras bukan hanya oleh pihak polis tetapi telah bekerjasama dengan pasukan-pasukan sukarelawan yang dibentuk oleh ADUN-ADUN PKR di kawasan masing-masing. Itu adalah hakikat yang tidak boleh dinafikan. Mungkin dalam kawasan-kawasan Y.B. Penaga sendiri pasai dia tidak pergi ronda di kawasan mungkin ada kes-kes jenayah yang berlaku atau mungkin mereka tidak bekerjasama dengan pihak-pihak polis di kawasan itu untuk memantau kejadian-kejadian di situ, tapi membuat kenyataan bahawa polis tidak efisien saya rasa adalah tidak wajar. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Itulah yang payahnya. Selalunya dia minta *One no order* tapi hari ini dia minta laluan saya bagi, mungkin dia terkejut kot, dia terperanjat. Saya tidak mengatakan polis tidak efisien. Saya bertanya apakah polis tidak efisien, adakah kerajaan tak buat apa-apa itu persoalan yang saya bangkitkan. Apakah itu *statement*? tapi Y.B. buat *statement* wakil rakyat Penaga tidur tak buat apa. *That is statement* itu yang salah. Alah *you* memang la, *you* dengar apa. Saya bertanya boleh *check* hansard. Itu adalah satu

kenyataan bahawa pesakit-pesakit Indonesia datang ke Penang dia tak membelanjakan wang kalau seorang pesakit itu datang, apa juga sakitnya, selalunya paling tidak mesti ada satu orang teman, sorang teman ini tidur di hotel, makan, minum, belanja dan sebagainya, kalau kita pergi buat *survey* di Hospital Pulau Pinang, berapa ribu juta setahun yang dibelanjakan oleh mereka. Mereka datang bukan untuk berhibur, bukan untuk berehat tapi belanjakan wang ringgit kerana yuran-yuran perubatan. Tapi tahun ini, apabila kerajaan Indonesia mengenakan cukai kepala atau istilah dipanggil *Fest Scar* sebanyak dua juta setengah rupiah seorang kedatangannya merosot sekali. Cuma pesakit-pesakit kronik yang teruk saja datang. Dulu ni, sebelum ada cukai itu anak demam, anak batuk, *medical check-up* biasa, datang tapi sekarang ni kalau sakit yang betul-betul teruk baru la datang. Satu, yang kedua sekarang ini kita punyai cabaran dari Kuala Lumpur dan juga Melaka yang juga menawarkan perubatan dari pakar-pakar tertentu. Kalau kita tak berhati-hati dengan kejadian ragut itu dan ini orang akan tak datang ke Pulau Pinang industri perubatan kita akan menerima kesannya.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Permohonan laluan. Terima kasih Y.B. Penaga. Ini mengenai cukai fizikal. Ini satu aduan yang kita dapat daripada beberapa hospital mungkin tiga empat bulan yang dahulu, dan saya telah pergi mewakili Ketua Menteri ke Indonesia dengan satu pertubuhan *Vice President*, Yusof Kalah mengenai bagaimana kita akan mengurangkan implikasi cukai fizikal terhadap mereka ini yang datang ke Pulau Pinang khususnya daripada Medan dan Jakarta. Semasa perbincangan dengan *Vice President* Yusof Kalah dia beritahu saya bahawa mereka yang kena cukai adalah mereka yang tidak membayar cukai di Indonesia. Kalau mereka yang tidak ada nombor cukai fizikal mereka akan dikenakan saya ingat Malaysia satu ribu ringgit lah seorang kepalanya. Dari pandangan *Vice President* mungkin dia buat penelitian sampai ke Jakarta dan masa itu, saya, bekas menteri Hamid Awaluddin pula berada dengan saya mungkin pegawai-pegawai daripada Jabatan Fizikal. Maka daripada pandangan *Vice President* Yusof Kalah kalau mereka yang kena cuma 10% sahaja bukan semua akan kena. Mereka tidak ada nombor cukai, mereka yang tidak membayar cukai Indonesia, mereka akan kena kalau mereka tidak ada nombor dan memandangkan kepada situasi kini, apabila kita adakan perbincangan dengan hospital swasta memang mereka pun tak ada ruang sekarang untuk menempatkan pesakit-pesakit, so apa yang kita nampak satu yang dahsyat implikasi daripada ini tak begitu serius yang saya nampak la. Terima kasih.

#### **Y.B. Tuan Speaker:**

Adun Penaga, saya bagi lagi 5 minit selepas itu kita sambung pukul 2.15 petang.

#### **Ahli Kawasan Penaga(YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

5 minit sahaja. Okey, fizikal itu kerajaan Indonesia menetapkan ke atas rakyatnya. Tapi kesannya akan kita hadapi saingan kita dengan Kuala Lumpur dengan Melaka. Hilang pekerjaan, Ketua Menteri kata 10 ribu orang hilang pekerjaan, TKM satu kata 58 ribu orang tapi pokoknya masyarakat kata di luar 10 ribu. Sapa yang betul tak tau. 10 ribu ada 5 ribu lebih ada 10 ribu ada dia tak tau. Jadi pokoknya tu tak campur lagi pekerja-pekerja yang dua tiga hari sahaja. Dua tiga hari *income* pendapatan jadi soalnya, apakah perancangan sebenar oleh kerajaan negeri untuk membantu dari segi jangka pendek dan jangka panjang? Kita mempunyai kekuatan tentang Pulau Pinang ini, pengalaman kita tentang *manufacturing* tiga puluh tahun tapi kalau kita buat kursus kepada kursus hotel ka ternakan ka tidak membantu kepada kepakaran kita.

*Next, hypermarket* di Pulau Pinang 1.5 juta rakyat 11 *hypermarket* saya kata satu jumlah yang sangat besar, *hypermarket* ini kalau tanya *retailer* memanglah untuk membunuh peruncit-peruncit dan kedai-kedai tapi persoalannya mengapa lagi dua diluluskan di Simpang Empat Jawi lulus lagi dua. Kalau begini keadaannya seterusnya mati habis. Satu lagi, saya Y.B. kecewalah seorang ahli PKR Jeff Wee mengatakan bahawa ada bukti kukuh berlaku rasuah di kalangan kakitangan MPPP. MPPP akibatkan moral mereka jatuh kecewa dan macam orang kata tak bersemangat untuk bekerja. Ini adalah satu tuduhan yang tak bagus dan kalau ada di kalangan mereka mengaku salah melakukan penyelewengan sama ada MPPP ka MPSP ka bawa ke SPR dan hukum mereka. Saya menyokong itu bukan kita nak simpan pegawai-pegawai sebegini, tapi tuduhan yang menyatakan adalah tidak adil. Jadi kesannya kita hari ini ialah ini, kelmarin juga *ranking*, MPPP *Poor Ranking Embarrassment Horror of all horror* MPPP. Sedih dan sayu lah jadi begitu. Seterusnya hutang kepada MPSP. Hari itu Y.A.B bukan main lagi bangunan UMNO hutang, kita berjaya kutip 2 ratus lebih. Bandar PERDA, TNB nak tutup elektrik nak padam bekalan elektrik, sangkut dengan PERDA buat apa, ini *moral obligation* konon, tolonglah CM jangan cakap moral, seluar nak terlondeh. Tetapi saya nak katakan di sini dalam akhbar menyatakan ADUN Komtar tau. 3,000 penghuni-penghuni di tuduh mencuri elektrik jadi *moral obligation* kerajaan kena bantu mereka. Dituduh tiga hari buah rumah yang di tuduh oleh TNB mencuri elektrik, betul ka tidak, saya tak tau, saya tengok ADUN Komtar lompat, Jefri lompat dan sebagainya dan kerajaan negeri pun Jelutong MPSP Jefri *has ask a State Government Interim in the reported moved...*(dengan izin), 20juta.

Saya tak tau yang tu, saya tak pergi, saya bukan kerja TNB, saya tak ada syer dengan TNB, kalau benar ini tanggungjawab moral. Hari itu CM kata moral PERDA pasai nak potong api, yang ini moral juga. Himpun *hawker* yang kena denda campur-campur semua 8 milion ringgit, lapan juta ringgit, apa CM nak buat lapan juta ringgit, CM jangan terkejut la, yang ni 26 Februari 2009. The Strait Star, lapan ribu yang tak dipungut oleh MPPP. Hari tu masa menang bagi *free* kan, hari ini apa pula cerita dan akhir sekali saya nak tanya satu soalan, UMNO hutang, UMNO bayar, MPPP, MPSP hutang pula mengapa tak bayar, hutang TNB bil-bil elektrik dalam masa setahun ini berapa hutang MPPP, dan berapa jumlah hutang MPSP terhadap TNB dalam masa 12 bulan, berapa? Saya ada semua ini, tapi saya nak tanya CM juga, seronok bertanya daripada menjawab, semua ada. Tak pa lah esok masa gulung. Kerang mati yang disebutkan oleh kelompok nelayan Kuala Juru, mereka kerugian 100 ribu hingga 200 ribu ringgit akibat daripada kerja-kerja projek jambatan kedua Pulau Pinang, melalui korek selut dan hisapan selut itu, apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu mereka kerana modal mereka dimaklumkan RM100 hingga RM400 ringgit? Kerang mereka mati, rosak punah, jadi harap kerajaan negeri memandang serius dan membantu mereka.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. cuma saya nak minta Setiausaha Dewan perbetulkan Plat Nama Ketua Pembangkang nak jatuh dah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Terima kasih. Rapid Penang satu syarikat bas di KL, hantar 150 biji bas dia nak hantar 200 kemudian timbul masalah depohnya, kemudian dia ugut kata dia nak tarik balik, adakah kerajaan tunduk kepada ugutan? CM senyum tidak-tidak. Bagi tak depoh atau tanah untuk 200 biji. Kalau bagi di mana. Kalau tak bagi dia nak bawa balik bas dia apa jadi pada rakyat. Benda ini senang saja, bagi habis, tak bagi tak habis dan akhir sekali, ini ialah Pulau Pinang saya pun sering berjalan di Komtar, makan nasi kandar,



jalan-jalan. Saya tak nampak pun sepokok pun yang ada di Penang Road. Tak nampak, yang nampak dulu ada la depan Komtar, yang depan Komtar dia tebang abis. *Greenery Gone In City* apa nak jadi ini dengan Bandar kita, kita duk laungkan *Heritage*, Singapore pun dia jaga pokok, bela elok-elok, KL pun macam tu, Penang pula ada pokok 10 tahun pun tebang habis nak buat gerai, nak buat tempat makan dan sebagainya, tu depan Komtar tu, apa nama *road* tau, itu jalan depan kita nak pergi Komtar tu. Itu pun pokok nak tumbuh 10, 15 tahun dihancurkan. Inilah adalah perancangan yang tak sepatutnya la. Trim boleh, tapi ini bukan trim saya lalu pergi tengok sedih, tak dak *green* lagi langsung. Itulah Y.B. Tuan Speaker, tak mahulah panjang-panjang, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan akhir sekali saya mohon menyokong.

**Y.B Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan ditangguhkan, perbahasan ke atas TYT Yang di-Pertua Negeri akan kita sambung semula pada pukul 2.30 petang ini.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 tengah hari.***

***Dewan bersambung semula pada jam 2.40 petang***

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Ada mana satu Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas? Dipersilakan Ahli Yang Berhormat Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Yang Berhormat Y.B. Tuan Speaker, terima kasih di atas undangan dan membenarkan saya untuk berucap atas ucapan TYT Tun. Isu yang saya bawa ke Dewan yang mulia ini adalah seperti berikut, isu pertama saya di kawasan Batu Uban atau dikenali sebagai Kampung Batu Uban, Kampung Belacan terdapat isu *flood gate* yang tidak beroperasi selama 15 tahun. *Flood gate* tidak beroperasi selama 15 tahun perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah dan persoalan saya ialah apakah yang Barisan Nasional telah buat selama ini? Mereka hanya tahu bersandiwara dan saya merujuk kepada isu-isu yang telah pun saya bangkitkan semasa Tindakan Daerah Timur Laut itu pada 25/11/2008, banjir air pasang di Batu Uban, rujukan minit mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah para 7.5.2 dan dibangkitkan semula pada 24 Disember 2008 tahun lalu, banjir air pasang di Batu Uban, rujukan minit mesyuarat para 6.3.3 dan dibangkitkan sekali lagi pada 19 Mac 2009 banjir air pasang di Kampung Batu Uban rujukan minit mesyuarat pada 6.7.2 *flood gate*, saya dimaklumkan kerja penyelenggaraan akan bermula bulan Mei tahun 2009.

Jadi isu ini dibangkitkan pada bulan November atau selepas kita menang Pilihan raya pun isu ini telah pun dibangkitkan dan saya merasa begitu terkilan bila kita bawa mengutarakan isu ini, sebab tidak perlu hujan di kawasan itu. Walaupun tidak perlu hujan, bila air pasang sahaja tempat itu akan mengalami banjir dan *flood gate* ini tidak bekerja. Jadi maksudnya kenapakah perkara ini dibiarkan begitu? Dan ada juga setengah pegawai kerajaan mengatakan biar pi lah, itu kawasan setinggan. Saya telah pun mengatakan setinggan atau pun tidak setinggan mereka tetap rakyat Malaysia.

Mereka perlu bantuan dan semua orang lepas Pilihan raya kita tidak mengukur mereka menurut fahaman politik tetapi kita lebih menitik beratkan kepentingan masyarakat tempatan. Lagi satu soalan yang saya ingin bawa ke Dewan yang mulia ini, lagi satu perkara yang telah pun saya bangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Timur Laut. Ini satu masalah 4 pokok mati berhampiran *supertanker food court*, Jalan Nipah, Taman Lip Sin membahayakan orang awam dan juga ada satu sekolah di kawasan itu.

Pada 21 Januari 2009 perkara ini telah pun dibangkitkan saya. Rujukan minit mesyuarat 8.1.2 dan pada 19/2/09 masalah 4 pokok mati berhampiran *supertanker food court*, Jalan Nipah, Taman Lip Sin telah dibangkitkan semula, rujukan minit para 5.28 dan pada 19/3/09 masalah 4 pokok mati berhampiran *supertanker*, Jalan Nipah, Taman Lip Sin membahayakan dan hanya rujukan minit 3 daripada 4 batang pokok telah ditebang pada 16/3/09. Jadi masalah sini nak potong pokok pun 3 bulan, potong pokok sahaja. Kalau pokok tumbang orang mati jadi ini maksud Y.B. Kawasan tidak buat kerja. Bila Y.B. Kawasan telah maklumkan dalam mesyuarat tertentu, pegawai-pegawai nak *drag the feet*, susah hendak bangun. MPPP ada di Pulau Pinang, JKR pun ada di Pulau Pinang, hendak berhubung sesama sendiri satu bulan dua bulan. Saya minta bantuan pegawai-pegawai kerajaan tolonglah segerakan dan saya berterima kasih kerana perkara ini telah pun diatasi. Saya juga ada dengar bisikan Y.B. dari Paya Terubong kata Y.B. beruntunglah tempat Y.B. 3 bulan sahaja, tempat saya 6 bulan belum potong lagi. Jadi kita berkhidmat untuk rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, isu ini mustahak sebab pokok yang saya utarakan itu akar dia pun sudah mati, satu helai daun hijau pun tidak ada jadi bila pokok sebegini bila berlaku hujan atau angin yang kencang pokok ini boleh tumbang pada bila-bila masa sebab pokok ini tidak ada kekuatan menahan atau untuk berdiri dengan sendirinya. Jadi saya mintalah supaya tindak balas daripada Tindakan Daerah Timur Laut dipercepatkan sebab saya takut nanti rakyat menerima akibatnya. Lagi satu isu, isu seterusnya adalah isu pasar awam di Batu Uban. Persoalannya kenapakah rakyat di Batu Uban dianaktirikan sebegini lama tanpa pembinaan satu pasar awam oleh pemaju atau pun MPPP. Pemaju di kawasan itu saya difahamkan adalah telah memasukkan pelan pada 1996. Sehingga hari ini pasar awam itu tidak naik langsung.

Yang saya katakan rakyat Batu Uban dianaktirikan sebab di Taman Sardon ada pasar, di Sungai Ara ada pasar, di Balik Pulau ada pasar, di Batu Lanchang ada pasar, di Air Itam ada pasar tetapi di Batu Uban sahaja tidak ada pasar. Jadi ini *standard* macam *double standard*. Saya minta Yang Berhormat supaya perkara ini mustahak dan bila saya sudah selidik dan saya berterima kasih kepada Y.B. KOMTAR, kita telah mengadakan satu mesyuarat dengan pegawai-pegawai kerajaan, kenapakah tidak naiknya pasar awam di situ? Saya begitu terkejut bila saya dimaklumkan bahawa pondok MCA yang ada di tanah itu di hadapan Restoran Bali-Bali itu di Jalan Sungai Dua saya dimaklumkan bahawa mereka *occupied* terletak atas tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *lease hold*, pajakan tanah dengan Kerajaan Negeri telah luput pada tahun 1979. Tujuh puluh sembilan, lapan puluh sembilan, sembilan puluh sembilan, dua ribu sembilan masih ingkar tidak mahu keluar. Y.B. Ng dengan saya telah mengesyorkan supaya pegawai kerajaan tertentu itu .....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Penjelasan boleh Ahli Batu Uban?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Ya.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Adakah premis itu bayar cukai pintu atau cukai tanah?

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Itu saya belum pasti lagilah. Kena tanyalah. Saya percaya yang mereka telah duduki tanah itu tanpa apa-apa bayaran dan saya mengesyorkan kepada kerajaan negeri sekarang supaya memberikan mereka notis dan kutip balik hasil yang patut kepada kerajaan negeri. Saya difahamkan *lease* tanah untuk 30 tahun sudah tamat. Pondok MCA itu masih ada di sana dan bilakah pegawai PTG, Pegawai Tanah dan Galian akan sampaikan notis untuk merobohkan di bawah seksyen 425 Kanun Tanah sebab kita perlu keadaan mendesak. Pembangunan di serata tempat itu. Kita perlu satu pasar awam untuk rakyat Batu Uban dan orang-orang yang berniaga kebanyakannya orang-orang Melayu, orang-orang China yang telah berniaga di sana umur dalam 60 an tahun, kita tidak boleh paksa mereka masuk dan kerja balik di dalam kilang. Mereka ada tanggungan, ada keluarga, ada anak, ada cucu dan sebagainya hasil pendapatan mereka satu hari apabila market ditutup, kalau katakanlah mereka terima gaji sebanyak RM200 hasil jualan atau RM300 sehari bila pasar yang ada di situ ditutup di mana mereka hendak pergi. Di mana mereka hendak berniaga? Isu ini melibatkan isu masyarakat majmuk di tempat itu.

Lagi satu saya juga telah membangkitkan bahawa kita adakan satu pasar malam di kawasan Taman Pekaka. Pasar malam, seminggu sekali, jadi kemudahan kesihatan untuk cara membuang sisa-sisa barang hasil jualan daging, ikan dan sebagainya. Jika tidak dibuat secara baik, ini mengakibatkan masalah kesihatan, banyak tikus-tikus berkeliaran. Bila saya berjumpa dengan penduduk di JKKK dengan Taman HAMNA, mereka bawa saya sampai ke lubang tikus. Jadi apa yang telah dibuat, ini begitu melarat sekali sampai tikus pun berkeliaran begitu banyak. Lagi satu pula di sebelah tanah Saujana Heights, bila hujan di sebelah tanah Saujana Heights, itu kawasan yang baik, *medium cost*, penduduk di sana merungut. Mereka mengatakan bahawa bila hujan sahaja sistem perparitan tidak baik, air di sana sehingga kolam mandi mereka *swimming pool* mereka akan dibanjiri dengan air setinggi 3 hingga 4 kaki. Penduduk menjadi mangsa, pembeli rumah di kawasan itu menjadi mangsa sebab HAMNA Sdn. Bhd. gagal sebab dia adalah salah seorang kroni daripada MCA, dia gagal untuk membina pasar awam jadi saya percaya kerajaan ini akan mengambil tindakan. *Now*, adakah dia mengaut keuntungan tetapi beban itu kita angkat jadi....(dengan izin), Yang Berhormat *He who takes the benefit must also accept the burden, It is the principle of mutual benefit and burden...*(dengan izin), jadi dia mengaut keuntungan, dia menyediakan program-program membina *shopping complex, shop house, flats* dan sebagainya tetapi menyediakan kemudahan awam tidak ada, kita kena tunggulah. Sampai tahun 1996 masuk pelan, pelan diluluskan tetapi tidak mahu. Ada kerja cerucuk dijalankan, tanah itu sekarang jadi macam tanah hutan sampai biawak pun ada. Jadi dulu Dato' Kee berada di sana, tiga penggal dia pegang di sana lepas itu Y.B. Goh Peng Siaw berada di sana, 20 tahun mereka pegang, pasar awam tidak naik 20 tahun, rakyat dah meluat. Yang Berhormat, 20 tahun, apa Kerajaan Barisan Nasional buat? Kerajaan Gerakan tidak berani hendak beri notis kepada pondok MCA sebab dia MCA dari Persekutuan. Jadi tolonglah saya minta kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan.

Saya di sini mempersoalkan ini sahaja, ketaatan pegawai kerajaan ini adalah kepada siapa? Ketaatan kepada kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat? Rakyat kita di sini, rakyat Pulau Pinang kita mesti jaga. Jika kita hendak taat kepada Kuala Lumpur disebabkan oleh nila setitik ini rosaklah susu sebelanga. Oleh yang demikian, Yang Berhormat saya percaya kita mesti bekerjasama. Ini adalah isu masyarakat kita. Ini bukannya isu politik. Ini isu bukanlah maksud saya untuk merendahkan martabat pegawai kerajaan, tidak. Pegawai kerajaan pun ada yang baik, ada yang memberi tindak balas yang baik tetapi setengah-setengah mereka melambat-lambatkan urusan kerja, kononnya tidak ada arahan tertentu. *Come on, basic common sense of the day....* (dengan izin). Takkan Kerajaan Pusat beri arahan terus dilakukan. Kerajaan Negeri memohon bantuan tidak diberikan. Ini seolah-olah melepaskan batuk di tangga oleh Kerajaan Pusat tetapi kita apabila pegawai Kerajaan Pusat bertukar ke Kerajaan Negeri haruslah membantu rakyat Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Saya percaya....(dengan izin), saya baca semula yang telah pun saya bangkitkan pada 23 Julai 2008 di sesi Dewan Undangan di sini.

Saya memohon pegawai-pegawai kerajaan yang diamanahkan dengan tugas dan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi sebab kerajaan kerja untuk rakyat dan bukannya rakyat yang kerja untuk kerajaan....(dengan izin), Y.B. Tuan Timbalan Speaker saya berucap sepatah dalam Bahasa Inggeris *The Government servants are an independent lord without any political affiliation or interest whatsoever. The Government servants are the humble servants of the Governments of the day to serve the rakyat and not otherwise*, jadi rakyat perlu diutamakan, bukannya ketaatan kepada parti-parti politik yang mana. Kita jadi wakil rakyat untuk menjalankan tugas rakyat, ini yang mustahak, jadi janganlah menganaktirikan rakyat Batu Uban tanpa kemudahan asas, *market* tidak ada. Kita hendak tunggu berapa lama? Tunggu lagi 30 tahun? Ada juga setengah Yang Berhormat dah menang dah kawasan pilihan raya dulu lepas itu hendak bina kasino di Pulau Jerejak konon. *Geographical limitation* pun tidak tahu, menang satu kawasan cakap pasal satu kawasan. Saya minta kerjasamalah.

Satu lagi berkenaan dengan isu kemiskinan tegar, Y.B. Tuan Speaker sebelum sesi 2008 sebelum pilihan raya saya dimaklumkan oleh UPEN Batu Uban hanya mempunyai satu orang miskin tegar sahaja. Sekarang saya bersyukurlah dengan kepimpinan Ketua Menteri kita, sekarang terdapat 15 yang wajib menerima bantuan sebagai miskin tegar di Batu Uban. Dan hasil bantuan daripada pembantu khas-pembantu khas dan JKKK tempat saya, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pembantu Khas saya dan juga isu seterusnya. Jadi kita sudah meningkatkan kemiskinan tegar dari seorang statistik naik terus kepada 15. Jadi di mana datangnya 14 ini di dalam masa kurang daripada 1 tahun sahaja. Jadi jangan kita menuding jari, dan menuduh saya ingat ada ramai rakyat miskin jika saya terlepas saya minta maaf. Jika saya terima laporan yang mereka terima pendapatan kurang daripada RM500, saya memang akan turun ke padang dan Bantu. Ini janji saya kepada rakyat.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, lagi satu isu yang menjadi-jadi di kawasan Batu Uban ini adalah isu *double parking* ataupun kadang-kadang isu *triple parking*, jadi MPPP telah mengeluarkan dia punya *Standard Operating Procedure Processing* yang mengatakan bahawa 20% tempat letak kereta harus disediakan. Dan saya percaya kita juga perlu mengada satu pindaan kepada Town & Country Planning Act dan kita mesti mewajibkan jika 2 atau 3 unit rumah pangsa yang bertingkat-tingkat itu naik kerajaan negeri harus mengarahkan kepada pihak MPPP supaya satu unit *multi level car park* diwajibkan. Kalau *multi level car park* tidak ada, isu *double parking* timbul, isu *triple parking* timbul kita tak boleh salahkan pihak polis jika mereka mengeluarkan saman.

Sebab di Taman Lip Sin baru-baru ini, polis menyaman, pagi kena saman, petang kena saman, tengah hari kena saman malam pukul 1 pun kena saman sebab rakyat, kurang faham mereka daif kurang faham berkenaan dengan operasi. *The law operates 24 hours of the day*, tak kan 24 jam pukul 2 pagi *you parking* di sana *you* tak boleh kena saman, kena saman. Disebabkan mereka menghalang. Jadi saya juga memohon kerjasama daripada pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini kita perlu membina *multi storey carpark* untuk setiap 2 unit. Kita tengok kemampatan tempat di situ dan sediakan. Dan satu lagi isu menjadi satu isu yang mencemaskan, bila berlaku kebakaran, kebakaran di Taman Haman dalam 2/3 bulan dahulu kita mesti faham Y.B. prinsip *neighbour* ini, prinsip *neighbor* sebab kita duduk rumah pangsa. *Neighbor* itu bukan sahaja orang di hadapan kita, di belakang kita, di sebelah kiri, di sebelah kanan tetapi jiran adalah juga orang yang duduk di atas dan juga di bawah. Konsep *neighbor* itu luas, jadi kesilapan yang dibuat oleh satu orang yang meletakkan dapurnya dalam *slow cook* lepas itu keluar pergi TESCO pergi *shopping*, dekat 2 jam balik. Nasib baik peti dapur gas tak meletup. Penduduk bekerjasama tetapi bila berlaku kebakaran kereta Bomba nak masuk ke Taman Hamna, tak boleh. Jadi jika orang awam mati, Y.B. kawasan tak buat kerjalah. Kita kena dukung kesalahan yang dibuat oleh kerajaan lalu, tak kan Town & Country Planning ada, *you look ways to skip and redirect and read the Act for your own benefit and interpretation*. Minta maaf...(dengan izin). Jadi hak-hak rakyat itu dipinggirkan. Kita pun ada keluarga, kita pun ada anak. Jadi rakyat di Batu Uban bukan sahaja di Batu Uban, di seluruh Pulau Pinang di mana ada pangsapuri-pangsapuri kita perlu mengambil kira isu ini, bolehkah keselamatan jika berlaku kebakaran boleh tak kereta Bomba sampai ke tempat itu dalam masa yang cepat. Sekarang kita nak katakana ambulans datang, ambulans pun tak boleh datang dengan cepat. *Pizza delivery service* boleh datang lagi cepat daripada ambulans, setuju tak.

Dalam masa 15 minit sahaja boleh sampai. Tetapi kadang-kadang kita panggil ambulans, dia ambil masa sebab kadang-kadang dia trafik sistem, dia berlaku jam di jalan. Jadi walaupun banyak rakyat yang prihatin, mereka berhenti memberi laluan kepada ambulans tetapi bila dia sampai kepada setengah-setengah rumah, kawasan di mana berlaku *double parking*, *triple parking*, mereka menghadapi masalah. Dan jika penduduk di sana tinggal di tingkat 15, lift tak bekerja, *management* tak tau apa dah jadi. *Management* tak bagi teluskan dia punya akaun-akaun semua, tidak diberikan, kita ada COB dan sebagainya tetapi macam mana nak dukung dia, dia sakit jantung, nak usung dia dari tingkat 15 turun ke bawah. Sudah pastilah dia akan menyahut seruan Ilahi sebelum sampai ke tingkat bawah. Jadi macam mana kita nak bantu. Mereka miskin, rakyat miskin, COB ada, *Building*, Akta-akta banyak sangat, cukuplah. Jadi kita perlu mengemaskinikan dan saya harap pegawai-pegawai kerajaan dapat memberi ketaatan bukan kepada kita. Berikanlah ketaatan kepada rakyat dan jangan lupa kamu juga sebahagian daripada rakyat itu. Pegawai kerajaan adalah juga rakyat di kalangan di sana, yang tinggal di kawasan itu.

Satu lagi isu yang saya telah bangkitkan di dalam mesyuarat Daerah Timur Laut pada 21 Januari 2009. Pokok di kawasan Blok D, E, F di Jalan Bukit Gambir membahayakan penduduk kawasan. Rujukan minit para 8 .1.5, ini ada bukti. Pada 19 Februari 2009 pokok di kawasan Blok D, E, F di Jalan Bukit Gambir membahayakan penduduk kawasan. Rujukan minit para 5.3.1, 19 Mac 2009 saya bangkitkan isu ini lagi sekali, pokok di kawasan Blok D, E, F di Jalan Bukit Gambir membahayakan penduduk. Mesyuarat Jawatankuasa Daerah Timur Laut 4.01 tentang masalah masih belum lagi selesai. Dah bulan 1, bulan 2, bulan 3, bulan 4 masalah belum selesai. Kalau inilah cara kita kerja, saya perlukan sedikit, saya nak, nak menuding jari pun tak bagus lah. Saya ingat kalau kita boleh duduk cuba mengatasi masalah ini. Apakah kekurangan kamu, bolehlah saya bantu. Tengok macam mana kita boleh bantu, sebab rakyat di sana pun perlukan bantuan.

Kadang-kadang dok jalan, masa ke tempat *parking* saja ranting-ranting reput jatuh atas kepala. Sebab warga emas, warga emas pun kita kasihan kepada dia orang. Sebelum boleh terima apa-apa yang dirancang oleh Ketua Menteri, ranting jatuh atas kepala dia mati terus. Dan lagi satu isu yang telah pun saya bangkitkan mengenai petak *parking* awam di sebelah Hotel Vistana digunakan untuk meletakkan jentera, *scaffolding*, batu dan besi oleh pemaju projek CEO. Rujukan minit mesyuarat 7.7.5, saya bangkitkan ini pada 24 Disember 2008, tetapi ini hanya telah diselesaikan pada 19. Mac 2009. Walaupun ada tindakan saya ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan, masalah telah selesai selepas 4 bulan. Jadi dia mengambil masa yang lama. Saya bukan mengatakan kekurangan ini kenapa bolehkah kita jadi satu pegawai kerajaan bersama Yang Berhormat- Yang Berhormat Jadi satu tindakan yang pro-aktif kita buat. Nanti kata pepatah melayu '*Meeting-meeting* habis beras dalam tin'. Saya tak mahu membazirkan masa, masa itu emas. Dengan itu saya menyokong ucapan TYT Tun untuk mesyuarat pertama untuk penggal kedua ini. Sekian.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dipersilakan Ahli Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker bagi peluang untuk menyertai dalam perbahasan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, pengumuman oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib baru-baru ini bahawa ISA akan dikaji semula, kenyataan ini saya harap tidak akan menjadi satu janji kosong. Apabila Tun Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri pada tahun 2004, beliau juga berbuat berbagai-bagai janji. Dan bukan semua janji yang dibuat ditunaikan. Memang banyak janji, adalah janji kosong. Satu daripada janji kosong yang dibuat adalah untuk membina Monorel di Pulau Pinang dan PORR juga. Perdana Menteri Dato' Seri Najib tidak memberi satu jangka masa di mana ISA akan dikaji semula. Kemungkinan beliau akan menunggu sampai pilihan raya yang akan datang, kita tidak tahu, atau ini satu satu *political statement* untuk *to appeal* rakyat punya *sentiment*. ISA bukan perlu dikaji semula tetapi patut dimansuhkan dengan serta-merta dalam sesi Parlimen yang akan datang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, sedikit penjelasan, boleh?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Saya baru mula.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak pa. Pasal baru nak bagi panas. Tadi Y.B. daripada Bagan Dalam kata ISA perlu dihapuskan. Saya nak bertanya Ahli daripada Perai, dia Ahli Parlimen, pernahkah Ahli-ahli Parlimen daripada parti Pakatan Rakyat ini membangkitkan di dalam Parlimen supaya adalah usul, bila dibangkitkan, bila? Tak ada, tadi ada *news*. Di sini cakap "hua hua," di Parlimen takut.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Bagan Dalam sila teruskan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

ISA, perkara ini adalah satu perkara yang mustahak dan sekarang ini dibahaskan di seluruh negara kita. Semua orang sekarang telah membahaskan tentang keperluan ISA. Adakah negara kita lagi perlu ISA? So sini kita boleh bahas tentang ISA. Ketua Menteri kita pun jadi mangsa ISA, Ahli Parlimen Bukit Gelugor juga menjadi mangsa ISA, so banyak rakyat Pulau Pinang menjadi mangsa ISA dan ini adalah forum yang baik untuk kita berbahas. ISA telah disalahgunakan oleh UMNO dan kerajaan Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, sikit penjelasan. Saya pun hairan Ahli Bagan Dalam ini menimbulkan isu ISA di Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri tak dapat isu ISA lebih baik benda ini di bawa ke Parlimen, itu forum yang baik. Kalau sudah, bawa lagi, selalu bawalah. Tak kan duduk sini, sudah, saya tengoklah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya minta isu ini adalah isu di peringkat persekutuan bukan negeri. Jadi tak perlulah isu ISA ini dibahaskan di sini, tidak siapa boleh jawab, buang masa. Bahas di Parlimen, bahas di Parlimen. Kita kalau berani berjuang tak berani kena tangkap.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Rakyat Pulau Pinang sampai wartawan di Pulau Pinang pun kena tangkap di bawah ISA, forum ini adalah forum yang bagus untuk berbahas. Bila-bila masa, wakil rakyat pun boleh di tahan. Saya takut ISA boleh digunakan semula ke atas pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat untuk mewujudkan satu krisis dalam pucuk pimpinan Pakatan Rakyat. Barisan Nasional dalam keadaan putus asa memang boleh buat apa-apa untuk rampas kuasa. Rampas kuasa di negeri.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Barisan Nasional sekarang dalam keadaan putus asa. Memang boleh buat apa-apa untuk rampas kuasa. Rampas kuasa di Negeri Perak menunjukkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini, saya tidak mahu kata gila kuasa tetapi terlalu suka kepada kuasa.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, tadi kita sudah buat keputusan tadi bahawa isu macam ini, tadi speaker sudah bagi keputusan isu yang bukan berkaitan dengan Dewan Undangan Negeri kita yang kemudian berkaitan dengan isu kuasa sultan dan sebagainya kita tidak wajar bincangkan di sini tapi ada *platform* di Parlimen boleh dibincangkan bukan di sini. Terima kasih Y.B. Speaker.....(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Bagan Dalam sila teruskan dengan isu yang lain.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Tuan Speaker, tapi ini isu ada satu isu yang mustahak di kalangan rakyat Pulau Pinang, pasal rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tuan Speaker, minta laluan. Peraturan perkara 25. Jika soalan di tanya adalah berkaitan perkara yang di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan atau salah sebuah daripada jabatannya. Ini peraturan....(gangguan). Ia maknanya, jangan perkara ini. Walaupun Y.B. Tuan Speaker mempunyai peraturan ini boleh membuat keputusan, saya rasa seeloknya jangan dibuang masa dalam ini dengan perkara-perkara yang lebih penting untuk kepentingan rakyat negeri ini. Perkara yang sama boleh dibawa oleh wakil-wakil yang ada juga *assets*....(dengan izin), di Parlimen.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, peraturan. Kita rujuk balik kepada peraturan yang sama Tuan Speaker mungkin perkara ini dibangkitkan oleh Ahli-ahli UMNO kerana mereka rasa memang mereka bertanggungjawab kerana ISA digunakan di atas pemberita tapi tidak digunakan atas Dato' Ahmad Ismail yang membangkitkan isu politik. Dia yang mengatakan bahawa orang-orang Cina adalah pendatang kepada negara ini tetapi tidak digunakan ISA ke atas dia jadi mereka rasa perkara ini tidak mahu dibincangkan di sini tetapi adalah begitu relevan bahawa perkara ini boleh dibahaskan begitu relevan bahawa ISA ini adalah satu senjata yang digunakan oleh Barisan Nasional dan UMNO untuk menahan ahli-ahli politik yang mereka tidak suka.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Sekarang saya buat ketetapan di sini kerana isu ini telah dibincangkan dan telah dibangkitkan pagi tadi isu ini tidak perlu dilanjutkan lagi. Ahli Bagan Dalam sila teruskan dengan isu yang lain. Isu yang baru dan tentang isu ISA pun memang telah dibangkitkan. Saya ingat semua ahli hormat dan Yang Berhormat pun sudah faham. Saya memang setuju isu ISA ini boleh dibangkitkan di Parlimen. Sila teruskan dengan perbahasan ahli yang terhormat.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Tuan Speaker, saya ada sedikit lagi tentang ISA. Saya akan gulung. Saya mesti lengkapkan, habiskan ucapan saya kalau tidak nanti. Tun Mahathir bila jadi Perdana Menteri pada tahun 1981 dia juga melepaskan 21 tahanan ISA dan rakyat semua gembira Mahathir ini bagus punya orang telah lepas, *respect human right* tetapi pada tahun 1987 apabila kuasanya diancam. 107 pemimpin-pemimpin politik dan NGO ditahan. Ini kita takut bila ancaman kepada kuasa politik kalau UMNO dan BN diancam sapa habis.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Peraturan Y.B. Tuan Speaker. Peraturan. Kalau kita merujuk kepada Peraturan 51 melanggar peraturan. Sekiranya seorang ahli itu tidak mengindahkan kuasa Speaker dan seterusnya maka perkara ini adalah menjadi satu kesalahan. Jadi saya minta Y.B. Bagan Dalam menghormati keputusan Y.B. Tuan Speaker tadi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Saya sedang gulung. Sekarang bila Dato' Seri Najib juga bila jadi Perdana Menteri dia pun sudah lepas 13 orang daripada ISA. Berapa banyak?



**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingat Y.B. Tuan Speaker sudah buat keputusan. Peraturan telah digunakan, saya ingat tidak perlu lagi teruskan. Kalau teruskan juga makna telah melanggar arahan Speaker makna di sini tindakan gantung boleh diambil.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Y.B. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker telah buat keputusan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Sungai Dua, Ahli Seri Delima sila duduk. Tadi Ahli Bagan Dalam sudah sebutkan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa ISA akan *review* so kita beri kepada Perdana Menteri satu masa kerana baru saja dia buat pengumuman so sekarang kita tunggu masa. Isu ini semua tahu saya ingat ramai penduduk di Pulau Pinang pun semua telah menyampaikan ketidakpuasan dengan ISA kepada di Parlimen juga. So kita bagi Perdana Menteri buat keputusan . Kita bagi dia masa sikit. Kita teruskan dengan isu yang lain.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Saya sentuh sikit isu perumahan di Pulau Pinang. Terutama perumahan kos rendah Pulau Pinang tidak mencukupi dan telah menjadi satu masalah sosial yang harus diatasi. Terutamanya di Bagan Dalam, masalah setinggan telah menjadi sangat serius. Kebersihan, banjir dan jangkitan seperti denggi telah menjadi satu masalah yang sedang berlaku. Baru-baru ini ada dua kes denggi di Hujung Batu, Bagan Dalam. Saya harap kerajaan akan beri tumpuan kepada masalah ini dan buat satu pelan komprehensif untuk mengatasi perkara perumahan di Pulau Pinang. Sudah lama pembinaan rumah-rumah kos rendah di seluruh prosesnya sangat *slow* untuk membina rumah-rumah kos rendah. Saya juga harap pihak berkuasa tempatan boleh membantu untuk membina rumah-rumah kos rendah di tanah-tanah yang dimiliki oleh pihak berkuasa tempatan. Ahli Kampung Hujung Batu, Bagan Dalam saya difahamkan kerajaan lalu telah buat janji dengan penduduk-penduduk di situ bahawa mereka ingin membina rumah kos rendah di kawasan itu untuk meninggikan *quality of live* untuk penduduk-penduduk di situ tetapi janji yang dibuat ini tidak ditunaikan. Saya harap kerajaan boleh pulih balik cadangan yang dibuat lalu untuk membina rumah kos rendah di kawasan situ.

Di Hujung Batu, tempat itu tidak memuaskan untuk tinggal suasana bila hujan, banjir berlaku tempat itu pun dekat dengan sungai Perai dan juga bila air pasang pun banjir berlaku. Ini menyusahkan penduduk-penduduk di situ. Kalau ada satu pangsapuri kos rendah supaya rakyat boleh duduk dengan lebih baik lebih *quality of life*. Walau pun kita ingin menjadi bandar raya antarabangsa kita tidak mahu sama seperti di Mumbai, India wujud di Pulau Pinang. Kalau tidak kita pun akan dipanggil *slamdog* oleh orang asing. Tentang Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Prestasi MPSP tidak memuaskan tetapi adalah *improvement* kalau kita banding satu tahun lalu. Longkang-longkang yang tersumbat, sampah-sampah yang tidak dikutip masih menjadi satu masalah yang dihadapi oleh rakyat. Bila sesuatu banjir berlaku baru jentera-jentera MPSP akan turun untuk bersih longkang-longkang.

Sebagai wakil rakyat, saya sedia membantu MPSP dengan mengadakan gotong-royong. Rakyat juga turun padang untuk membersihkan kawasan-kawasan sekeliling rumah mereka. Saya harap MPSP jangan hantar lori sahaja untuk gotong-royong tetapi pekerja-pekerja MPSP juga mesti turun bila ada gotong-royong di mana-mana tempat. Pekerja-pekerja MPSP pun juga mesti mengambil bahagian dalam gotong-royong dengan rakyat. Jangan hantar lori, tong sampah dan mereka tidak ada orang datang untuk tolong. Harapan masih ada kalau pekerja-pekerja MPSP boleh mengubah *work attitude* mereka dan buat kerja bersungguh-sungguh. Kita boleh sama-sama mengatasi masalah yang dihadapi rakyat.

Visi kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu bandar raya antarabangsa patut dipuji. Ini adalah pertama kali sebuah negeri di Malaysia mengambil langkah-langkah untuk menjadi untuk menaik taraf negeri sebagai negeri antarabangsa. Kalau kita berjaya, rakyat Pulau Pinang akan untung dan maju seperti Singapura dan akan dikenali di seluruh dunia. Ini akan menarik lebih banyak pelancong ke Pulau Pinang dan akan membangkitkan ekonomi Pulau Pinang dengan lebih *renew infrastructure* di Pulau Pinang akan pembaikan untuk keperluan rakyat dan pelancong. Dalam setahun ini, polisi-polisi yang *introduce* oleh kerajaan Pulau Pinang adalah polisi-polisi yang ada kebaikan untuk rakyat dan di Bagan Dalam juga banyak penduduk-penduduk yang miskin dapat pertolongan daripada kerajaan sekarang. Untuk itu saya mengucapkan terima kasih kepada pimpinan kerajaan Pulau Pinang. Dengan itu Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menamatkan ucapan saya dan saya pohon untuk sokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dipersilakan Ahli Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam persidangan ini dengan ucapan terima kasih atas ucapan usul Tun TYT. Saya selaku ADUN Telok Bahang merakamkan ucapan terima kasih kepada Tun dan juga tahniah kepada Tun yang disambung tugas beliau selama dua tahun lagi menjadi 10 tahun semuanya. Tun adalah seorang kita kenali memang seorang yang peramah dan memang sentiasa rapat dengan rakyat. Kita sentiasa senang dengan Tun, juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan kita yang baru yang telah angkat sumpah tadi. Beliau juga yang amat saya kenali pernah jadi DO di kawasan Balik Pulau, bekerja kuat siang malam, malam Jumaat pun bekerja juga. Kalau berlaku banjir tengah-tengah malam pun beliau sampai bersama-sama dengan wakil rakyat. Jadi saya kira tenaga beliau itu memang kita dapat manfaat. Tenaga dan kerjasama kesungguhan sebagai pegawai kerajaan memang kita akui kehebatan beliau sebab memang tepat dia menjadi Setiausaha Kerajaan. Saya harap persahabatan saya dengan beliau tidak akan renggang. Sekarang dia di sebelah kerajaan saya di sebelah pembangkang. Saya harap akan diteruskan dan musim durian saya jemput ke Balik Pulau.

Y.B. Tuan Speaker, saya menunggu dengan penuh harapan apabila Tun buat ucapan. Ucapan Tun ialah ucapan dasar kerajaan. Tun bercakap dalam jangka masa saya tengok jam 37 minit saya menunggu ucapan Tun dan penuh dengan harapan hendak tahu apa yang kerajaan negeri rancang untuk tahun ini. Tapi apabila kita dengar sampai habis 37 minit Tun bercakap tidak ada benda baru yang disebut yang boleh kita banggakan yang boleh kita harapkan supaya dapat buat perubahan Negeri Pulau Pinang ini. Tidak ada benda baru yang bercakap diulang-ulang apa yang telah dipercakapkan dulu sejak kerajaan dulu sejak sekarang macam itu juga. Malahan lebih pendek dan tidak tahu mungkin tiada isi boleh kita buat panduan.

Y.B. Tuan Speaker, kerajaan tidak menggariskan dalam ucapan itu apa-apa perancangan untuk menyelesaikan krisis ekonomi ini yang melanda Pulau Pinang yang paling teruk, Pulau Pinang kita bergantung penuh kepada industri berlaku krisis ekonomi begini memang Pulau Pinang jadi satu negeri yang paling teruk di landa krisis ekonomi ini. Barangan kita tidak dapat dijual. Kalau dulu kita boleh hantar tiap-tiap hari satu sekarang ini sudah tidak dapat hendak dijual kepada mereka dan lain-lain negara maka ekonomi kita memang cukup teruk. Kilang besar tutup satu seperti yang lain juga akan tutup tetapi bila ditanya Ketua Menteri, dia kata tidak ada kilang yang tutup tapi bila saya lihat jawapan ada sembilan kilang ditutup. Ini tidak termasuk SME yang dua tiga orang kena buang kerja tiap-tiap kilang SME beribu kilang di Pulau Pinang ini dan mereka juga akan terjejas. Ini tidak direkodkan apabila kita tanya jumlah pekerja yang sebenarnya dibuang kerja jawapan berbeza-beza. Ketua Menteri bagi angka yang lain. Industri *toast* bagi angka yang lain.

Jadi berbagai-bagai, jadi makna tidak *sure, not sure, not* serius nampaknya kerajaan tidak serius untuk menangani untuk mengetahui jumlah pun dia tidak serius dia buang. Hendak asingkan VSS, VSS pun kena buang kerja juga dia dapat RM20,000.00, RM30,000.00, RM100,000.00 sekejap saja habis. Kalau tidak jaga duit itu tidak sampai setahun habis mungkin dua tiga bulan habis. Jadi ini masalah walaupun dia dapat VSS atau tidak dapat VSS adalah sama, kena buang kerja jadi kita harus menangani masalah ini. Kita lihat semakin hari semakin tenat, awal bulan dua dahulu kita dapat ada lebih kurang 2,000 pekerja yang kena buang, bulan empat sudah menjadi 10,000 ini industri *sources* yang bercakap, saya tanya kepada kawan-kawan yang ada dalam industri ini, mereka memberi tahu dan memang tepatlah, kita boleh merasakan keadaan ekonomi kita yang cukup teruk, kalau ikut laporan yang Y.A.B. Ketua Menteri bagi yang kena buang kerja lebih kurang 1,000 kerja kosong 3,000 kalau itulah maknanya, itulah keadaannya masalah yang orang yang tidak ada kerja.

Y.B. Tuan Speaker, sekarang ada orang yang datang ke rumah wakil rakyat, rumah saya dia datang, satu saya tidak ada hendak makan, hendak beli susu tidak ada duit, kerana kena buang kerja, keadaan begitu tenat Y.B. Tuan Speaker, tidak ada duit, kita bagi RM10 – RM 100 bagi, kasihan, datang pagi tunggu, datang malam tunggu, ini keadaan yang sebenarnya berlaku. Kalau kita kata kerja kosong 3,000 kena buang kerja 1,000 mana boleh isi semua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sin Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Telok Bahang. Tadi Y.B. Telok Bahang *industry sources* 20,000 orang hilang kerja dan sebagainya. Tetapi apa Y.A.B. Ketua Menteri pagi itu kita punya *sources* daripada MIDA, daripada kerajaan pusat, adakah Y.B. Telok Bahang setuju bahawa kalau *industry sources* lebih dipercayai atau kakitangan kerajaan kita daripada kerajaan pusat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Perangkaan yang dapat daripada yang rasmi mungkin sebanyak itu sahaja yang saya sebut tadi, kilang-kilang kecil yang dibuang kerja tidak lapor pun, yang ini yang banyak ini, kita terima masalah, kalau saya dapat rayuan yang datang ke rumah minta duit ini saya ingat serupa juga, orang minta duit. Betul, saya kata yang dilaporkan yang tidak dilaporkan banyak lagi, *don't forget* yang kerja dua, tiga hari itu pun tidak cukup pendapatannya.

## **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Telok Bahang, tapi kita ada pelbagai sumber tapi mana yang kita mahu percaya, kalau Y.B. Telok Bahang percaya Jabatan Tenaga Kerja satu badan Kerajaan Persekutuan, baik sebutkan, itu memang satu rujukan kepada kita Jabatan Tenaga Pekerja, itu sumber yang kita gunakan. Kalau *you* tidak percaya bagi tahu.

## **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, sebab itu saya katakan tadi laporan rasmi yang ada hari ini yang kita dapat tidak mencerminkan apa yang berlaku *on the ground* di bawah sana *on the ground*, orang tidak ada kerja, orang datang minta tolong, makan tidak cukup, tidak ada makan, ini berlaku maknanya apa yang dilaporkan secara rasmi tidak tepat.

## **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sin Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Telok Bahang, jadi bermaksud kelemahan daripada kerajaan pusat di mana statistik-statistik tercicir tidak dapat dikutip bolehkah Y.B. Telok Bahang bagi komen?

## **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tidak kata jabatan kerajaan tidak menjalankan kerja dengan betul dan baik, masalahnya yang pandai, yang cerdik dia pergi buat laporan, dia daftar diri dia, yang tidak erti ini tidak lapor, yang kerja buruh ini, dia tidak lapor, dia bawa nasib dia sendiri tidak dapat kerja di mana-mana dia cuba juga cari nafkah, dia buat gerai tepi jalan, buat gerai tepi laut dan sebagainya, bukan main lagi kerajaan negeri hantar notis di Batu Feringhi, di Telok Bahang roboh semua gerai-gerai ini, jangan buat begitu, itu kejam, nasib baik tidak buat, saya pun orang di kawasan saya dapat notis untuk hendak roboh gerai-gerai mereka, mereka hendak cari makan, patut kita bantu mereka dan kerajaan negeri patut buat ialah bina gerai-gerai yang sempurna bagi mereka dan pindahkan mereka ke tempat-tempat yang baru, sementara biarlah mereka berniaga, nampak tidak elok kerana mereka dalam keadaan yang tenat begini kita patut bersimpati kepada mereka, faham kepada mereka, bagi peluang kepada mereka berniaga, pergi hantar notis, kerajaan hendak bersihkan, kasihan kepada mereka mengambil tindakan begitu, tidak adil kepada mereka yang hendak cari duit kerana mereka kehilangan pekerjaan.

Y.B. Tuan Speaker, program latihan yang akan dibuat, kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta untuk mengadakan latihan, itu pun kita masih tidak tahu sebenarnya secara *detail*, apakah jenis latihan yang telah diberi, kita ada *CAT carrier match making* tahniah kepada kerajaan negeri atau apakah jenis latihan oleh kerajaan negeri dalam bidang apa yang telah dibuat untuk kita latih semula pekerja kita supaya mereka *fit in* lain-lain industri yang disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah kita hendak galakkan mereka ceburi dalam bidang pertanian, kemudian cari tanah-tanah rizab di bawah rentis TNB, hendak tanam nenas dalam ucapan dan pokok pala, Ketua Menteri tidak pernah tengok pokok pala, pokok pala ini tinggi, saya masa kecil dulu, panjat pokok pala ini, mana boleh tanam pokok pala di bawah rentis TNB tidak boleh, ini silap, TNB, Y.A.B. Ketua Menteri tidak tengok dengan *detail* ucapan ini, pokok nenas boleh tanam di rentis TNB, tinggi, buah pala dia cuma berbuah di Balik Pulau di kawasan bukit, kalau pergi tanam pokok pala, ini ucapan Y.A.B. Ketua Menteri ini, ucapan yang Tun sebut, hendak tanam pokok nenas dengan pokok pala rentis TNB, pokok pala *nutmeg* dia sebut dalam ucapan, Y.A.B. Ketua Menteri tidak detail, ucapan pun dia tidak

detail, buah pala kalau *you* tanam di tempat lain dia tidak akan berbuah, cuma di Balik Pulau sahaja, sebab di Balik Pulau angin bagus, orangnya bagus, buah pala bagus, jadi saya harap kerajaan negeri lebih serius dalam latihan supaya *long term* mungkin dapat mengubah pekerjaan mereka kepada yang lain.

Tuan Yang DiPertua dalam hal berikutan kegawatan sekarang kita hendak tahu pertumbuhan di negeri ini. Kalau ikut laporan jawapan yang telah saya terima memanglah GDP kita menguncup 0.3% mengikut laporan yang ada berbanding dengan Singapura 7.5% *contraction*, manakala Y.A.B. Ketua Menteri hendak harapkan *investment* dari Singapura tahun lepas memang tidak akan dapat, Singapura lebih teruk daripada kita iaitu Pulau Pinang. Kita kena ingatlah Singapura ini dalam banyak hal banyak bersaing dengan Pulau Pinang, jadi kalau kita hendak harap kita bersaing dia bawa *investment* ke Pulau Pinang untuk bersaing dengan dia, dia tidak akan buat, ini satu perkara yang kena tengok, kadang-kadang kita bercakap apa yang sebenarnya. Jadi dalam hal *investment* MIDA kelulusan MIDA RM10 milion, saya tengoklah seperti ucapan Y.A.B. Menteri kelulusan *investment* RM10.3 bilion untuk 2008, itu kelulusan tapi yang saya hendak tahu sebenarnya di Pulau Pinang ini tiada jawapan yang tepat, kalau betul-betul RM10.3 bilion untuk masuk Pulau Pinang tahun 2008 ekonomi kita tidak macam ini orang tidak hilang kerja, ramai yang akan dapat pekerjaan, peluang pekerjaan tentulah banyak, jadi perkara-perkara yang kadang-kadang saya sebut sedap di dengar tapi *inferiority* tiada, jadi saya harap Y.A.B. Ketua Menteri akan lebih serius dalam masa akan datang untuk melihat keseluruhan bukan hanya *on the surface* tengok angka bagus kemudian kita bagi tahu rakyat yang sebenarnya yang berlaku *under ground* berlain pula.

Saya setuju dengan Y.B. Tuan Speaker apa yang Ketua Pembangkang tentang cara Y.A.B. Ketua Menteri yang suka bercakap, tidak tahu dia tidur pun dia bercakap itu tidak tahu, dia suka bercakap, belum apa-apa lagi memang dia bercakap dahulu macam hendak buat taman harimau, Y.B. Bagan Jermal sokong, Bagan Jermal tidur. Saya ada sebut, kawasan yang dicadangkan itu tidak sesuai, saya hendak sebut lagi tidak sesuai untuk taman harimau ini, betul kerajaan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah ambil tanah itu 100 ekar, lebih kurang RM40 juta telah diambil sepatutnya kawasan dimanfaatkan kepada manusia iaitu orang, buatlah taman, *spend some money*, buat *jungle tracking*, buat *canopy walk* dan sebagainya sesuai untuk orang bukan untuk harimau dan kawasan sini sebelah pulau, tidak ada taman-taman bandar pun itu yang kita ambil satu tidak sempat hendak ambil sudah hilang kuasa, sudah hilang kerajaan sepatutnya saya harap kerajaan sekarang buat pengambilan tanah di Balik Pulau sama untuk buat taman bandar, saya lihat paling sesuai di Titi Serong ada sungai yang cantik, air yang jernih, kawasan Balik Pulau masih lagi tidak tercemar, elok, ambil kawasan itu buat taman, cantik kawasan itu. Saya sebut di Balik Pulau mana-mana pun cantik, buat, tadi pun saya beritahu kepada Y.A.B. Ketua Menteri bahawa kawasan Balik Pulau kalau dibandingkan dengan Bollywood City Bombay, Balik Pulau tu, Pulau Pinanglah. Balik Pulau *ten times better in term of* cantik, memang cantik. Jadi kita kekurangan dari segi kemudahan untuk orang ramai, jadi elok kerajaan sekarang buat pengambilan tanah di kawasan Titi Serong memang sesuai, ada sungai, *valley*, boleh dijadikan taman rekreasi untuk penduduk tempatan di Balik Pulau. Dan taman yang ada di Relau di dimanfaatkan untuk orang, bukan untuk harimau.

Tuan Yang Di Pertua, begitu juga dengan hal usaha kerajaan kita sokong, kita setujulah kerajaan sekarang cuba hendak menyelesaikan soal miskin tegar, tetapi jangan *claim credit* kesemuanya. Kita patut bagi kredit kepada Kerajaan Pusat sama, kerajaan dahulu Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat kita bagi terima kasih kepada mereka kerana bantu rakyat kita. Jangan kata oh kita telah selesai, ini usaha

kerajaan sekarang, ini tidak '*ache*', *not fair*. Kerajaan Pusat telah bantu kita banyak, pelbagai dari segi *you name it*, macam-macam, Jabatan Kebajikan, PERDA, apa lagi TEKUN, *you name it* macam-macam Kerajaan Pusat bagi membantu. Sebenarnya tuan-tuan di kawasan saya sendiri di Parlimen Balik Pulau kita telah buat *survey* pergi tiap-tiap rumah 176 keluarga miskin tegar di Balik Pulau. Ramai sebenarnya telah berjaya, kalau kita pergi tengok rumah dia, dia ada TV, peti ais, ada flat *screen* pun ada.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, *flat screen TV* pun ada, ada *hand phone*, ada telefon, Astro pun ada. Makna kerajaan telah berjaya pada masa itu, yang saya buat ini sebelum kerajaan negeri umum tentang program kemiskinan tegar yang mereka buat sekarang ini. Kejayaan telah ada, cuma ada sedikit-sedikit lagi, memang kita faham sebenarnya kadar kemiskinan ini, dia dinamik, dia berubah-ubah. Hari ini mungkin dia mampu, besok mungkin dia telah tidak mampu. Kita kena ingat pula, kumpulan yang kata mudah miskin, bila dia bekerja, kerja kerajaan atau mana-mana, kalau gaji dia RM1,200.00, bila dia pencen tinggal RM600, dia miskin mungkin tidak miskin tegar, tetapi dia miskin. Anaknya masih bersekolah, ada yang berani sedikit, dia tambah lagi keluarga, dekat-dekat hendak pencen dia tambah lagi keluarga, lagi berat. Jadi keadaan miskin tegar ini berubah-ubah, kita tidak boleh kata, kita telah hapus semua sekali, *almost impossible*. Kalau ada kaya, ada miskin, ada *spectrum*, tanya Profesor dia tahulah. Tengah-tengah, yang hujung sekali, ada *dumbbell shape* tu. Makna kemiskinan ini *we cannot say*, tidak boleh kata dengan tepat kita telah selesai masalah kemiskinan. Maksud dengan kemiskinan tegar ini, kita kena selalu berusaha.

Y.A.B. Ketua Menteri cuba kita bayangkan katakan, tetapi tidak akan berlakulah, katakanlah berlaku bantuan-bantuan Kerajaan Pusat ini tidak turun, maka *immediately* Y.A.B. Ketua Menteri tambah lagi RM100-RM200, wang ini akan bertambah lagi terok lagi. Jadi maknanya kita usaha bersama, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bantu yang penting rakyat mendapat manfaat. Sebab itu saya kata tadi *we must be credit before the credit is due...*(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker. *It is not fair* kalau Y.A.B. Ketua Menteri kata kami telah selesai, kami telah usaha. *The first State* yang mendapat menyelesaikan masalah miskin tegar. *We cannot say that*, ini bukan usaha kita sahaja, bukan usaha kerajaan negeri sahaja dengan bantuan Kerajaan Pusat.

Y.B. Tuan Speaker, sebenarnya banyak yang saya catit telah disebut oleh Y.B. Ketua Pembangkang tadi. Tentang saya hendak sebut lagi, sebenarnya kalau saya sebut, marah pula Y.A.B. Ketua Menteri tetapi keadaan sebenarnya kerajaan negeri tidak ada program yang spesifik untuk bantu orang miskin ini cuma selain daripada bagi bantuan *cash* ini tidak ada ...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan. Saya cukup sakit telinga dengan penjelasan ucapan dari Y.B. Telok Bahang tadi, saya rasa Y.B. Telok Bahang dia selalu buat kerja harapkan orang balas jasa dia. Ini adalah sikap wakil rakyat Barisan Nasional. Saya rasa sikap wakil rakyat Barisan Nasional, kena berubah. Apa yang saya tahu sewaktu saya pegang ADUN Kawasan Jawi boleh dikatakan setiap hari saya *sign* berpuluh borang kebajikan, sampai baru-baru ini tingkat 34 pun masih ada lagi. Saya rasa yang penerangan dari Telok Bahang tadi itu semua bohong belaka. Kalau hendak cakap bohong, jangan cakap dalam Dewan kita. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Jawi tidurkah, hari-hari masuk Jawi, dia tidak faham apa yang orang cakap. Tuan Yang Di Pertua, Y.A.B. Ketua Menteri sebut ada usaha-usaha daripada pihak Zakat tetapi Pusat Urus Zakat ini dia bagi tiap-tiap tahun dia bagi untuk orang Islam sahaja, apa halnya dengan orang Cina dan India dan setakat ini saya tidak nampak pergi buat apa-apa selain daripada tadi bagi sedikit-sedikit tambah RM100, RM200 untuk kononnya untuk menyelesaikan masalah miskin tegar.

Satu lagi masalah kritikal Y.B. Tuan Speaker, tentang kemiskinan ini ialah tentang perumahan. Perumahan ini yang lebih kritikal ialah perumahan dalam bandar, kalau kita tengok, saya pergilah dahulu, sebelum saya pergi ke Parlimen saya di sini dahulu, hendak kata rajin sangat tidaklah juga, pergi jugalah turun, dahulunya saya berkawan rapat dengan Batu Maung dia anak didik UMNO dahulu, tetapi sekarang ini sudah jadi PKR nampak jahatlah sedikit. Saya turun pergi tengok kesian, ada kawasan-kawasan yang cukup sesak, sampai 2, 3 keluarga. Orang ini semua perlu bantuan kerajaan hendak suruh dia beli rumah mahal-mahal memang tidak bolehlah, tidak akan mampu, menumpang, satu rumah masak dapur masing-masing, hendak syer pun tidak berani, hendak syer pun kerana tidak cukup.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Minta penjelasan, adakah Kerajaan Barisan Nasional yang lalu bantu mereka, adakah mereka mendapat bantuan daripada kerajaan yang lalu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

*I will come to that.* Jadi memang keadaan mereka cukup, menyediakan perlu bantuan banyak, ada kawasan-kawasan pergilah tengok sendiri memanglah terok dan mereka perlu perumahan. Memang kerajaan dulu, kita buat, di Sungai Pinang pun kita buat rumah, rumah PPR, memang kita rapat dengan Kerajaan Pusat, Kerajaan dulu bagi duit kita buat rumah, rumah PPR, sewa RM100 sebulan, mampulah mereka kalau RM300 memang tidak mampu. Jadi oleh kerana ada rumah macam itu di Sungai Pinang contohnya di Seberang Perai di Bukit Mertajam pun ada. Dengan cara itu dapat menyelesaikan masalah mereka, tetapi tidak sempat buat habis, hilang kerajaan. Lain kali kalau bagi Barisan balik, kita buat balikkah.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Koid Teng Guan):**

Minta penjelasan. Adakah Rumah PPRT di Jalan Sungai, River Road. Saya hendak tahu berapakah ahli UMNO yang mampu beli rumah dan masih tinggal di sana. Adakah bina rumah ini untuk ahli-ahli UMNO atau kroni-kroni UMNO yang mereka yang membawa kereta BMW, Waja, kereta besar-besar, Perdana, kereta yang besar-besar yang masih tinggal di sana.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kerajaan sudah bina rumah, sebahagian rumah itu jabatan-jabatan kerajaan yang buat. Jadi kadang-kadang mungkin terlepas pandang ataupun mereka duduk situ, masa mereka duduk rumah itu mereka miskin, tetapi lama-lama dia berniaga jadi senang sedikit. Ini semua masalah pelarasan sebab itu bila kerajaan negeri sekarang buat pusat pelarasan untuk perumahan, baguslah, *check* tengok kalau mereka ini tidak layak duduk situ, keluarkan mereka letak orang lain. Tak kan nak salahkan Barisan lagi, Kerajaan Barisan telah bina rumah, bagi banyak ..... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Koid Teng Guan):**

Saya harap kalau ada apa-apa tindakan dan jangan UMNO campur tangan lagi, okey.

### **Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Y.B. Dato' tentang perumahan ini saya hendak cerita sedikit, semasa dahulu kita buat projek PPR di Jalan Selamat itu, memang ada penipuan dari segi borang, mereka isi tidak betul, ada seorang OKU yang cacat Y.B. Tuan Speaker, dia kata dia susah, pakai baju robek mai ke pejabat, dia merayu dekat pegawai, bukan dekat saya, dekat pegawai dan dapat. Dan beliau didapati seorang ahli perniagaan, kita beri surat suruh dia keluar, 3 kali hantar surat, dia hantar surat merata sampai kepada Y.A.B. Perdana Menteri, dia maki kita semua cukup, tetapi hendak bagi keluar orang cukup punya susah. Ini mungkin EXCO sekarang ini dia faham keadaan itu dia cuba untuk mengeluarkannya saya difahamkan. Tetapi hendaklah keluarkan orang cukup susah. Kadang-kadang penipuan berlaku dalam pengisian borang itu sendiri, jadi perkara ini seperti yang dikatakan oleh Y.B. Telok Bahang kalau tidak betul keluarkanlah siapa pun tidak gaduh. Kalau kata ketelusan buat ketelusan, yang tidak betul, keluarkan. *Everybody happy.*

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin HajiYahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, satu lagi contoh Y.A.B. Ketua Menteri seronok dia rajin bercakap. Isu tentang RM100 untuk bekalan air untuk rakyat. Ini pun saya kira is *not well though off*, tidak di fikir dengan teliti. Kita hendak bagi RM100 bantuan bekalan air ini untuk orang miskin, 30,000 liter air yang dapat bantuan. Ada keluarga miskin yang ada anak 2, 3 orang tetapi kalau macam saya ni ada anak sampai 5, contohnya, yang miskin ni dia jenis mandi sehari 3 kali, kemudian dia ambil air sembahyang dan sebagainya jadi dia miskin dia guna air lebih daripada 30,000 liter sebulan. Ada keluarga miskin anak 1, 2 tidak pakai sebanyak itu, jadi keluarga miskin yang ramai anak ini tidak mendapat bantuan, kerana dia punya bil lebih daripada 30,000 sebulan. Anak keluarga yang ada 2 orang mungkin dia tidak sampai banyak itu. Jadi dia dapat. Jadi perkara ini juga kena tengok Y.B. Tuan Speaker. Ada yang dapat, ada yang tidak dapat walaupun dia miskin, ini kena lihat semula. Baguslah 170,000 orang keluarga yang dapat tetapi kata Y.A.B. Ketua Menteri untuk 10 bulan sahaja, lepas itu apa yang akan jadi, tambah lagi, kalau tambah lagi baguslah, sampai *election* yang akan datang.

Tuan Yang diPertua, tentang imbuhan kepada warga emas ini pun satu perkara yang juga disebut oleh Ketua Pembangkang, ini pun tidak jelas, siapa yang boleh dapat ini, siapa yang di antara kita yang boleh daftar. Saya pun boleh daftar dah, Y.B. Bagan Jermal boleh daftarkah? Dia rasa mudah lagi. Siapa jadi kita tidak tahu, hari ini pakat daftar akhirnya yang tidak patut dapat, dapat. Jadi ini tidak patut berlaku, ini kena fikir betul-betul cara hendak *implement* ini dan dalam 2009 punya bajet saya tidak nampak ada bajet ini. Saya pun Y.B. Tuan Speaker saya begitu *concern* tentang pendapatan kerajaan negeri, saya tidak tahu sebenarnya, bila saya tanya pun tidak mendapat jawapan. Kita hendak tahu juga pendapatan kerajaan negeri sebenarnya, berapa yang dapat tahun lepas, berapa perbelanjaan, kita hendak tahu juga adakah surplus untuk tahun depan, kalau surplus adakah kerana kerajaan tidak ada duit, tidak tahu hendak belanja duit ataupun kenapa? Dan bersangkutan dengan hasil kerajaan negeri hendak tahu juga tunggakan adakah, sebab Y.A.B. Ketua Menteri ada sebut tentang kejayaan-



kejayaan tetapi mungkin tidak sebut tentang *failure* kutipan hasil kita hendak tahu juga berapa yang masih tertunggak dan apa tindakan kerajaan selain yang disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri, apa lagi tindakan kerajaan yang dibuat untuk mengutip hasil kerajaan ini. Ini perkara-perkara yang kita hendak tahu. Kita pun dalam hal pentadbiran negeri Tuan Yang Di Pertua, kita pun tidak mahu salahkan Y.A.B. Ketua Menteri, Ketua Menteri ini dia seorang ADUN, dia juga Pengerusi Tanah, beliau juga Ketua Menteri Pulau Pinang, dia juga Ahli Parlimen, beliau juga Setiausaha Agung Parti DAP, memang sibuklah hendaklah menyelesaikan masalah Parti, sekarang bergaduh pula di antara Parti, antara kawan-kawan bergaduh, bagaimana hendak selesaikan, jadi sibuklah. Jadi ini perkara-perkara yang menyebabkan Y.A.B. Ketua Menteri tidak boleh beri perhatian lebih kepada pentadbiran negeri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita bila saya mendengar berita-berita tentang ADUN Penanti ini, tentang kes beliau saya tertanya-tanya juga lah apa hal dengan CAT *Government* ini, beliau di tuduh, tidak tahu kes ini benar atau tidak dan kes telah di bawa kepada AG. Ada kes atau tidak ada kes, kita tidak tahu, tetapi telah di bawa kepada AG jadi soalnya CAT *Government*, cat kucing apa nama cat apa dia cakap telus dan akauntabiliti. Setahun ja, kita tak pun dengar ahli dari belah sini yang 50 tahun ada kes yang macam tu. 3 tahun Penang baru ni Ketua Menteri setiap *operation* 3 kuari lagi, kemudian yang tadi Ketua Pembangkang sebut tadi dalam surat khabar, ADUN Penanti *promote* ADUN Penanti akan dedahkan perkara-perkara baru tapi mungkin kita tak tau perkara-perkara dalaman tapi ini semua tak mencerminkan CAT *Government* yang dibawa oleh Ketua Menteri ini, ya. Jadi, ini perkara-perkara yang saya ingat tak payah pakai CAT *Government* ni pakai yang lainlah. Kalu pakai semula CAT *Government* kena betul-betul bersihlah...(gangguan).

#### **Ahli kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Minta laluan, terima kasih. Dua perkara Tuan Speaker. Pertama, seperti yang telah saya bahaskan tadi peletakan jawatan ADUN Penanti ini pertamanya tidak harus dibahaskan kerana ini cuma ada penyiasatan saja yang berlaku saja jadi tidaklah adil kita membuat andaian-andaian yang tidak disokong oleh apa-apa bukti yang kukuh perkara itu masih dalam penyiasatan jadi keduanya memang peletakan itu mencerminkan CAT *Government* bila sudah ada saja ura-ura...(gangguan), desas-desus untuk membersihkan nama parti PKR, ADUN itu sudah meletakkan jawatan bukan seperti Rembau dan Melaka. Masih memegang jawatan Ketua Menteri Melaka, perkara itu tidak dijawab lagi Ketua Menteri Melaka didapati salah main politik wang dan Rembau, Khairi Jamaludin ahli-ahli UMNO masih tak meletak jawatan jawab perkara itu dulu. Khir Toyo didapati membelanjakan wang pergi Disneyland berjuta-berjuta bawa pekerja Indonesia dia bawa pergi Disneyland itu pun tak dijelaskan, jelaskan perkara tu dulu, jelaskan perkara tu dulu. Ini menunjukkan Barisan Nasional dan UMNO memang suka membuat perkara-perkara yang melibatkan rasuah tapi perlu menjelaskan, tak perlu jelaskan tapi angkuh tak perlu letak jawatan tak perlu jelaskan. Terima kasih.

#### **Ahli kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hillmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, kita saya bercakap dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya tak cakap di Selangor ke mana Melaka ke saya cakap di Pulau Pinang. Saya tak *consent* pun hal lain saya sebut Pulau Pinang. Jadi tak payah cakap di Parlimen suruh Perai atau Padang Kota dan Tuan-tuan Seri boleh cakap di Parlimen. Tuan Speaker, dulu kita pernah mendengar tuduhan dari pihak lawan kitalah pihak Barisan yang lawan tentang kronisme, nampaknya akan berlaku *cronism* secara jelas yang memang saya setuju ahli dari Penanti, bekas dari Penanti tak perlu letak jawatan.

Belum ada kes lagi tapi beliau dipaksa letak jawatan kerana apa kerana patutnya bila beliau diletakkan jawatan, Batu Maung yang nak duduk situ atau pun Permatang Pasir. Nampaknya parti beliau nampaknya tak *confident* dengan...(gangguan).

**Ahli kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan-penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker dan juga Telok Bahang. Kalau ahli Telok Bahang begitu minat nak jadikan nak lantik PKR asal Barisan Nasional kalah dalam pilihan raya dan kalau boleh, *join* kamilah *cross over* you boleh dapat bincang dengan Ketua Menteri dan juga Datuk Seri Anwar supaya boleh dapatkan siapa yang tentukan siapa, siapa yang jadi Timbalan Ketua Menteri 1...(gangguan).

**Ahli kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Tuan Speaker, *over my dead body* tak kan saya nak *join* parti yang kelam kabut ni? Kelam kabut antara DAP, PKR dan Gerakan ni. Saya rasa yang paling layak sekali di fikiran saya sekali Batu Maung dari segi disiplin, kerja kuat apa salah dia, ini maknanya kroni-kronisme ni, *cronism* Penasihat PKR nak letak orang dia, dia tak mahu dah Batu Maung. Kalau saya jadi dia, saya letak jawatan jadi Bebas....(gangguan, saya bangkang dan apa yang boleh saya cakap saya cakap la ni PAS, ni lagi satu tak adil ni Parti Keadilan tapi tak adil, Pakatan Rakyat tak adil PAS satu parti ni rakan kita ni, patut letak dia jadi EXCO jadi EXCO, dulu MIC, Barisan Nasional ingat tak MIC kita ada satu wakil MIC jadi EXCO.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dua bukan satu.

**Ahli kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Tidak, sebelum tu dua sorang saja kita begitu adil. Barisan Nasional adil kita bagi peluang kepada rakan kita ini rakan.

**Ahli kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingat Y.B. Telok Bahang sudah lupa mengapa kali ini Barisan Nasional kalah menjadi pembangkang ini adalah membayangkan Barisan Nasional yang mentadbir Negeri Pulau Pinang atau pun negara dengan tidak adil dan tidak jujur, juga lagi saya ingat mereka yang tak adil dalam pentadbiran mereka dan juga membayangkan apa-apa kesan yang mereka dapat hari ini. So, saya cuma memberitahu pembangkang-pembangkang di sini janganlah membangkitkan perkara-perkara politik di sini kerana kami semua *concentrate*....(dengan izin), kepada kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Ahli kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya cakap mengenai kepentingan rakyat la ni dalam dewan saya cakap kepentingan rakyat. Ini ialah saya katakan yang PAS duduk kalau wakil tunggal ADUN sebagai EXCO dan bagi tugas EXCO agama. Mereka nak perjuangkan Islam rupanya nak pejuang agama tapi duduk di luar nak pejuang apa, patutnya beliau diberi peluang duduk dalam EXCO dan perjuangkan agama dan Batu Maung duduk di sini. YDP, ni tentang pilihan raya yang mungkin akan berlakulah dan kosong akan berlaku ini satu perkara yang akan bius demokrasi dia tak da sebab ni wakil Penanti

dipaksa letak jawatan mungkin dipaksa letak jawatan kemudian nak bertanding. Dibius demokrasi YDP, beliau dah duk situ dan jadi wakil rakyat. Ini menyusahkan rakyat membazirkan wang rakyat bila nak pilihan raya kena belanja duit. Ini akan membazirkan wang rakyat ni bukan semua orang akan bazir buang masa rakyat buang masa kita semua. Kalau kita kira balik man *hour* berapa ringgit kalau gaji dia tetap RM3,000.00.. (gangguan).

**Ahli kawasan Pulau Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta penjelasan terima kasih Tuan Speaker, Y.B. Telok Bahang dia walaupun dalam politik dan lama dalam institusi bertanding pilihan raya *participate* dalam proses demokrasi dah lama tetapi masih tidak faham prinsip demokrasi. Prinsip demokrasi adalah berpihak balik kepada rakyat walaupun dia memakan duit tetapi demokrasi itu *priceless*....(dengan izin), *priceless* dan itu adalah hak rakyat untuk menentukan wakil mereka. Jadi saya rasa Telok Bahanglah kalau boleh harap jangan mainkan isu ini kita balik kepada rakyat seperti apa yang berlaku di Perak. Hak rakyat dinafikan kalau katakan bazir wang...(gangguan), pergi ke Disneyland lagi bazir wang. Itu wang rakyat juga...(gangguan).

**Ahli kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ini yang saya sebut tadi ini dibius demokrasi dan membazir wang rakyat dan mereka anggap rakyat di Penanti atau mana-mana tempat atau kawasan Ketua Menteri sebagai kuda tunggangan kerana diletakkan kroni mereka di situ atau mereka dipaksa bayar pilihan raya kecil dan rakyat di kawasan itu kerana nak kan sesuatu maka tak kiralah nak bazir duit rakyat nak buang masa la tak kira. Ini satu perkara yang patut tak patut berlaku la YDP, saya lupa apa lagi nak kata. Jap, ni ada satu lagi Tuan Pengerusi, Tuan YDP saya ada satu yang nak saya sampaikan pada Ketua Menteri dalam dewan ini. Ini satu lagi di bawah kerajaan *CAT Government*, ini faks *figure* yang diberi satu orang saya tak tau siapa dia, dia tulis dan saya harap saya sampaikan kepada Ketua Menteri dan disiasat betul atau tidak. Ini *fact and evidence expectation transport ke Malaysia seal whether aniviation of 6 million ringgit of government royalty from gusset form*. Lot nombor pun ada di sini ya, saya nak serahkan kepada Ketua Menteri untuk disiasat elok juga maklumatnya patut dibagi di lapor balik di Dewan ini lah. Dengan itu, saya ucap terima kasih dan saya ingin menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dipersilakan ahli Padang Lalang.

**Ahli kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Di dalam Dewan yang mulia ini, dalam November 1994 Kerajaan Barisan Nasional yang profesional telah mengambil sebidang tanah 456 ekar dekat Permatang Rotan untuk PERDA membangunkan kawasan tersebut supaya rakyat tersebut berkeras dan bahawa dapat menikmati kebaikan malangnya dia tidak membangunkan tanah itu sendiri sebaliknya PERDA menyerahkan tanah itu kepada sebuah syarikat swasta yang diterajui oleh Pengerusi UMNO bahagian Bukit Mertajam iaitu Actional Duramen Sdn. Bhd. soalan saya mengapa ketika masa itu kerajaan Barisan Nasional sudi menggadaikan kepentingan rakyat demi keuntungan berbilion-bilion ringgit kepada sebuah syarikat swasta bukankah keputusan membiarkan Actional Duramen Sdn. Bhd monopoli pembangunan di situ adalah satu tindakan yang hanya menguntungkan...(gangguan), kroni-kroni UMNO.

**Ahli kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan-penjelasan. Okeylah. Saya nak tau saja.

**Ahli kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Kita kawan saja kan, jiran kan. Baru sat ja, saya akan bagi peluang. Y.B. Tuan Speaker yang saya hormati apa yang berlaku di bandar PERDA adalah bukti yang menonjolkan betapa diskriminasinya kerajaan Barisan Nasional kepentingan rakyat yang tidak dibela, yang dibela adalah kroni-kroni UMNO. PERDA yang dua (Penang Regional Authority) adalah sebuah autoriti kerajaan yang tujuannya adalah membangunkan kawasan luar Bandar supaya penduduk-penduduk berpendapatan rendah dan memiliki rumah atau kedai anehnya Bandar PERDA langsung tidak terdapat rumah kos rendah, yang ada ialah rumah berharga tinggi dan gedung-gedung membeli belah yang canggih dan bertaraf antarabangsa. Silakan.

**Ahli kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

2 soalan di sini ahli daripada Padang Lalang. Pertama, masa tanah itu diberikan saya tak tahu siapa, kalau tak salah penasihat PKR kot, pertama. Kedua kalau kata tidak ada rumah murah, rumah murah syarat pertama kena buat dahulu dan siap dulu baru pembangunan lain . 2,000 ribu unit. Pengerusi PERDA boleh beri dia punya pesahan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta Laluan, saya tidak tahu mengapa perkara ini dibawa oleh Y.B. Padang Lalang tentang PERDA, saya tidak bertanggungjawab untuk menjawab dalam Dewan ini, dalam Dewan ini ialah Ketua Menteri atau EXCO yang jawab harusnya perkara ini dibawa ke Parlimen beritahu kepada Ahli-ahli Parlimen *you* bangkit di sana dapat jawapan ini tuduh melulu sahaja, siapa yang hendak jawab saja seronok sendiri, tiada siapa yang hendak jawab, Ketua Menteri pun tidak tahu banyak pasal PERDA dia kena bawa ke Parlimen baru dapat jawapan yang sah, kalau Ketua Menteri jawab, dia pun jawab ikut suka dalam pandangan dia sahaja tetapi bukan rasmi, yang rasminya ialah jawab di Parlimen janganlah bawa benda isu yang bukan dapat jawapan daripada sini dibangkitkan di sini. Cakap kepada Ketua Menteri suruh cakap di Parlimen.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Y.B. Tuan Speaker, saya tahu ini Ketua Pembangkang kata bukan isu dia tetapi jangan lupa Ketua Pembangkang pada tahun 90-an dia juga *back benchers*, wakil rakyat juga dan di tahun 1995 hingga 1999 dia adalah YDP MPSP, tahun 1999 hingga 2004 dia adalah EXCO dan saya tidak faham mengapa kita katakan masa ketika itu dia terus tidur sahaja, dia tidak masuk campur apa yang berlaku di Bandar PERDA dan yang saya disoal tadi di sini ini membuktikan teknologi Bandar PERDA semua ada statistik di sini dari tahun 1993 bagaimana mereka mengambil tanah, berapa kali berunding semuanya ada di sini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ketua Menteri siapa yang jawab di sini

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Saya kata ketika masa itu siapa yang membuat keputusan, cukup jelas, silakan

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh saya jawab, itulah saya kata kalau you hendak bercakap, berhujah *you* tahu di mana hendak berhujah bukan datang nak serbu sahaja buang masa orang, ini bukan forum tempatnya PERDA adalah di bawah *Federal*, ini nak suruh saya jawab, saya tidak boleh jawab, tidak bertanggungjawab kepada Dewan ini, itulah buang masa sekarang ini kalau jelas pun tidak faham, sekarang siapa yang tidur hendak bercakap sahaja, seronok bercakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan, Y.B. Tuan Speaker...(dengan izin), tengok Ketua Pembangkang berhujah tadi saya sudah pun sudah seronok, sebenarnya perkara ini adalah memang wajarlah perkara ini dibicarakan di sini oleh Y.B. Padang Lalang, kerana tadi apabila saya berbahas Ketua Pembangkang telah pun menyatakan bahawa tindakan-tindakan diambil untuk membanteras atau pun semasa penghujahannya beliau telah berkata tindakan-tindakan telah diambil untuk membanteras miskin tegar ataupun statistik-statistik yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak betul dan sebagainya. Sekarang kita dapati bahawa pendedahan yang begitu mengejutkan kerana PERDA telah meminggirkan orang-orang yang sebenarnya yang sebenarnya perlu diberi manfaat penggunaan tanah tersebut. Adakah Y.B. Ketua Pembangkang sekarang khuatir perkara ini akan diketahui umum dan cuba menutup mulut Y.B. Padang Lalang?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh saya jawab, boleh, siapa yang takut lari tutup mulut. Dahulu saya pegang macam-macam portfolio saya tidak pernah takut untuk berbahas dan tutup apa-apa tambahan dibuat tuduhan bahawa tidak ada rumah kos rendah dibuat di situ ini adalah satu tuduhan melulu dan jahat, naik motokar tidak ada minyak saya beri, pergi tengok Bandar PERDA itu ada atau tidak rumah kos rendah janganlah sengaja hendak tuduh oh tidak ada rumah kos rendah *come on* kita sekarang wakil rakyat yang bertanggungjawab jangan membuat *statement* yang melulu tanpa pergi membuat kajian dan selidik betul-betul, pemberita ada nanti petang pergi *round* tengok adakah rumah kos rendah ada atau tidak ada, jangan sedap cakap sahaja, ini tidak adil tidak menunjukkan kematangan kita sebagai wakil rakyat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, maknanya kalau kita pergi tengok dia ada flat O, P, Q, R, S A,B,C sampai N 20 puluh lebih blok semua itu kos rendah, saya terlibat hendak jawab kerana saya pernah duduk sebagai Ahli Lembaga PERDA buat seketika, jadi bila ada tuduhan kepada PERDA saya terpaksa bedak dalam kawasan saya.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Ya, terima kasih boleh saya tanya sesuatu katakan kos rendah apa maknanya kos rendah itu di bawah harga berapa RM30 ribu, RM35 ribu, RM45 ribu dan RM65 ribu yang saya tahu sebagaimana Y.B. Seberang Jaya berkata ada A hingga Z yang berapa blok itu saya nampak, tetapi yang saya difahami itu adalah kos lebih kurang

RM60 ribu bukan kos rendah dengan harga RM35 ribu, *sure* RM25 ribu. Okey saya teruskan bahasnya Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO telah bersubahat dengan kroni-kroni yang dipajak adalah kepentingan rakyat, Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya telah mengkhianati sokongan dan kepercayaan rakyat. Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh satu lagi isu yang menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin meminta laluan, saya cuma mahu penjelasan, sekejap sebelum pergi yang lain, yang sebelum ini wakil Padang Lalang ada menyebutkan Barisan Nasional khianat, BN apa semua itu, isu apa itu, tidak sebut apa pun.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Tidak sabar-sabar masih belum sampai tunggulah sat, masa masih panjang lagi sabarlah. Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya telah mengkhianati sokongan dan kepercayaan rakyat. Y.B. Tuan Speaker saya juga ini menyentuh satu isu yang menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya tidak berprihatin dengan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional hanya mementingkan kroni-kroni.

Y.B. Tuan Speaker, saya mendapati sebuah syarikat yang juga diterajui oleh kroni-kroni UMNO telah memonopoli bekalan air dingin untuk sistem hawa dingin di bangunan-bangunan utama di dalam Bandar PERDA iaitu District Cooling System Sdn. Bhd. Sekarang sudah ubah nama kita tahu, ibu pejabat PDRM, Bomba, Jaya JUSCO, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah pelanggannya. Inilah satu contoh yang ketara bagaimana kepentingan kroni-kroni Barisan Nasional mendapat layanan istimewa bukan kepentingan rakyat. MPSP telah menandatangani satu kontrak dengan District Cooling System Sdn. Bhd. selama sepuluh tahun. Syarat-syarat dalam kontrak yang berat sebelah itu mewajibkan kadar bayaran kepada District Cooling System Sdn. Bhd. akan naik 5% secara automatik setiap tiga tahun. Kadar juga akan naik, jikalau kadar TNB naik juga. MPSP juga tidak berhak menamatkan kontrak itu lebih awal kecuali pampasan berbilion ringgit dibayar kepada syarikat tersebut. Soalan saya adakah rakyat boleh bersetuju dengan kandungan kontrak ini. Kerajaan Barisan Nasional telah mendirikan satu paip yang terus masuk ke dalam MPSP supaya kroni-kroni mereka dapat menyedut berbilion-bilion ringgit selama 10 tahun.

Sekali lagi Y.B. Tuan Speaker, Barisan Nasional telah mengabaikan kepentingan rakyat seterusnya saya akan menyentuh bangunan MPSP. Pada tahun 1992 Kerajaan Barisan Nasional telah menyediakan sebidang tanah seluas 35 ekar untuk mendirikan ibu pejabat MPSP, tetapi malangnya demi keuntungan lumayan kroni-kroni UMNO. Kerajaan Barisan Nasional sebaliknya mendirikan Ibu Pejabat MPSP di Bandar PERDA dengan kos RM85.5 Juta adakah ini satu keputusan yang wajar? Y.B. Tuan Speaker, Barisan Nasional khususnya UMNO telah menghampakan rakyat dengan satu keputusan yang amat merugikan rakyat dan negara, kroni-kroni diutamakan, kroni-kroni dijaga dengan sungguh prihatin dalam minda Barisan Nasional, duit rakyat boleh disalurkan ke dalam kocek kroni dengan bermacam-macam helah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan seminit sahaja, kalau Y.B. Padang Lalang menyebut tentang kroni dan sebagainya boleh spesifik saya minta benda ini bila disebut spesifik kes dan siapa supaya perkara ini tidak menjadi tuduhan dan menjadi satu persepsi yang bercelaru di kalangan rakyat Negeri Pulau Pinang semua orang tertanya-tanya kita pun *transference* juga kalau ada isu-isu yang sebegitu elok jelaskan terus jangan main daripada ucapan tadi hingga sekarang asyik menyebut Barisan Nasional khianat, kroni tetapi khianat pasal apa kita pun tidak tahu kroni siapa kita pun tidak tahu tolonglah minta di *detailkan*.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Saya rasa Ketua Pembangkang boleh menjelaskan siapa yang kroni.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Bila Ahli Padang Lalang yang timbulkan, Ahli Padang Lalang bertanggungjawab untuk menjelaskan kenapa pas bola ini kepada orang lain untuk menjawab pula.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Bayangkan PERDA menerima sebidang tanah sebanyak 456 ekar tanah punya besar rasanya dan apa tujuan untuk PERDA mengapa dia boleh pas tanah ini kepada satu kompeni nama asalnya dan yang ditujui dari siapa, kita semua tahu pergi check SSM tahu siapa yang sebenarnya mereka-mereka jadi saya rasa tidak perlulah saya jelaskan dengan lebih jelas.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, daripada tadi kita dok kata ini jawapan hanya boleh diberi di Parlimen, dia dok bercakap juga, dia bercakap saja, Y.B. Tuan Speaker, suruh dia ubah tajuk lain, dia tidak tahu dalam forum ini dihadkan di mana kadar mana boleh bercakap, di mana dia boleh dapat jawapan dan sebagainya, cakap saja, *sorry*lah menunjukkan tidak kematangan, tuduh, tuduh, tuduh, balik-balik PERDA dah kita jelaskan itu pergi tanya di Parlimen untuk mendapatkan jawapan rasmi, dia dok patah balik pula buang masa ya dengar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Y.B. Tuan Speaker, adakah Ketua Pembangkang menafikan ketika dia menjadi ADUN, YDP, EXCO dan dia tidak bertanggungjawab keadaan semasa mereka berbual, inilah seperti siapa yang makan cili, siapa yang rasa pedas.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Boleh minta laluan, saya sudah hendak keluar tadi, kalau saya pegang portfolio sebagai EXCO Tanah pernah, sebagai EXCO Pertanian pernah saya akan jawab semuanya PERDA ini saya jadi *chairman* tapi yang jawabnya tanyalah di Parlimen kalau tidak reti, belajar jangan sindir orang siapa makan cili pedas itulah menunjukkan kata kalau Yang Berhormat tidak tahu apa balik makan cili banyak-banyak.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, pendek sahaja, saya rasa saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi sebab sebenarnya sesuatu tanah apabila pemajuan dilakukan secara besar dia ada proses penswastan, dia ada berbagai-bagai proses dan cara tender dengan Kerajaan Pusat sebab itu apabila pertuduhan dikatakan Ketua UMNO tertentu dapat dan sebagainya mungkin ada empat atau lima kompeni yang pada masa itu kita tidak tahu kemukakanlah di peringkat Parlimen dapat penjelasan yang lebih jelas barulah cerita *detail-detail* lain yang ada hubung kait dengan negeri. Bukan kita hendak membela perkara-perkara yang tidak betul benda ini memang harus dijawab di Parlimen.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Y.B. Seberang jaya kata itu tadi mungkin ada siapa-siapa dan berapa kompeni yang tidak tender dan mereka dapat ditenderkan, tetapi tadi saya ada baca satu soalan daripada Y.B. Kebun Bunga, kalau tidak silap ada 21 projek tidak melalui tender terus disalurkan kepada *company-company* tertentu dan ini adakah seperti Y.B. Seberang Jaya kata ini selepas beberapa *company mentender* dan dia bernasib baik sudah mendapat tender saya tidak pastikanlah, saya akan teruskan bahas saya.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada pimpinan Y.A.B Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng kerana dasar cekap, akauntabiliti dan telus iaitu CAT yang diamalkan beliau telah dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai kerajaan negeri dan kedua-dua Kerajaan Tempatan dengan jelas sekali. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang sudi bekerjasama dengan Kerajaan Pakatan Rakyat. Berdasarkan kerjasama yang ditunjukkan, Jabatan Kebajikan dapat memberikan bantuan segera kepada mangsa-mangsa kebakaran, bencana dam banjir dalam tempoh masa yang singkat iaitu 24 jam. Kita semua sedia maklum kecekapan sebegitu adalah mustahil dicapai sebelum Mac 2008. Saya ingin menjelaskan pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat masa kini merupakan pegawai-pegawai yang dahulu berkhidmat di bawah kerajaan Barisan Nasional yang kurang rasional. Tetapi prestasi yang mereka tunjuk sekarang adalah begitu cemerlang dan baik dan ini telah membuktikan bahawa kepimpinan kerajaan Pakatan Rakyat jauh lebih cekap dari kerajaan Barisan Nasional yang kurang rasional. Sekali lagi saya ucapkan syabas dan terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Boleh.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Y.B. Tuan Speaker, mungkin Ahli Padang Lalang menjadi Yang Berhormat buat kali pertama. Boleh dimaafkan atas kenyataan tadi. Sebenarnya saya sebagai wakil rakyat selama 4 penggal ini, jabatan-jabatan juga boleh mengeluarkan bantuan kecemasan ini dalam masa 24 jam. Saya rasa yang Berhormat yang lain yang sudah bertugas lama ini pun tahu. Bukan sahaja oleh sebab kerajaan yang baru ini boleh buat



begitu, kita kena berlaku adil. Kalau yang betul itu kita kata betul dan tidak itu kita kata tidak. Hendak katakan yang dahulu tidak boleh dan sekarang boleh itu tidak betul kerana dahulu pun boleh dan sekarang pun boleh, baguslah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Kalau betul kita ucap tahniah. Y.B Tuan Speaker, pemerintahan PBT berkait rapat dengan kehidupan harian orang ramai. Orang awam membayar cukai taksiran pintu, lesen premis, yuran letak kereta dan lain-lain kepada PBT. PBT pula membekalkan kemudahan-kemudahan dan memberi perkhidmatan kepada orang awam, misalnya kebersihan komoditi, longkang yang tersumbat, rumput di tepi jalan dipotong ikut jadual, jalan tidak berlubang dan lain-lain. Walaupun prestasi pegawai-pegawai kita di PBT telah meningkat tetapi sedihnya masih terdapat segelintir pegawai-pegawai yang degil dan enggan bekerjasama dengan kerajaan Pakatan Rakyat. Misalnya di MPSP ada segelintir pegawai yang berpura-pura baik dengan wakil rakyat serta ahli Majlis, tetapi selepas aduan-aduan diterima langsung tidak ada sebarang tindakan yang diambil. Yang paling menyakiti orang awam adalah Jabatan Kesihatan, banyak kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan, aduan-aduan dari orang awam tidak putus-putus tetapi Pengarah Jabatan Kesihatan tidak ambil peduli, tindakan memperbaiki mutu perkhidmatan kontrak-kontrak langsung tidak berkesan.

Ahli Majlis telah banyak kali menegur Pengarah Jabatan Kesihatan dalam Mesyuarat Majlis Penuh tetapi beliau tetap berdegil dengan kelakuan beliau yang amat teruk ini. Satu lagi isu yang sering dibangkitkan oleh warga Seberang Perai ialah jalan-jalan yang berlubang. Tidak kira di mana-mana, di taman-taman, di dalam bandar jalan-jalan yang berlubang sudah menjadi lumrah yang kita tidak dapat elakkan. Orang awam merasa amat gelisah apabila lubang yang kecil semakin hari semakin membesar. Pihak PBT dan JKR seolah-olah tidak mampu menyelesaikan masalah yang kecil ini. Apabila saya menyoal jabatan yang berkenaan mengapa MPSP begitu lemah dalam bidang menampal lubang-lubang di atas jalan. Jawapan yang saya terima adalah MPSP terpaksa mengumpulkan sejumlah lubang-lubang di atas jalan baru boleh melantik kontraktor untuk menjalankan kerja supaya perlindungan kontraktor-kontraktor dapat terjamin. Ini bukan menjamin keselamatan rakyat tetapi untuk menjamin keuntungan kontraktor-kontraktor. Ini memang amat tidak betul.

Saya juga ingin bertanya, adakah pegawai-pegawai daripada kesemua jabatan di MPSP mengambil inisiatif untuk turun ke padang dan mengumpul sebarang kerosakan atau kecacatan di Seberang Perai dan disusuli dengan tindakan memperbaikinya atau pegawai-pegawai itu hanya duduk dalam pejabat menunggu aduan-aduan daripada ADUN, Ahli Majlis dan juga dari Yang Berhormat. Saya ingin mencadangkan di sini supaya MPSP menubuhkan satu pasukan khas supaya masalah lubang-lubang di atas jalan dapat ditangani secara secepat mungkin dan berkesan. Di kawasan Seberang Perai kita nampak banyak buah papan tanda yang telah runtuh dan senget ataupun hilang dan beberapa batang jalan yang berlubang, longkang yang tersumbat dengan sampah dan menyebabkan banjir kilat. Berapa banyak sampah-sampah tidak dikutip dan longgokan sampah di longkang menjadi sebuah bukit. Berapa lampu jalan tidak menyala pada waktu malam tetapi menyala pada waktu siang hari. Berapa rumput di tepi jalan tidak dipotong menjadi semak samun.

Saya ingin menyeru kepada MPSP supaya menjadikan PBA sebagai tauladan. Pengalaman beberapa tahun saya berurusan dengan PBA mendapati PBA menetapkan satu piawaian untuk menyelesaikan aduan-aduan iaitu tindakan mesti di ambil dalam 2

jam selepas aduan diterima. PBA telah mencatat rekod kadar kehilangan bekalan air tanpa keuntungan paling rendah di Malaysia iaitu hanya 16.9%. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada seluruh kakitangan PBA. Y.B. Tuan Speaker yang saya hormati, dalam kawasan saya terdapat lebih 10,000 buah keluarga terletak dalam zon banjir. Ini satu hasil daripada bekas kerajaan Barisan Nasional. Berdasarkan statistik tebatan banjir 2006-2015, kerajaan akan membelanjakan RM27 juta hanya di sekitar Sungai Rambai. Kerajaan Pulau Pinang dipaksa memperuntukkan sedemikian banyak wang untuk menyelesaikan masalah banjir. Ini adalah akibat kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya kurang rasional dan yang amat korupsi dan suka menyalahgunakan kuasa. Sebagai contoh, kawasan Taman Sri Rambai terletak di bawah paras air sedalam 3-4 kaki, pelan diluluskan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Saya mohon penjelasan. Sedikit sahaja. Saya ingin minta penjelasan. Tadi Y.B. Padang Lalang ada menyebut berlaku salah guna kuasa dalam urusan pentadbiran tebatan banjir. Jadi pertamanya saya mohon perkara ini dijelaskan secara terperinci sebab yang kita faham urusan-urusan tebatan banjir ini sudah pun hampir selesai. Rakyat di kawasan Seberang Perai Utara telah melihat masalah banjir telah dapat diatasi hampir sepenuhnya. Jadi saya juga ingin mengetahui sejauh mana ada penyelewengan kuasa yang berlaku bagi urusan-urusan tebatan banjir yang dimaksudkan oleh Y.B. Padang Lalang. Sebentar tadi juga Y.B. Padang Lalang ada menyebut tentang rasa ketidakpuasan hati berkenaan dengan servis, perkhidmatan yang diberikan MPSP dan sebagainya. Jadi saya ingin mendapatkan satu persetujuan daripada Y.B. Padang Lalang, adakah selepas setahun Pakatan Rakyat memerintah, kegagalan masih berlaku dan servis tidak dapat dijalankan sebaik mungkin. Jadi adakah ini menunjukkan kegagalan CAT itu sendiri.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Yang saya katakan salah guna kuasa maksudnya kita semua faham kalau satu pelan pemajuan yang hendak dapat kelulusan semestinya mempunyai pelbagai proses di MPSP. Sebagai contoh, tambun tanah kalau 7 kaki ianya mesti kena ada pemantauan, kalau pemaju itu cuma menambun 4 kaki dan pegawai kita yang terlibat itu tidak pergi membuat pemantauan atau ada faktor tertentu mereka kecilkan mata ataupun langsung tutup mata dan biarkan pemaju itu begitu sahaja dan meluluskan. Adakah ini bukan salah guna kuasa. Ini penjelasan saya di sini. Bagi kontraktor yang saya sebut yang masih gagal dan tidak menjalankan kerja dengan baik-baik, kita bukan hendak membuang kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan berusaha. Di kawasan saya kita dijanjikan pada 19hb, kontraktor di kawasan saya sudah mendapat bantahan dan ditamatkan sebab dia gagal dalam aspeknya, gagal dalam tanggungjawabnya. Di SPU juga ada 3 kontraktor sudah ditamatkan dan ini sebenarnya kita harus faham. Kita tidak mungkin membuang semua kontraktor, kalau begitu sampah-sampah, siapa hendak kutip. Kita cuma memberi satu ajaran kepada yang lain supaya mereka mengambil berat dan bekerja dengan berusaha. Kalau mereka tidak berusaha memang tidak seimbang kepada pembayar taksiran.

Saya akan teruskan dengan perbahasan. Sebagai contoh, sebagai contoh, kebanyakan kawasan Taman Sri Rambai terletak di bawah paras air sedalam 3 kaki, pelan yang diluluskan telah mewajibkan kerja tanah adalah sekurang-kurangnya 7 kali tetapi PBT yang dipimpin oleh kerajaan Barisan Nasional yang kurang rasional telah bersubahat dengan pemaju menyebabkan tapak bangunan tidak cukup tinggi dan akibatnya penduduk-penduduk terpaksa berhadapan dengan mimpi ngeri seperti banjir

dan kerajaan negeri terpaksa membelanjakan wang yang cukup banyak untuk menangani masalah ini. Bukankah bagus jika kita menggunakan duit ini untuk pembangunan lain. Oleh itu saya menyeru kepada semua pegawai kerajaan jangan terlibat dengan gejala rasuah. Biar kita semua berganding bahu bekerjasama demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Pulau Pinang. Rakyat Pulau Pinang pula semestinya faham semua kekurangan atau kecacatan yang kita hadapi pada hari ini merupakan tanggungjawab kita semua. Misalnya Pulau Pinang dinamakan sebagai negeri Darul sampah atas sebab tabiat rakyat yang suka membuang sampah di merata-rata tempat dengan sewenang-wenangnya. Kita semua maklum bahawa di Malaysia hanya hujan turun dari langit, di negara-negara bermusim selain hujan, salji juga akan turun dari langit tetapi bukan sampah. Saya bercadang untuk memaksa semua ulat-ulat sampah menukar perangai kurang baik ini penguat kuasa yang lebih ketat harus dijalankan termasuk mewajibkan mereka yang menyapu jalan-jalan di khalayak orang ramai.

Y.B. Tuan Speaker yang saya hormati, rakyat Pulau Pinang telah membuat keputusan untuk mengubah pada pilihan raya yang lepas, rakyat telah menolak Barisan Nasional yang kurang rasional sebab Barisan Nasional memakan dasar diskriminasi dasar kurang adil dan saksama. Dasar perkauman dalam UMNO menjadi "Thai Kho".... (dengan izin). Y.B. Tuan Speaker, rakyat telah memilih sebuah Pakatan Rakyat yang diterajui oleh DAP. Rakyat juga mencipta satu petak politik baru di Pulau Pinang. Pulau Pinang sekarang telah masuk ke satu era politik yang bersifat baru. Hari ini saya ingin menyeru kepada seluruh rakyat di Pulau Pinang, minda kita semestinya berubah melainkan membebaskan Pulau Pinang dari nama busuk, Darul Sampah, kita boleh membantu PBT mengurangkan pembelajaran untuk melupuskan sampah-sampah pepejal yang lebih penting adalah kita akan dapat memastikan generasi akan datang kita dapat menikmati satu alam sekitar yang selesa, bersih dan mampat pembangunannya. Akhirnya saya hendak katakan, menjaga kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab kita semua biar kita memulau dari kamu dan saya juga dan saya minta untuk menyokong. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri.**

Y.B. Tuan Speaker, selaras dengan peraturan 6A(1), peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya memohon supaya masa persidangan pada hari ini 21 April, 2009 dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ada sokongan?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ya, saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 21 Julai 2009 dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya." Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

**Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tidak.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Lebih suara bersetuju, Y.B. Ahli Kawasan Sungai Dua, seorang sahaja yang katakan “Tidak.” Usul ini dipersetujui, dipersilakan Ahli Kawasan Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, selepas satu tahun Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang kita banyak menyaksikan dasar-dasar yang memihak kepada rakyat. Kita berjaya menghapus kemiskinan tegar dalam Negeri Pulau Pinang dalam satu tahun sahaja. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dari segi ekonomi falsafah Kerajaan Pakatan Rakyat adalah berbeza secara *coordinate* dengan pembangkang Barisan Nasional. Falsafah ekonomi Barisan Nasional lebih mirip kepada *leisure fair, free economic* yang lebih menyokong orang kaya, ia dilapur oleh bekas President George Bush. Barisan Nasional cuba melahirkan tokoh-tokoh korporat yang besar dan mengharapkan kekayaan akan juga *down* dan diagihkan kepada rakyat jelata, tetapi kerana tamak haloba kepimpinan Barisan Nasional dan tokoh-tokoh kaya, pembesar-pembesar UMNO Barisan Nasional yang kaya menjadi lebih kaya, akhirnya rakyat jelata tetap miskin. Jadi kita boleh nampak ada Disney Gate, orang pergi Disneyland, ada kes wang rasuah di dalam UMNO dan sebagainya. Jadi ianya gagal di Amerika Syarikat begitu juga ia akan gagal di Malaysia. Falsafah Pakatan Rakyat lebih mirip kepada *centric* ekonomi. Ekonomi yang dipelopori oleh President Clinton Obama. Falsafah ekonomi Kerajaan Pakatan Rakyat adalah merakyatkan ekonomi. Kami lebih percaya kepada merakyatkan ekonomi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Ya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, wakil daripada Pantai Jerejak, bolehkah wakil daripada Pantai Jerjak bersetuju kalau saya sebutkan, sejak daripada Barisan Nasional memerintah lebih kurang termasuk dengan Parti Perikatan lebih kurang 50 tahun dahulu kalau dahulu kita katakan kemiskinan begitu ketara sekali, termasuk semua bangsa, tetapi selepas 50 tahun hari ini kita melihat terutama sekali di Negeri Pulau Pinang dengan pencapaian pengurangan kadar miskin sehingga 0.3% .

Jadi tidakkah itu menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya telah berjaya mengeluarkan masyarakat daripada kemelut kemiskinan sampai kepada hari ini mereka dapat menikmati satu gaya hidup yang lebih baik berbanding dengan negara lain terutama sekali negara-negara dunia ke tiga yang setaraf dengan kita. Jadi wajarkah? Kita menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini hanya mengayakan golongan tertentu dan membiarkan kemiskinan kepada rakyat? Sedangkan kalau kita lihat hari ini semua rakyat mendapat pendidikan percuma, mendapat meningkat taraf hidup dan sebagainya. Apakah wakil daripada Pantai Jerjak bersetuju kalau saya katakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya telah berjaya mengubah cara hidup masyarakat daripada kemiskinan selepas penjajahan sehinggalah pada hari ini kita semua hidup selesa. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih, Y.B. Permatang Berangan, tidak berangan sekarang, okey. Jadi ini tanggungjawab rakyat, kerajaan. Tanggungjawab kerajaan adalah menyediakan *free school, education* dan juga *help care* itu juga tidak berikan tolak ansur. Jadi dahulu daripada tahun 1970-an kalau Y.B. Permatang Berangan tidak tahu, 70-an kita lebih kurang sama dengan Taiwan, Singapura, Korea Selatan, dan Malaysia, tetapi akibat daripada pengurusan Barisan Nasional, ekonomi kita jauh lebih mundur daripada Korea, empat kali ganda, Singapura 5 kali ganda dan Taiwan 3 kali ganda. Jadi ini adalah masalah yang dibawa oleh Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Ya, saya minta penjelasan, tidakkah itu semua berkait dengan faktor-faktor yang *relatives*, ya kejayaan di Taiwan hendak dibandingkan dengan kejayaan di Malaysia mesti ada faktor-faktor lain, ianya bukan semua faktor sama, faktor-faktor *geopolitics*, faktor sumber alam, faktor iklim dan sebagainya juga turut mempengaruhi, tetapi dalam isu ini adakah kita melihat rakyat kita semakin hari semakin kelaparan, sedangkan hari ini kita lihat pencapaian rakyat memang akan ada orang yang miskin, tetap akan ada termasuk dalam isu miskin, mudah miskin, hari ini kita kata Kerajaan PKR menyelesaikan semua isu kemiskinan tegar walaupun saya secara peribadi saya kata itu satu pembohongan.

Namun begitu kita kena lihat kemiskinan tetap akan berlaku apabila tetap ada isu pertama sekali dengan isu mudah miskin, mungkin Ahli daripada Pantai Jerjak boleh memahami apakah kondisi yang dikatakan mudah miskin, mungkin hari ini kita ada keluarga sebuah keluarga, tiba-tiba kematian ketua keluarganya, maka keluarga tadi boleh berubah menjadi miskin dalam keadaan yang serta merta. Jadi cerita tentang miskin tegar dan sebagainya itu adalah satu isu yang *continuity* yang sentiasa berkesinambungan yang kita kena selesai, tetapi secara umumnya masyarakat dalam negara kita sentiasa menghadapi satu proses dalam kualiti hidup mereka itu sendiri. Jadi kita tidak boleh menafikan bahawa peranan dan fungsi Kerajaan Barisan Nasional dan komponen-komponennya yang diterajui oleh kepimpinan, ahli-ahli komponen Barisan Nasional sebenarnya telah berkesan mengubah dan membina taraf hidup yang lebih baik dan sememangnya perkara ini diakui di peringkat dunia. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Permatang Berangan, tetapi tadi Y.B. telah menyentuh tentang isu-isu kondisi dari segi iklim, *geopolitics* dan sebagainya. Lihat Taiwan, *geopolitics* cukup teruk sekali ada *housestall* di Negara China, tetapi berjaya dalam 30 tahun bersama dengan Malaysia berjaya mencatat ekonomi empat kali ganda daripada

Malaysia. Kalau kita katakan sumber alam, Malaysia apa-apa pun ada, minyak ada, kelapa sawit, getah, semua ada, tetapi Singapura tidak ada, Taiwan pun tidak ada, Korea Selatan juga tidak ada, sedikit sahaja, mengapa mereka boleh memajukan ekonomi dengan lebih baik tetapi Malaysia, realiti lebih teruk daripada mereka dan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Sedikit sahaja lagi, sebenarnya kita hendak katakan Singapura memajukan ekonomi yang lebih baik dan sebagainya, kita tidak boleh lihat dari segi mata kasar sahaja, tetapi kita juga kena lihat dari segi pencapaian KDNK dia, hutang negara dia dan sebagainya. Jadi mungkin kalau kita lihat dari segi pertumbuhan ekonomi kita, dari segi *percentage* dan pertumbuhan keluaran negara kasar kita mungkin lebih hebat atau lebih tinggi daripada mereka itu yang sebenarnya. Perkara ini kalau kita hendak bahaskan, perlu kepada satu pendetilan dan perlu kepada *fact and figure*, tetapi secara umumnya saya persoalkan sejak daripada awal tadi apakah kita menafikan satu realiti bahawa rakyat Malaysia hari ini berada dalam satu kedudukan kualiti hidup yang memuaskan. Bukan kita mengalami satu proses penurunan ataupun pengurangan ataupun satu keadaan yang menunjukkan kadar kemiskinan yang semakin meningkat, kadar hutang negara yang semakin tinggi dan sebagainya. Jadi kita perlu terima tentang pencapaian sama ada *slow* ataupun lajunya pencapaian kita itu bergantung kepada keadaan kita, namun begitu kita tidak *drop down* itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih, isu sekarang adalah secara realiti seperti Y.B. sudah membangkitkan tadi realiti secara realiti. Semua serantau Asia Tenggara bersama dengan Asia juga berjaya mengurangkan miskin tegar di satu rantau Asia. Jadi maksudnya di Malaysia, kita juga bersama-sama negara rantau ini bergerak maju. Jadi isu ini jangan kita bandingkan, yang kita hendak bandingkan adalah negara kita yang sama kategori pada 70-an dan sekarang 30 tahun kemudian kita sudah mundur, realiti sudah ketinggalan tiga atau empat kali ganda.

Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya akan teruskan dengan perbahasan saya. Jadi kami percaya bahawa kelas menengah, akan melahirkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kekayaan negara haruslah diagihkan kepada kelas berpendapatan rendah supaya mereka berpeluang untuk menjadi kelas menengah dan kelas menengah akan memajukan ekonomi negara kita kerana mereka adalah tunjang negara kita. Jadi saya menyokong penuh usaha kerajaan negeri yang ingin memberi tanah hak milik kekal kepada penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah PDC. Golongan ini kebanyakan berpendapatan rendah dan ini adalah hak milik dengan adanya hak milik kekal harga rumah mereka akan naik, maka masa hadapan mereka lebih terjamin. Dengan harga rumah yang tinggi mereka akan lepas belunggu kemiskinan dan menjadi kelas menengah, akan tetapi usaha ini tetap ditentang oleh kerajaan pusat. Kerajaan Pusat melalui Majlis Tanah Negara cuba menggugat usaha mulia ini setelah diarah oleh Y.A.B. Ketua Menteri, KADUN Pantai Jerjak telah menjalankan kempen tandatangan untuk mendapat sokongan penduduk rumah kos rendah. Hasil daripada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan, boleh sikit penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, tadi wakil Pantai Jerjak ada menyebut bahawa apabila keadaan tanah itu ditukarkan syarat menjadi milikan kekal, jadi harga rumah kos rendah tadi akan, maknanya tinggi lah, *value* rumah itu menjadi tinggi. Jadi persoalannya kita buat rumah kos rendah ini adalah untuk memberi peluang kepada orang-orang yang kurang mampu memiliki rumah-rumah tersebut.

Jadi apakah dengan kenaikan harga rumah yang berkaitan dengan perubahan status tanah tadi, menyebabkan pemilik-pemilik rumah kos rendah tadi yang kita beri kepada mereka atas alasan kerana mereka ini golongan berpendapatan rendah akan menjual rumah tersebut untuk mengambil keuntungan daripada kenaikan harga tadi. Itulah maksud tujuan penukaran status tanah tadi bagi membolehkan mereka memiliki ataupun boleh menjual, mendapat, *sorry*, mendapat keuntungan daripada harga rumah yang kita jual dahulunya murah sekarang harganya tinggi. Jadi saya rasa matlamat penukaran status tanah itu tidak mencapai kepada maksudnya, kemudian yang kedua, kalau kita lihat sekiranya daripada awal, tanah-tanah untuk tujuan pembinaan rumah kos rendah tadi diberikan status milikan kekal. Jadi sudah sebarang pasti kalau tidak ada satu pengawalan yang wajar, harga-harga rumah kos rendah juga akan turut meningkat kerana pemaju-pemaju akan mengambil kesempatan daripada tanah yang *free hold*, tanah yang pegangan bebas ini biasanya bernilai tinggi dan mereka akan mensabitkan bahawa harga nilai tanah yang tinggi menyebabkan kos untuk membina rumah itu juga tinggi. Jadi kos rumah itu akan dijual dengan harga yang lebih tinggi. Sekarang ini pun, kita telah menjangkau harga rumah kos rendah daripada dahulunya RM25,000 tetapi di Pulau Pinang mencecah paling rendah pun RM40,000 lebih. Jadi bersetujukah wakil daripada Pantai Jerejak bahawa untuk masa yang akan datang akibat daripada proses perubahan tanah yang sebagaimana dimaksudkan juga akan membawa kepada peningkatan harga rumah terutamanya bagi rumah-rumah yang kos rendah? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Permatang Berangan. Saya rasa Yang Berhormat belum teliti dengan isu secara mendalam. Apabila mereka beli rumah mereka akan beli dengan RM42,000 dan selepas itu mereka baru diberi hak milik kekal. Jadi dia punya harga nilai akan terus naik tetapi isu tentang adakah rumah kos rendah akan naik, itu kita kena ikut Kementerian Perumahan daripada Kerajaan Pusat. Itu bukan negeri yang ditetapkan. Jadi lebih baik tanya kepada Menteri Perumahan. Jadi saya tadi katakan KADUN kami telah mendapat sokongan, mendapat 924 tandatangan atau pun lebih daripada 60% penduduk yang menyokong usaha kerajaan negeri. Saya ingin menyeru kerajaan negeri berdiri tegas dalam isu ini dan memperjuangkan dasar pemberian hak milik kekal dalam Majlis Tindakan Negara nanti. Saya juga meminta Y.A.B. Ketua Menteri memaklumkan status pertukaran hak milik kekal kepada Dewan yang mulia ini.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Pantai Jerejak. Boleh beri laluan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Pada sekelip seimbis, tengok seimbis memang bagus kalau kita tukar hak milik sementara kepada hak milik kekal kepada *property* ini tetapi kalau kita lihat untuk rumah pangsa, dia had umurnya semakin 60 tahun, 90 tahun, rumah pangsa ini akan rosak. Tengok seperti di *Rifle Range*, memang

keadaan cukup teruk. Sepatutnya kerajaan negeri runtuh dan buat lain tetapi kalau kita beri *permanent* hak milik yang kekal ini, bagaimana kita hendak ambil balik, hendak bina

semula dan hendak kena *enquire*. *We have to enquire back* unit itu dengan kos yang tinggi. Adakah kerajaan pada masa itu, kita hendak buat apa kena fakir masa hadapan jangan fakir hari ini sahaja. Kalau kita beri hak milik kekal, akhirnya kerajaan pada masa itu akan terpaksa *enquire* kalau hendak buat semula, hendak bangun semula *property* itu. Kalau kita beri hak milik sementara, kerajaan lebih mudah ambil balik semua sekali dan bina semula dan mungkin beri balik kepada tuan rumah itu.

### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang kerana Y.B. Telok Bahang telah menunjukkan perbezaan antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Barisan Nasional cuma mempertimbangkan korporat-korporat besar, tanah begitu naik tinggi, macam mana *acquire* dan sebagainya tetapi Pakatan Rakyat lebih mementingkan kepada hak rakyat. Rakyat *come first* jadi walau pun sekarang kita tahu mungkin kita kena tanggung tetapi sekarang rakyat yang miskin kita telah jaga. Kita telah beri apa yang lanjutan kepada kehidupan mereka dan kalau kita perlu *acquire* kerana tanah ini dia akan naik harga secara itu ekonomik. Mungkin dia akan turun naik tetapi *on global trend* dia memang naik. Jadi kerajaan negeri pun akan mendapat hasil yang lebih tinggi pada masa itu. Barulah kita berjaya *cut of* rasuah, kalau kita dapat jimat daripada pemberian projek-projek kepada kroni, kita mempunyai wang untuk membiayai segala pembinaan rumah kos rendah dan tidak menjadi masalah.

Jadi Y.B. Tuan Timbalan Speaker, setelah satu tahun di bawah Pakatan Rakyat, kerajaan negeri telah berjaya dalam banyak bidang. Secara umumnya, kita berjaya memaju dalam pelbagai bidang dalam masa yang cukup singkat tetapi kita perlu renung sepanjang tahun yang lepas, kita asyik *fighting* sahaja. Menyelesaikan masalah yang tertinggal oleh kerajaan terdahulu dan sudah ketinggalan zaman. Saya semakin khuatir, kita terperangkap dengan pemikiran lama, polisi lama, pendekatan lama sehinggakan kita tidak dapat melahirkan sesuatu yang baru dan bersifat *reformism*. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu konsep *creative disruption*. *Frederic Niche* pada tahun 1913 dalam bukunya *War and Capitalism* membangkitkan bahawa konsep ini yang beliau tulis....(dengan izin), *against of all, against out of disruption a news spirit of creativity arrives*. *Joseph Shampeater* menyifatkan *creative disruption*....(dengan izin), sebagai *the process of transformation that of the companies radical innovation*.

Kita sedang mengalami kegawatan ekonomi yang memerlukan pemikiran baru dalam segala urusan pentadbiran kita. Kita memerlukan sesuatu lanjutan paradigma dalam semua urusan pentadbiran. Saya rasa bangga kerana Y.A.B. Ketua Menteri berwawasan menjadikan Pulau Pinang *global city*. Wawasan yang cukup kreatif dan transformasi. Kita memerlukan pemikiran yang baru untuk menyedarkan Pulau Pinang menerajui pertumbuhan yang akan datang. Sememangnya lebih kurang satu Masihi yang lalu Bandaraya George Town merupakan bandar raya antarabangsa yang cukup terkenal di merata dunia. Ia merupakan salah satu bandar raya di bawah *The Straight Settlement*. George Town pada ketika itu cukup aktif dalam perdagangan antarabangsa. Merupakan pusat pentadbiran yang unggul, mempunyai pelabuhan dan pengangkutan yang canggih. Menjelang tahun 1930, Pelabuhan Sweetenham merupakan pelabuhan yang cukup sibuk dengan berbagai kapal dari merata dunia. Pulau Pinang menjadi pusat hiburan serantau dengan pelbagai panggung wayang dan teater. Ia juga memimpin serantau dari segi budaya, agama dan ilmu. Ramai Tokoh-tokoh penulis di dunia seperti Willion Summerset, Mahan. Logam pun singgah di Pulau Pinang dan



kagum akan keunikannya. Kepelbagaian etnik dan suasana kosmopolitan Pulau Mutiara ini.

Tokoh revolusi China, Dr. Sun Yak Seng, dalam kesibukan beliau juga menziarahi Pulau Pinang beberapa kali untuk merancang strategi menumbangkan rejim *corrupt* dinasti Ching negaranya. Dari segi ilmu, Penang Free School menjadi sekolah menengah yang pertama di rantau Asia Tenggara. Kedudukan Pulau Pinang pada masa itu merupakan pusat pengetahuan serantau. Terbukti bahawa Pulau Pinang adalah bandar raya bertaraf antarabangsa di mana kepentingan dan kedudukannya cukup nyata tetapi Pulau Pinang telah undur secara perlahan-lahan. Sekarang kita tidak lagi berstatus antarabangsa. Kita telah mundur dan persoalan sekarang adalah kita boleh kembali ke zaman kegemilangan Bandaraya George Town, bandar raya antarabangsa. Tibalah masanya untuk kita generasi baru anak Pulau Pinang untuk memikul tugas yang mencabar ini. Saya cukup bersyukur kerana Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri memulakan pemikiran dan perbincangan yang baru dan memulangkan status kegemilangan bandar raya antarabangsa. Mengikuti kajian saya melalui wikipedia sebuah *global city* perlu mempunyai beberapa ciri-ciri seperti berikut:-

Pertama, menyertai dan mempengaruhi arena politik, ekonomi dan sosial serantau atau dunia secara aktif. Pulau Pinang semakin kurang menyertai arena antarabangsa mahu pun serantau. Kita perlu kembali aktif dalam hal ehwal perdagangan antarabangsa dengan menjadi tuan rumah kepada beberapa konvensyen atau *trek show* yang bertaraf antarabangsa. Kita perlu menjalin hubungan dengan beberapa bandar raya antarabangsa dengan lebih erat seperti menjalin *twin cities* dengan Singapura. Kalau boleh Saint Horsey, Silicon Valley, California dan sebagainya.

Kedua, *global city* perlu mempunyai sistem pengangkutan yang canggih dengan pengangkutan awam yang moden. Pulau Pinang mempunyai masalah trafik yang cukup kelam kabut. Kita perlu menumpukan perhatian kepada peningkatan pengangkutan awam. Rapid Penang gagal mengubah sikap rakyat Pulau Pinang tukar tabiat memandu kenderaan sendiri maka satu strategi komprehensif perlu diadakan.

Ketiga, *global city* perlu mendapat menarik komuniti aspek dan pekerja intelek dari seluruh dunia. Pulau Pinang mempunyai potensi yang cukup besar, kita mempunyai komuniti aspek dan pekerja intelek yang aktif. Cabaran sekarang kita perlu memperbesarkan golongan ini. Kita perlu secara drastik menambahkan pekerja sedemikian secara insentif supaya kita boleh menang dalam perang *brain games*.

Keempat, *global city* perlu mempunyai sistem telekomunikasi yang canggih dan *high speed internet*. Usaha kerajaan negeri menyediakan WiFi percuma ke Pulau Pinang adalah satu *big step in the right direction....*(dengan izin). Kita perlu melaksanakan secara giat dan aktif supaya kita boleh *remain competitive*.

Kelima, *global city* perlu mempunyai muzium dan institusi yang bertaraf dunia. Kita lemah dari segi ini kerana kita mempunyai muzium yang cukup kecil. Kita perlu mempunyai *museum of modern art*. Kita perlu ada *museum of traditional art* juga. Potensi Pulau Pinang untuk menerajui budaya serantau cukup cerah. Kita mempunyai pertembungan berbagai budaya yang cukup menarik. Kita sangat menghargai peninggalan bersejarah yang ada di sekitar George Town dan di negeri ini dan akan tetapi kekayaan sebenar di negeri bertuah ini adalah penduduknya.

Kita mempunyai pembuat kasut yang bertaraf antarabangsa seperti Jimmy Choo maka adalah penting kita menggembeng semua usaha kita untuk menjadikan Pulau Pinang bandar raya budaya yang ulung di rantau ini. Kerajaan negeri harus menarik Jimmy Choo. Menubuhkan akademi kasutnya di sini. Kerajaan juga harus berusaha

menarik Universiti Antarabangsa terkenal menubuhkan Academy of Art and Design di sini.

Pulau Pinang cukup bertuah kerana mempunyai suasana warisan yang cukup menarik kepada para artis-artis. Artis-artis memerlukan suasana berbudaya untuk merangsang inspirasi maka Bandaraya George Town perlu mengadakan program untuk merangkap artis-artis menubuhkan studio, muzium, akademi, *production house* mereka di sini. Y.A. Ketua Menteri perlu fokus kepada isu-isu yang kompleks. Saya rasa kasihan kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana beliau terpaksa menangani masalah pentadbiran. Pada masa yang sama menghadiri berbagai program-program makan malam, upacara perasmian dan lain-lain. Y.A.B. Ketua Menteri kita cukup popular tetapi beliau juga sama dengan kita mempunyai 24 jam sahaja. Jadi adalah penting Y.A.B. Ketua Menteri perlu fokus kepada kerja-kerja yang lebih penting.

Saya ingin membangkitkan beberapa isu kawasan saya yang saya hadapi sekarang. Kawasan KADUN Pantai Jerejak dan Bayan Baru mengalami masalah jenayah yang semakin serius. Kes-kes ragut, pecah rumah, pendatang asing tanpa izin dan mat rempit semakin menjadi-jadi. Pelbagai usaha telah dijalankan termasuk berdialog dengan OCPD namun kesannya tidak berapa. Penduduk semakin sangsi dengan kegagalan pihak berkuasa menangani masalah ini.

Saya ingin menarik pucuk pimpinan Negeri Pulau Pinang memberi perhatian yang cukup serius. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya Negeri Pulau Pinang menubuhkan *city sheriff*. Sistem seperti yang di Amerika Syarikat untuk membantu pihak polis. Sheriff akan ditugaskan oleh kerajaan negeri untuk mengawal, *petroling* ke kawasan yang mengalami jenayah yang cukup serius. Langkah drastik ini akan mengurangkan beban polis yang mengalami kekurangan *staff* yang serius dalam negeri ini. Pulau Pinang mempunyai persiaran pantai yang cukup indah tetapi ruang ini tidak dipandang serius oleh kerajaan negeri dahulu. Kalau kita lihat dari Batu Maung sampai ke Pantai Jerejak, sampai ke Kent Regious, sampai ke Padang Kota, ke Gurney Drive, ke Batu Feringhi, Tanjong Tokong dan Telok Bahang, kita mempunyai persisiran pantai yang cukup menawan. Saya ingin mencadangkan satu sinic *rock* yang dinamakan *The Great Penang Thrill* untuk membina lorong *bike thrill* yang selebar 24 kaki sepanjang persisiran pantai daripada Batu Maung sehingga ke Telok Bahang.

*Bikes thrill* yang lebar ini akan digunakan oleh beca, basikal elektrik, pejalan kaki, *roller scoter* dan *transporter* canggih yang bernama *sight way* seperti ini. Jadi sepanjang *The Great Penang Thrill* ini, kerajaan negeri boleh membina banyak fasilitet. Contohnya, kafe-kafe nyaman pada *vista point*, astaka makanan moden, mini taman permainan, *pier-pier* beli belah dan permainan seperti *Centre Monica Pier* di L.A. atau pier 39 di Saint Francisco. Semua ini merupakan produk pelancongan yang telah dibuktikan berjaya di negara lain. *The Great Penang Thrill* akan menjadi tarikan pelancongan atau pun penduduk tempatan. Penduduk tempatan boleh berbasikal secara selamat, beriadah dan juga bersenaman di atas *thrill* ini. Pelancong boleh berbasikal sepanjang *thrill* yang kira-kira 30 atau 40 kilometer ini sambil menikmati keindahan pemandangan persisiran pantai sambil membeli belah atau menikmati kopi dalam kafe-kafe. *The Great Penang Thrill* akan mengujudkan peluang pekerjaan yang cukup banyak. Pembinaan *thrill* ini akan mengujudkan peluang pekerjaan, kafe-kafe, *pier-pier* permainan dan gedung beli belah akan merangsangkan ekonomi. Kita juga akan mengembalikan industri basikal semula ke Pulau Pinang.

Akhir kata, orang yang paling gembira mungkin adalah Yang Berhormat dari Kawasan Tajung Bunga kerana beliau akan menggunakan *The Great Penang Thrill* tiap-tiap hari dengan basikal kesayangannya tiap-tiap hari. Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Dipersilakan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Kau Ee):**

Terima kasih Y.B. Timbalan Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan TYT. Yang di-Pertua Pulau Pinang dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, selepas Pilihan raya Umum Kedua belas yang lalu, kira-kira satu tahun yang lalu, rakyat Pulau Pinang telah memberikan undi-undi mereka kepada kita dengan satu harapan iaitu berharap kerajaan baru ini dapat membawa satu perubahan kepada Negeri Pulau Pinang. Sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab, kita terus berusaha untuk memastikan *positive change*... (dengan izin), atau perubahan positif yang konsisten dan berterusan supaya meningkatkan lagi mutu kehidupan orang Pulau Pinang. Perubahan yang dimaksudkan ini bukan setakat janji-janji yang kita buat. Apa yang diinginkan oleh rakyat jelata bukannya mendengar pelbagai pelan-pelan yang dirancang oleh kerajaan negeri atau kesan-kesan positif daripada perubahan tersebut. Sebagai kerajaan bandar atau pun *Urban Government* ... (dengan izin), cabaran paling besar kepada kita adalah untuk mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan dan ekonomi. Adakah kita telah melakukan apa yang terbaik dalam penguatkuasaan dan perancangan pembangunan negeri. Pada pendapat saya masih terdapat banyak ruang untuk perkembangan dan peningkatan.

Perkara pertama yang ingin saya membangkitkan di sini adalah masalah pendatang asing. Isu ini dibincangkan tetapi sampai hari ini masih terdapat ramai pendatang-pendatang asing di kalangan kita dan sebahagian besar masuk ke negara kita masuk secara haram. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, seperti yang kita sedia tahu pada masa kemerosotan ekonomi ini, peluang pekerjaan telah menurun secara mendadak. Sekiranya kita mengizinkan pendatang-pendatang asing terutamanya yang haram memasuki negeri kita tanpa kawalan. Ia pasti akan menjadi suatu saingan negatif terhadap penduduk-penduduk tempatan. Selama ini Kerajaan Pulau Pinang telah berusaha keras untuk menghapuskan kadar pengangguran dalam negeri. Oleh itu, saya ingin meminta kerjasama Jabatan Imigresen untuk mengetatkan lagi penguatkuasaan dalam masalah pendatang haram ini.

Banyak syarikat-syarikat mungkin menyalah gunakan *lock poh* atau *great areas*... (dengan izin), pada dasar-dasar penguatkuasaan. Oleh itu, saya meminta pihak Imigresen untuk meneliti peraturan-peraturan semula yang sedia ada untuk memastikan tiada orang yang mengambil kesempatan ini. Masalah pendatang asing bukan sahaja tertakluk kepada persaingan dalam peluang pekerjaan. Mereka juga adalah salah satu penyumbang yang terbesar kepada kadar jenayah di negara kita. Saya ingin meminta pertolongan pihak Imigresen dan pihak polis untuk memastikan bahawa mereka tanpa dokumen-dokumen sah dihantar balik ke negara masing-masing. *Separate* yang kita ketahui terdapat kilang di Negeri Pulau Pinang terpaksa menghentikan kontrak pekerja-pekerja asing mereka dalam mengusahakan mengurangkan kos. Terdapat banyak pekerja-pekerja asing yang kehilangan kerja telah melarikan diri daripada dihantar balik ke negara-negara masing-masing dan terdapat segelintir daripada mereka yang telah melibatkan diri dalam kerja-kerja haram. Kes-kes jenayah seperti rompakan dan *snatch thief*... (dengan izin), telah menjadi perkara biasa di Pulau Pinang. Kadar jenayah yang

semakin meningkat ini bukan sahaja akan menjejaskan kehidupan rakyat jelata tetapi juga akan merosakkan nama baik Pulau Pinang.

Sekiranya kita gagal untuk mengawal situasi ini, kita tidak mungkin dapat menarik pelancong-pelancong asing. Pendatang-pendatang asing juga merupakan sumber penyakit-penyakit seperti malaria dan sebagainya. Banyak majikan yang membawa masuk pekerja asing tidak menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk mereka. Terdapat kes-kes di mana pekerja asing yang dibawa masuk dibiarkan hidup di tempat pembangunan yang tidak dilengkapi dengan sumber air yang bersih. Kawasan yang kurang bersih ini telah menyebabkan banyak penyakit. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya berharap pihak yang berkenaan tahu bahawa masalah pendatang asing bukan satu perkara yang kecil kerana ia akan menjejaskan kita dari pelbagai aspek. Perkara ini perlu diberikan penekanan yang penting supaya diatasi secepat mungkin. Saya memohon kepada Jabatan Imigresen supaya menjalankan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap kemasukan pendatang-pendatang asing dan juga memastikan majikan yang membawa masuk pekerja asing mengikut semua undang-undang serta memastikan pekerja mereka tidak terlibat dalam jenayah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, bermula daripada yang paling asas, kebersihan dalam negeri merupakan isu seterusnya yang ingin saya bangkitkan. Seperti yang kita ketahui sekalian, pelancongan adalah salah satu sumber pendapatan penting kepada negeri kita. Kita selalu menekankan bahawa kita adalah sebuah negeri pelancongan tetapi apabila melihat balik kepada alam sekitar Pulau Pinang, adakah kita sudah mencapai tahap kebersihan yang diperlukan sebagai sebuah negeri pelancongan. Saya pasti jawapan itu masih kurang memuaskan. Lihatlah keadaan di taman-taman rekreasi, lihatlah sungai-sungai dan pantai-pantai kita. Lihatlah longkang-longkang di sekitar. Saya berharap pihak perbandaran dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik lagi. Saya berharap bahawa pihak perbandaran dapat melakukan kerja pembersihan yang konsisten terutamanya di tempat-tempat pelancongan. Kerja pembersihan tidak sepatutnya semasa kempen sahaja. Kita perlu satu usaha yang berterusan dan efektif untuk memastikan kebersihan dalam negeri ini dapat dikekalkan dalam satu tahap yang memuaskan. Penguatkuasaan yang sedia ada juga perlu diadakan dengan lebih ketat lagi untuk memastikan orang ramai patuh kepada peraturan-peraturan seperti tidak membuang sampah sarap merata-rata dan sebagainya. Makanan tempatan merupakan satu tarikan penting dalam pelancongan Pulau Pinang. Saya ingin menyeru kepada pihak penguatkuasaan supaya menjalankan pemantauan dan penjagaan yang lebih ketat ke atas tempat-tempat menjual makanan seperti kedai kopi, restoran dan kompleks makanan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, sebagai permulaan saya berasa kita perlu memastikan pemantauan dan penguatkuasaan yang ketat untuk memastikan haiwan-haiwan dilarang memasuki tempat makan. Tuan kedai dan pembawa haiwan di tempat makanan akan dikenakan denda tertentu sekiranya mereka melanggar peraturan ini. Biasanya apabila sesuatu kerja penguatkuasaan baru dimulakan, tugas memang dijalankan dengan teliti dan baik. Ini adalah baik dan saya berharap ia dapat diteruskan. Mentaliti ini perlu berterusan sekiranya kita ingin melihat keputusan usaha kita. Selain daripada penguatkuasaan dan usaha kerajaan, adalah bertanggungjawab kita untuk menanamkan pemikiran yang betul kepada orang ramai. Pada masa yang sama kita perlu memastikan semua rakyat jelata mempunyai kesedaran tentang kepentingan kebersihan. Tanpa kerjasama orang ramai, memang susah untuk kita untuk mencapai serta mengekalkan pada tahap yang kita inginkan. Ada orang mungkin berasa cadangan untuk menjalankan kempen-kempen kebersihan agak *out date* atau pun ketinggalan masa tetapi saya percaya bahawa sekiranya kita mendidik orang ramai sejak kecil lagi, pemikiran mereka akan berubah. Kita boleh menggunakan *approach*...(dengan izin),

yang lebih baru dalam usaha pendidikan kita seperti menggunakan saluran multi media, seperti Internet dalam usaha menyalurkan mesej-mesej kita kepada orang ramai.

Pendidikan adalah satu projek jangka masa yang mungkin pada masa ini kita tidak dapat melihat kesannya dengan serta merta. Kita perlu memberi lebih banyak kesabaran dan masa. Saya percaya usaha ini tidak akan disia-siakan. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, isu seterusnya ingin saya bangkitkan adalah tentang pengangkutan awam di Pulau Pinang. Salah satu syarat yang terpenting bagi sebuah negeri pelancongan ialah sistem pengangkutan awam yang baik dan lengkap. Lihatlah contoh-contoh negara lain yang banyak bergantung kepada pelancongan seperti Singapura, Jepun dan Hong Kong. Satu kesamaannya bagi semua tempat-tempat ini ialah sistem pengangkutan awam yang berkesan. Sekiranya Pulau Pinang mahu terus berkembang dari segi pelancongan, kita perlu membuat sesuatu untuk memastikan bahawa sistem pengangkutan awam kita dapat berganding dengan negara pelancongan yang lain. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, selain daripada kepentingan Pulau Pinang sistem pengangkutan awam yang baik dan senang digunakan juga akan menggalak lebih banyak orang tempatan untuk menggunakan pengangkutan awam. Ini akan membantu pengurangan kenderaan di jalan raya mengurangkan pencemaran dan juga mengelakkan kesesakan trafik.

Kita selalu menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam untuk kebaikan alam sekitar. Akan tetapi tanpa sesuatu sistem pengangkutan awam yang baik dan memudahkan orang ramai tidak mungkin kita akan berjaya dalam usaha ini. Lihat balik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sistem pengangkutan awam yang sedia ada amat mengecewakan walaupun tidak boleh dinafikan bahawa ialah dengan membawa masuk Rapid Penang sistem bas awam telah banyak diperbaiki sekurang-kurangnya kita dapat memastikan bahawa bas-bas awam adalah bersih dan selesa untuk penumpang tetapi sistem bas awam kita masih amat ketinggalan berbanding dengan tahap antarabangsa. Yang penting asas sekali kita perlu memastikan kekerapan bas dan perkhidmatan yang lebih profesional. Kita mesti memastikan bahawa kekerapan bas terutamanya kepada Lintasan Hangat ataupun *Popular Road* ditingkatkan supaya orang ramai tidak perlu tunggu terlalu lama. Selain itu kita perlu memastikan bahawa bas-bas tepat masa dan dapat mengekalkan kebersihan selalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu saya juga ingin meminta kerajaan negeri supaya mengeluarkan satu bajet untuk memperbaiki kemudahan asas dan infrastruktur dalam negeri untuk kebaikan orang ramai. Kita juga perlu menubuhkan kemudahan-kemudahan untuk orang kurang upaya iaitu (OKU) untuk mereka kerana mereka juga adalah sebahagian warga dari negeri kita. Saya percaya sekiranya jika kita dapat memperbaiki sistem pengangkutan awam dalam negeri, masalah trafik dalam negeri juga akan diperbaiki. Kesesakan trafik di Pulau Pinang berlaku setiap hari pada masa suntuk dan kita perlu mencari satu penyelesaian. Y.B. Tuan Speaker, saya ingin bercadang kepada JKR, Kerajaan Tempatan dan pihak yang lain yang berkenaan untuk mengkaji semula jalan-jalan dalam negeri terutamanya yang sesak setiap hari seperti Greenlane, Jalan Magazine dan sebagainya.

Sesetengah masalah boleh diselesaikan dengan menukarkan dalam masa lampu isyarat dan sebagainya. Kita juga boleh memperbaiki keadaan jalan raya dan untuk memastikan trafik lancar atau menukarkan sesetengah jalan dan *one way*... (dengan izin). Semua ini perlu dikaji semula dengan teliti. Y.B. Tuan Speaker, mengenai sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan, Parti Gerakan telah mengancam bahawa prestasi Pakatan Rakyat adalah memalukan. Kita dapat tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat penilaian atas MPPP pada 18hb. Jun 2008. Cuma 3 bulan selepas Pakatan Rakyat mengambil alih teraju pemerintahan Negeri Pulau Pinang, mustahil dalam masa beberapa bulan Pakatan Rakyat boleh mengubah pentadbiran

MPPP atau MPSP. Penilaian ini dibuat atas MPPP setelah sekian lama dipimpin Parti Gerakan dan Barisan Nasional, yang memalukan adalah Parti Gerakan dan Barisan Nasional dan bukan Pakatan Rakyat.

Saya menyambut sikap terbuka pihak kerajaan negeri untuk memikul tanggungjawab atas penilaian *Star Rating* dan telah mengambil langkah untuk menguatkan kekuatan dan menangani kelemahan yang ada. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran untuk menambah baik prestasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. Tuan Speaker, kita menyambut baik pengiktirafan George Town sebagai Pusat Tapak Warisan Dunia UNESCO akan tetapi masih ada rakyat dan tuan punya hal tanah George Town yang masih kurang faham tentang apakah impak terhadap pembangunan hal tanah dan *living heritage*. Berapa bulan kebelakangan ini kita juga membaca dalam surat khabar kemungkinan Taraf Tapak Warisan Dunia akan terjejas kerana ada 4 projek yang diluluskan tetapi ketinggiannya bangunan melebihi syarat dalam surat permohonan Malaysia ke UNESCO. Saya ingin tahu apakah akan dilakukan kerajaan negeri, Kerajaan Tempatan dan Kementerian supaya kita dapat melindungi taraf kita dari terjejas? Apakah kita juga lakukan di dalam usaha pemulihan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia. Isu yang seterusnya ingin saya bangkitkan hari ini adalah masalah-masalah rumah usang di Pulau Pinang.

Kita dapat lihat di sekeliling Pulau Pinang terutamanya di kawasan George Town terdapat banyak rumah-rumah usang yang tidak berpenghuni dan dibiarkan begitu sahaja. Selain menjejaskan kecantikan kawasan sekeliling dan memburukkan imej negeri rumah-rumah itu amat merbahaya. Kebanyakan rumah-rumah usang ini tidak kukuh dan mungkin runtuh bila-bila sahaja. Rumah yang dibiarkan ini juga sering dijadikan sarang untuk penghisap dadah dan sudah banyak kali berlaku kebakaran di rumah-rumah terbiar ini. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya mewajibkan tuan rumah ini membaik pulih premis mereka. Saya sedar bahawa kebanyakan tuan-tuan rumah ingin melarikan diri daripada tanggungjawab ini kerana mereka tidak ingin menanggung kos pulih semula.

Cadangan saya adalah untuk kerajaan negeri untuk memberi sedikit insentif kepada tempoh permulaan kepada tuan-tuan rumah yang bersetuju untuk memperbaiki rumah-rumah usang ini. Insentif ini tidak seharusnya pemberian tunai tetapi ia boleh dilakukan dengan pelepasan atau pengurangan daripada cukai pintu atau sebagainya. Ini tidak akan menjejaskan kewangan kerajaan negeri dan pada masa yang sama dapat menggalakkan tuan rumah untuk memperbaiki rumah mereka. Selepas tempoh insentif kita akan bermula dengan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis terakhir kepada tuan-tuan rumah. Sekiranya mereka gagal memulihkan rumah usang mereka dalam tempoh yang dihadkan ini kita akan mengenakan saman terhadap mereka. Yang Berhormat, masalah rumah usang ini tidak boleh dibiarkan usang lagi demi kebaikan dan keselamatan orang ramai. Oleh itu sekali lagi saya meminta kerajaan negeri dapat mengkaji cadangan saya untuk melakukan sesuatu. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seterusnya, Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, salam sejahtera terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Tanyalah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dalam setahun ini sentiasa mengurus tadbir CAT dengan prinsip 5K. Saya berpendapat 5K ini akan lebih bermakna dan sempurna untuk mendukung urus tadbir CAT jikalau

undi ketiga iaitu pilihan raya Kerajaan Tempatan dapat dikembalikan kepada rakyat di bawah prinsip *separation of the power...*(dengan izin), untuk mengekalkan *rule of law...* (dengan izin), dan tanyalah juga kepada kerajaan negeri sudah ada satu *road map* untuk merealisasikan perkara ini. Haraplah jangan terlalu lama. Tanya juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya melancarkan Projek WIFI percuma dengan liputan WIFI penuh untuk mempertingkatkan perkhidmatan ICT dalam negeri dari aspek informasi dan pengetahuan untuk kebaikan semua lapisan semua penduduk. Tetapi saya ingin menasihatkan kepada kerajaan negeri sekali lagi kita harus selalu mengkaji semula berkemungkinan berlakunya *negative impact* oleh *radio magnifier* atau (EMF) atau radiasi gelombang radio terhadap kesihatan manusia.

Berdasarkan prinsip LA21 kita harus juga mengambil berat nasihat dalam satu pengadil *sientiny* jarak TELCO untuk *mobile phone* atau WIMAX harus tidak kurang daripada 300 meter dari kawasan kediaman dan juga nasihat dalam satu laporan pengajian *bio transmitted initiative* atau *transmitting power...*(dengan izin), mesti kurang daripada 0.6V/M. Untuk mendorong ambil bahagian orang ramai demi *public health...*(dengan izin), kerajaan negeri juga harus mengambil langkah *precautionary approach...*(dengan izin), untuk mengelakkan berlakunya kesan-kesan negatif radiasi daripada menara TELCO tentang pandangan, maklumat serta bantahan dan NGO misalnya Penang EMF Alliance.

Y.B. Tuan Speaker, hasrat kerajaan negeri untuk menjadi Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa dengan prinsip CAT maka saya fikir satu *freedom of information act...*(dengan izin), atau Akta Kebebasan Maklumat harus dikenakan. Dan tanya juga kepada kerajaan negeri bahawa Jawatankuasa Kebebasan Maklumat telah mengadakan beberapa inisiatif dan perjumpaan dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan pendapat dan pandangan orang ramai tentang kebebasan maklumat sebelum *freedom of information act* Badan-badan Bukan Kerajaan dan Ahli-ahli Akademik. Untuk tujuan membincangkan kesesuaian dan keberkesanan *freedom of information act* ... (dengan izin), sekiranya dikuatkuasakan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap kebebasan maklumat contohnya mewujudkan ruangan khas di dalam tabloid suara rakyat yang membolehkan rakyat mengemukakan kritikan dan pendapat serta membuat siaran langsung iaitu *Webstreaming...*(dengan izin), Persidangan Dewan Undangan Negeri sebagai proses demokrasi. Jikalau Dewan ini masih tidak dapat memendekkan akta sebegini maka satu garis panduan maklumat perlu dipertimbangkan atau diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempertingkatkan konsep CAT supaya hasrat negeri Pulau Pinang sebagai satu Bandaraya Antarabangsa telah dicapai. Di sini kita boleh mengambil *freedom of information act* 1982 iaitu satu dalam *commonwealth conserved act* sebagai rujukan menggariskan satu panduan akta dalam *website www.austlii.edu.au*.

Y.B. Tuan Speaker, polisi dan usaha murni kerajaan negeri untuk membasmi miskin tegar dan melepaskan Pulau Pinang dari belunggu kemiskinan sifar amatlah menggalakkan tetapi kita juga harus memastikan golongan miskin mempunyai rumah sendiri berdasarkan konsep satu keluarga satu rumah. Saya fikir matlamat ini begini belum lagi tercapai. Maka saya fikir lagi perumahan kos rendah dan kos sederhana yang cukup harus dibenakan untuk mencapai hasrat tersebut bagi membina pendapatan rendah dan tidak berkemampuan supaya mereka tidak dihalau atau dipindah keluar atau terpaksa berpindah dari tempatan di mana mereka sudah lama mencari rezeki ke kawasan lain yang membebaskan kehidupan mereka. Jikalau kerajaan tak cukup tanah

yang cukup untuk kos rendah saya cadangkan kerajaan mewajibkan pemaju-pemaju

membangunkan rumah kos rendah kos sederhana di kawasan berdekatan untuk penempatan penduduk-penduduk setinggan yang selalu menghadapi perintah berpindah misalnya di Kampung Tanjong Tokong dan juga kawasan di Tanjong Bunga dan di tempat-tempat lain. Di Kampung Tanjong Tokong ialah adalah di kawasan kampung tradisional yang sedang dipengaruhi pembangunan moden oleh pemajunya iaitu UDA. Peranan UDA seharusnya membantu perkembangan Luar Bandar secara amnya tetapi UDA yang ada ini selalu yang lebih berperanan sebagai seorang pemaju yang tamakkan hasil komersial daripada memelihara nilai *social responsibility* nya untuk mengekalkan kampung tradisional atau memperjuangkan penduduknya berteraskan kepada Pembangunan Lestari.

Y.B. Tuan Pengerusi di kawasan Tanjong Bunga pula, pemaju-pemaju lebih berminat dapat lebih banyak faedah daripada menjaga eko sensitif semula jadi semasa mengadakan projek perumahan di lereng bukit dan juga memotong bukit bercerun kelas 3 dan 4. Misalnya projek *souring* di lereng bukit kita, Taman Chee Seng, Tanjong Bunga dan Dinamik Hall dan lain-lain lagi. Dengan adanya pembangunan di lereng bukit sejumlah kita dapati sejumlah 9 buah projek di kawasan lereng bukit di kawasan Tanjong Bunga diluluskan di mana terdapat jumlah 295 pohon pokok yang melebihi kos 0.8 meter ukur lilit telah ditebang. Selalunya kita faham kejadian tanah runtuh di lereng bukit berlaku. Kejadian tanah runtuh di lereng bukit di akibatkan pembangunan semenjak 1973 hingga 2000 telah membawa kerugian ekonomi lebih daripada RM2.5 bilion kepada negara kita yang baru sekali kita tahu adalah kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Disember 2008. Y.B. Tuan Pengerusi, mengikut laporan tentang kejadian tanah runtuh iaitu *Lecture Note For Highway/ Management, IEA/JKR* oleh Malone 1997...(dengan izin), bahawa satu *survey* antara 322 kes tanah runtuh menunjukkan bahawa 89% adalah disebabkan pemotongan cerun *cut slot* ....(dengan izin).

Satu lagi *survey* antara 260 kes tentang punca-punca kejadian tanah runtuh adalah seperti berikut, 90% adalah kerana *infiltrations*...(dengan izin), *or wanting saturation from water treatment"* (dengan izin), 38% kerana *epics*, 30% kerana *push water pavers* (dengan izin),. Jadi saya dengan data-data ini bercadang dan tidak bersetujulah pemotongan cerun bukit kelas 3 dan 4 dalam garis panduan pembangunan kawasan berbukit dibenarkan di Pulau Pinang terutamanya di kawasan yang berekosensitif. Malah Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga harus mengadakan satu *slot Master Plan*....(dengan izin), atau Pelan Induk Cerun Bukit di mana semua kelas 3 dan kelas 4 lokasi itu di letak dalam pelan itu untuk menunjukkan dalam *local plan* atau pelan tempatan supaya memastikan cerun kelas 3 dan 4 ini dipantau dengan betul dan tidak dipotongkan untuk sebarang pembangunan yang tidak ada rancangan teliti. Dalam proses pembangunan perumahan, eko-semula jadi sungai juga di *comities* dan dimusnahkan dan ditukar pengalirannya tanpa mengirakan fungsi-fungsi sungai misalnya Sungai Keliang di Tanjong Bunga dan Sungai Emas di Batu Feringhi semasa pemaju-pemaju dibenarkan *comities* sungai dalam projek tersebut mereka bukan sahaja memusnahkan alam semula jadi tetapi juga menjimatkan kos pembinaannya dan mendapat keuntungan yang tinggi daripada dari penjualan perumahan itu supaya pemaju-pemaju tidak melarikan diri daripada kewajipan sosial maka mereka harus diwajibkan untuk membuat *landscapes* atau membuat *Linear Park*...(dengan izin), di atas sungai yang di konkrit itu untuk pengetahuan Tuan Speaker, jumlah sungai yang di konkrit di Pulau Pinang adalah sebanyak 18 batang.



Y.B. Tuan Speaker, sistem pengangkutan di seluruh Negeri Pulau Pinang masih tidak memuaskan setakat ini walaupun perkhidmatan Rapid Penang, dengan 150 buah bas sedia ada dan juga akan ditambahkan bekal sejumlah 200 buah bas bermula secara

berperingkat mulai Jun 2009 kalau Rapid Penang selalu kena bersaing dengan bas pajakan dan kereta sapu maka saya fikir Rapid juga akan pilih jalan-jalan yang ada banyak penumpang membawa lebih keuntungan dan mengecualikan jalan-jalan yang kurang penumpang dan akhirnya keadaan kualiti servis bas awam tidak akan meningkat akibatnya menyusahkan orang awam yang tidak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, ahli Tanjong Bunga, maknanya ahli Tanjong Bunga setuju la dengan Kerajaan Persekutuan baik hati adakan Rapid Penang supaya ianya menjadi satu mekanisme pengangkutan awam yang benar-benar mempunyai elemen kebajikan, setuju lah.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Adun Seberang Jaya, saya memang setuju sebarang projek yang memberi kebaikan kepada rakyat tetapi saya juga mahu beritahu Y.B. setujukah pusat kerajaan juga memberi permit kepada bas pajakan yang sudah begitu baik dan servis nya kepada bas pajakan-pajakan itu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya rasa tidak ada masalah kalau EXCO berkenaan memainkan peranan kalau dia rasa boleh buat kertas-kertas kerja bagi menyokong apa yang dicadangkan tidak ada masalah, itu satu persaingan yang sihat tetapi terpulanglah kepada EXCO berkenaan, saya tak ada kuasa di sini tau, saya sebagai Adun Pembangkang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Tapi itu bukan caranya persaingan dengan haram, dengan yang tidak halal, dengan permit....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bukan tidak halal, tetapi EXCO berkenaan cari jalan-jalan tertentu dengan Kerajaan Persekutuan supaya boleh didapatkan, mesti ada cara.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Itu cara Barisan Nasional sahaja.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Banyak dah pun cara Kerajaan Negeri yang telah di persetujui oleh Kerajaan Persekutuan, ini maknanya banyak benda lagi yang akan dapat, dia ada caranya.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Jadi perkhidmatan U104 Rapid Penang dia telah mengecualikan perkhidmatannya di Jalan Maung Erskine misalnya yang seharusnya dilaluinya tetapi dia tidak buat begitu kerana kena bersaing dengan bas pajakan. Di samping itu berdasarkan prinsip CSR...(dengan izin), nya saya cadangkan Rapid Penang memberikan satu perkhidmatan bas percuma kepada murid-murid sekolah menengah

pada waktu tertentu misalnya di sebelah pagi pukul 6 hingga pukul 7, tengah hari 11 hingga 2 petang, sebelah petang 6 hingga pukul 7 malam untuk mengelakkan sesakkan jalan raya terutamanya di kawasan sekolah pada waktu sekolah. Jikalau diberikan perkhidmatan bas percuma ini akan meringankan beban keluarga yang miskin dan menggalakkan ibu bapa mengurangkan penggunaan kereta atau motosikal menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah dan ini akan mengurangkan kesesakan. Untuk mencapai satu negeri bertaraf Bandaraya Antarabangsa yang mampat, saya rasa polisi sistem berbasikal di Negeri Pulau Pinang harus diluluskan supaya hak penunggang basikal dapat dikekalkan. Berbasikal bukanlah lagi menandakan satu pengangkutan yang bertaraf rendah ia sudah menjadi satu konsep baru satu gaya hidup moden dari segi ekonomi, rekreasi pengangkutan kesihatan dan hijau misalnya di Leon Perancis, majlis perbandarannya telah berjaya meluluskan polisi satu sistem berbasikal yang sempurna dan berjaya mempromosi berbasikal sebagai gaya hidup manakala London dan beberapa bandaraya lain di Eropah telah pun mengguna pakai sistem Perbandaran Leon itu. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertindak secepat mungkin untuk menjadikan bandaraya yang pertama di negara kita dan juga Asia Tenggara yang mengadakan polisi sistem berbasikal itu. Tuan Pengerusi walaupun sektor pertanian tidak diabaikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin merayukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga prihatin sektor nelayan perikanan terutamanya *Coaster Catch*. Perikanan *coaster*...(dengan izin). Misalnya nelayan *coaster* di Tanjong Bungah selalu di ancami bot *troller* yang memasuki kawasan yang menghapus semua jenis ikan dan difahamkan bot *troller* itu datangnye dari Telok Bahang, selalunya pada waktu petang lebih kurang pukul 6 hingga pukul 8 malam dan selepas penangkapan oleh bot *troller* itu nelayan *coaster* Tanjong Bungah dan Tanjong Tokong tidak dapat menangkap ikan yang cukup pada hari keesokannya. Dicapangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang prihatin permasalahan nelayan *coaster* ini supaya kehidupan mereka terjamin. Dan sekian sahaja saya mohon menyokong terima kasih.

#### **Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Seterusnya ada ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin meneruskan perbahasan? Ada lagi? Saya ulang ada ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin meneruskan perbahasan untuk petang ini? Jika tidak ada saya akan, dewan ditangguhkan dan kita akan sambung semula perbahasan esok pukul 9.30 pagi Rabu 22 April 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.***